

"DALAM dunia yang dipenuhi oleh penyakit-penyakit sosial yang kronik seperti sekarang, umat Islam memerlukan ubat dan penyembuhannya. Dengan apakah penyakit-penyakit itu boleh diubuh atau disembuhkan? Ternyata bukanlah dengan pil-pil ataupun dengan pembedahan-pembedahan. Tetapi ialah dengan kesedaran beragama dengan kesedaran rujuk kepada Allah dan suruhan-suruhan-Nya." - Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 14 Jun 2000.

Pelita BRUNEI

قليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAGING dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah. Tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat pertunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira dengan balasan yang sebaik-baiknya kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Hajj ayat 37.

TAHUN 52 BILANGAN 50

RABU 12 DISEMBER 2007/1428 رابو 2 ذوالحجة

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengalungkan pingat kepada atlet negara dalam acara Pencak Silat Tunggal Wanita, Dayang Norleyermah Haji Raya yang memperolehi pingat perak di Sukan SEA Ke-24 di Korat, Thailand. (Lagi berita dan gambar-gambar sempena Sukan SEA Ke-24 dimuatkan di muka 18, 19, 20, 21, 22 dan 23).

Brunei raih pingat perak dan gangsa

KORAT, Thailand, Ahad, 9 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) menyabdakan tahniah di atas kejayaan pesilat negara, Norleyermah Haji Raya yang mengutip pingat perak dalam acara Pencak Silat Tunggal Wanita.

Sementara itu pada 10 Disember, negara telah memperolehi pingat gangsa menerusi Awang Mohd. Yazid Yatimi dalam acara lempar cakera.

"Saya merasa gembira di atas kejayaan atlet kita ini dan diharap peserta lain akan dapat memperolehi kejayaan lagi," sabda Duli Yang Teramat Mulia ketika ditemu bual wakil PELITA BRUNEI yang membuat liputan di Sukan SEA Ke-24 di Korat, Thailand.

Norleyermah merupakan pesilat tunggal mawakili negara dalam acara pencak silat bagi kategori puteri dan berdepan dengan cabaran enam peserta handalan dari negara ASEAN yang lain.

Ketangkasan dan ketepatan gerak pesilat kecil molek negara itu akhirnya berjaya memikat juri untuk mengumpul 458 mata, sekali gus memastikan



Berita dan Foto :
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
dari Korat, Thailand

pingat perak sulung buat negara selepas ketinggalan hanya tujuh mata di belakang Tuti Winarni, pesilat dari Republik Indonesia yang memperolehi pingat emas, sementara pesilat dari tuan rumah, Aangkana Aunkasiwet akur mengalung pingat gangsa selepas memperolehi 450 mata.

"Saya menyembahkan rasa penghargaan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia yang mengangkat bagi menyaksikan perlawanan, sekali gus ia merupakan satu suntikan semangat dan dorongan untuk saya mengukuhkan tahap keyakinan diri," jelas Norleyermah.



Lihat muka 23

'ASEAN Bebas Dadah 2015' memerlukan pendekatan bersepadu

GADONG, Isnin, 3 Disember. - Perisytiharan matlamat murni 'ASEAN Bebas Dadah 2015' memerlukan pendekatan bersepadu dari semua sektor kerajaan dan masyarakat awam.

Organisasi-organisasi kerajaan, institusi-institusi sosial, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), keluarga dan pertubuhan-pertubuhan keagamaan harus bekerjasama untuk mencapai matlamat tersebut melalui kerja berpasukan, rangkaian, kerjasama di dalam negara sendiri dan di kalangan negara-negara ahli ASEAN serta agensi-agensi antarabangsa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan berucap demikian di Majlis Perasmian Bengkel Ke-17 Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan Bukan Kerajaan (IFNGO) dan Per-

tubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan ASEAN Bagi Pencegahan Penyalahgunaan Dadah bertempat di Rizqun International Hotel, di sini.

Dalam mencapai hasrat murni itu jelas Yang Berhormat, Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Bagi Jenayah Merentasi Sempadan Kali Ke-6 yang diadakan di negara ini awal bulan lepas telah bersetuju bahawa untuk mencapai 'ASEAN Bebas Dadah 2015' di kalangan masyarakat ASEAN maka hubungan-hubungan sektoral serantau dan mekanisme-mekanisme tambahan perlu didukung dan diselaraskan.

Ini termasuk memperkukuhkan rangka kerja serantau, meningkatkan kesedaran mengenai dadah dalam badan-badan ASEAN yang relevan selain menyokong serta mengekalkan usaha-usaha perkembangan alternatif.

Menurut Yang Berhor-

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

mat, kesan globalisasi tidak boleh diubah sepenuhnya, bagaimanapun generasi muda boleh diselamatkan melalui kerohanian dan nilai-nilai akhlak selain mendidik serta melengkap-

kan mereka dengan pengetahuan kemahiran hidup yang relevan supaya mereka tidak dieksploitasi oleh penyalahgunaan dan pengedaran dadah serta bahan-bahan psikotropik.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menyaksikan pameran sejurus merasmikan Bengkel Ke-17 Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan Bukan Kerajaan (IFNGO) dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan ASEAN Bagi Pencegahan Penyalahgunaan Dadah. - Foto : Hermie Suliana Haji Othman.

Yang Berhormat berkata, masyarakat dan keluarga merupakan benteng terakhir dalam menjaga para belia untuk terus hidup sebagai masyarakat dan orang berguna.

"Pada tahap ini, mereka perlu terus diperkuatkan dengan menyosialkan dan mendidik mereka semula terhadap perubahan peranan dan fungsi masing-masing sesuai dengan perubahan masyarakat kita," tegas Yang Berhormat.

Kekuatan iman dan nilai-nilai moral ditambah dengan latar belakang keluarga yang kukuh, menurut Yang Berhormat, boleh membebaskan belia dari penyalahgunaan dadah di masa depan.

Selain itu jelasnya lagi, strategi-strategi bagaimana agama dan ibu bapa boleh membanteras penyalahgunaan dadah di kalangan para remaja hendaklah dikenal pasti.

Menurut Yang Berhormat, tema bengkel, 'Atasi

Berlakunya Residivisme Untuk Memastikan ASEAN Bebas Dadah 2015' adalah bersesuaian dan tetap pada masanya ketika residivisme menjadi kebingungan kepada semua dan hendaklah diberi keutamaan oleh para profesional rawatan pemulihan serta agensi-agensi berkaitan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya berkata, berulangnya penagihan dadah, pencegahan dan keperluan jagaan susulan hendaklah dinilai semula kerana ia perlu

bagi kejayaan mana-mana program atau modaliti.

Bengkel yang bermula 3 hingga 5 Disember itu dianjurkan oleh Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA) Negara Brunei Darussalam dengan sokongan Pelan Colombo dan Hal Ehwal Penguatkuasa Undang-undang dan Narkotik Antarabangsa, Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Antara yang hadir di majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari.

TAHUKAH AWDA

PADA enam bulan pertama 2007, Biro Kawalan Narkotik mencatatkan seramai 384 penagih dadah telah ditangkap berbanding 187 pada enam bulan pertama 2006. Peningkatan dalam penagih-penagih dadah yang baru turut dicatatkan. 217 penagih dadah yang baru telah ditangkap pada bulan Januari hingga Jun 2007 berbanding 95 tangkapan pada tempoh yang sama tahun lepas. Sumber : Buku Program Bengkel Ke-17 IFNGO ASEAN NGOs.



Dari Sidang Pengarang

12 DISEMBER 2007 BERSAMAAN 1428 2 ذوالحجّة

PESANAN YANG AMAT BERHARGA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Ramah Mesra Dengan Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland pada 2 Disember lalu berpesan kepada para penuntut supaya terus memelihara 'sistem nilai', mengamalkan dan membawanya ke mana-mana jua mereka berada.

Antara 'sistem nilai' yang paling luhur dan selamat ialah taat kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan Ulii Amri yakni pemerintah termasuk ibu bapa. Tidak syak lagi dengan mengamalkannya dalam kehidupan seharian, insya-Allah para penuntut sekalian akan terus selamat di dunia dan akhirat.

Pesanan yang amat berharga mustahak diambil perhatian yang berat oleh para penuntut khususnya yang berada di luar negara. Mereka tidak ada pilihan melainkan mengamalkan sistem nilai yang baik bukan setakat setelah diseru baru berbuat demikian, dan selepas itu hilang begitu saja. Apa yang dimahukan seperti juga baginda hasratkan agar ianya dijadikan 'teman hidup' yang sejati dalam melayari bahtera kehidupan yang dipenuhi dengan pelbagai pancoraba.

"Sistem nilai paling luhur ialah taat kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan taat kepada Ulii Amri, termasuk juga ibu bapa. Janganlah diabaikan semua ini, letakkan ia di lubuk hati masing-masing biar melekat," titah baginda.

Sebagai penuntut walaupun setinggi mana kelulusan akademik tidak akan menjamin seratus peratus kejayaan, malah akan hanyut dibuai tamadun kemodernan dan globalisasi andainya tidak berpegang kepada sistem nilai yang baik dan diredai Allah. Contohnya banyak berlaku ketika ini di dunia, di mana golongan yang menganggap diri mereka 'superior' dalam tamadun akademik akhirnya hanyut tanpa pedoman yang sejati.

Inilah sebenarnya yang baginda khuatiri. Baginda tidak mahu generasi penerus yang bakal meneruskan kesinambungan kepimpinan negara di masa mendatang akan terkulai layu. Malah mereka mengagungkan sistem nilai Barat yang setentunya tidak secekok dengan kehidupan dan adat resam orang-orang Brunei dan selaku purih bangsa Timur yang penuh dengan kesopanan dan tatasusila.

Selain itu, para penuntut juga perlu mengamalkan dan memahami konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi falsafah negara sejak 600 tahun yang lalu. Kita perlu menyedari MIB yang kita pusakai sejak ratusan tahun itu telah membawa negara kita ke mercu kejayaan pembangunan dan kemajuan yang gilang-gemilang sungguhpun kita dihambat oleh kemajuan moden. Contohnya nyata, bumi Brunei kini megah berdiri sendiri. Negara kita digolongkan antara sebuah negara di dunia yang pencapaian pembangunannya setara dengan negara-negara maju.

Bagi merealisasikan semua itu, perlunya para penuntut sekalian menjadi manusia pemikir yang akan melonjakkan negara ke mercu kejayaan yang lebih gemilang. Jika benar penuntut kita terdiri dari ahli-ahli fikir dan kaum cendekiawan sejati, mereka tentu akan memahami semua perkara yang dirantang itu. Ini selaras dengan titah baginda yang antara lain menitahkan:

"Beta mahu supaya penuntut-penuntut semuanya menjadi generasi pemikir. Janganlah turun ke bawah dalam berfikir, tetapi naik dan meningkatkan selalu sehingga mencapai taraf pemikir yang baik."

Bumi Darussalam ini mesti dibangun oleh tenaga pemikir untuk memperolehi 'negara baik' yang disebut oleh Allah sebagai 'Baldatun Thayyibatun Warabun Ghafur'. Dalam perlu dijadikan fokus utama generasi muda. Negara sejarah mengingatkan kita, negara yang runtuh adalah negara yang ketandusan daya berfikir sekalipun tergolong 'titled' kaya dan besar. Kerana perlu diingat, jika daya berfikir merosot, sudah pasti hawa nafsu yang akan bermaharajalela dan menguasai semua tindak tanduk kita yang akhirnya akan menjerumuskan negara ke lembah kehancuran dan kebinasaan.

Ini yang kita tidak mahu terjadi. Negara sememangnya dipenuhi dengan pelbagai rahmat dan nikmat yang tidak terhingga. Keamanan, kesejahteraan, kedamaian dan ketenteraman menjadi identitinya. Inilah satu-satunya kurnia istimewa kepada Brunei yang jarang-jarang terjadi atau terdapat di mana-mana jua. Lantas itu kita perlu pelihara dengan sebaik-baiknya.

Apa sekalipun rintangan di depan, kita perlu berpegang kepada tali Allah. Kita tatang keamanan dan kemakmuran sambil mengingat Allah banyak-banyak. Dengan cara itu, insya-Allah, Negara Brunei Darussalam akan terus subur membangun dan menjadi 'negara baik' yang sentiasa menciptakan kebahagiaan kepada rakyat dan penduduknya.

HASRAT NEGARA

SIAPKAN DIRI UNTUK JADI MANUSIA PEMIKIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbi 'Aalameen, Wabihee Nasta'een 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat pula bersama-sama dengan para penuntut pada hari ini. Beta berharap perhimpunan kali ini akan mencetuskan semangat baru bagi penuntut-penuntut untuk memenuhi cita-cita mereka masing-masing.

Kehidupan selaku penuntut adalah kehidupan yang tersendiri. Matlamat mereka di peringkat ini cumalah satu saja; berjaya dalam pengajian. Mereka bukan mencari wang tetapi mencari ilmu. Mereka belum lagi terlibat dengan perjawatan, atau apa jua jenis pekerjaan, tetapi sepenuh masa dan tenaga menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran.

Ini 'sikap' yang betul. Tetapi apakah semua penuntut memiliki sikap ini?

Pada hemat beta, sikap begini hanya akan wujud apabila kita mempunyai kesedaran terhadap masa depan. Namun kesedaran itu bukanlah datang dengan mudah, melainkan kita mesti terlebih dulu menyiapkan diri untuk menjadi manusia pemikir.

Hanya pemikiran yang tinggi dan matang sahaja yang mampu membawa seseorang itu ke ambang kejayaan. Janganlah dianggap kejayaan itu ibarat udara yang kita hirup, di mana semua orang dapat menikmatinya dengan percuma, tetapi kejayaan adalah memerlukan pencarian dengan usaha gigih serta titik peluh.

Jadi berasaskan ini, beta mahu, supaya penuntut-penuntut semuanya menjadi generasi pemikir. Janganlah turun ke bawah dalam berfikir, tetapi naik dan meningkatkan selalu sehingga mencapai taraf pemikir yang baik.

Negara Brunei Darussalam mesti dibangun oleh tenaga-tenaga pemikir untuk memperolehi nilai 'Negara Baik' dalam makna yang seluas-luasnya. Negara yang runtuh adalah negara yang ketandusan daya berfikir, sekalipun ia kaya dan besar. Kerana apabila daya berfikir merosot, maka sudah pasti, yang akan menggantikannya ialah hawa nafsu.


Definisi 'Negara Baik' itu disebut oleh Allah sebagai 'Baldatun Thayyibatun', yakni negara yang aman, sejahtera lagi makmur. Tanpa adanya unsur-

unsur ini, bermakna bukanlah itu 'Negara Baik' atau 'Baldatun Thayyibatun' menurut perspektif Al-Qur'an.

Kemudian 'Negara Baik' itu pula dilengkapi lagi dengan ungkapan berikutnya, 'Warabun Ghafur', yakni yang berdiri kukuh di bawah keredaan dan keampunan Allah.

Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam telah turut menampilkan ciri-ciri 'Negara Baik' itu dengan keamanan dan kemakmuran menjadi identitinya.

Ini tidak syak lagi adalah satu kurnia istimewa kepada Brunei yang jarang-jarang terjadi atau ter-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Ramah Mesra Bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland bertempat di Hotel Inter-Continental, London pada hari Ahad 22 Zulkaedah 1428 / 2 Disember 2007.

dapat di mana-mana jua. Maka oleh itu, peliharalah ia sebaik-baiknya.

Dengan apakah kita memelihara nikmat yang agung ini? Tidak lain, kecuali dengan mensyukuri-nya.

Beta ingin mengingatkan bahawa mensyukuri nikmat keamanan dan kemakmuran bukanlah dengan 'asyik bersenang-senang dan bermewah-mewah saja, tetapi hendaklah jangan lupa siapa yang

ampunya nikmat itu.

Jadi janganlah lupakan Allah. Kita tatang keamanan dan kemakmuran sambil mengingat Allah dengan sebanyak-banyaknya. Orang yang mengingati Allah tidak akan melakukan sesuatu yang boleh merosakkan keamanan dan kemakmuran itu.

Khusus kepada para penuntut, beta ingin berpesan supaya terus memelihara 'sistem nilai' yang baik di mana saja mereka berada. Bawalah ia ke mana-mana jua, insya-Allah selamat. Sistem nilai paling luhur ialah ta'at kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada Ulii Amri, termasuk juga ibu bapa. Janganlah diabaikan semua ini, letakkan ia di lubuk hati masing-masing biar melekat.

Inilah caranya mensyukuri nikmat-nikmat Allah itu. Kita kena jaga semuanya dan kena buat, barulah Allah akan mengekalkan nikmat-nikmat tersebut.

Beta penuh yakin, jika benar penuntut-penuntut kita terdiri daripada ahli-ahli fikir dan kaum cendekiawan sejati, maka mereka tentu saja akan dapat memahami perkara ini, lebih dari apa yang mampu difahami oleh orang lain.

Sekian Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

NEGARA Brunei Darussalam mesti dibangun oleh tenaga-tenaga pemikir untuk memperolehi nilai 'Negara Baik' dalam makna yang seluas-luasnya. Negara yang runtuh adalah negara yang ketandusan daya berfikir, sekalipun ia kaya dan besar. Kerana apabila daya berfikir merosot, maka sudah pasti, yang akan menggantikannya ialah hawa nafsu.

Berkenan menghantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand dan Tuan Yang Terutama General Surayud Chulanont, Perdana Menteri Thailand bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda yang ke-80.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas kemajuan mantap dalam hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand

di peringkat dua hala serta di peringkat ASEAN, serantau dan antarabangsa.

Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Thailand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada TYT Jeneral Surayud Chulanont, Perdana Menteri Thailand, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Thailand sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej.

Seterusnya baginda berharap semoga TYT Jeneral Surayud Chulanont, Perdana Menteri Thailand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan

Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada TYT Nitya Pibulsonggram sempena dengan Hari Keputeraan Raja Thailand.

Dalam perutusan itu, DYTM melahirkan penghormatan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej, ahli kerabat diraja dan kerajaan serta rakyat Thailand sempena Hari Keputeraan Raja Thailand.

DYTM juga melahirkan penghargaan kepada TYT atas usaha TYT dalam mengukuhkan perikongsian kerjasama yang erat antara kedua-dua buah negara dan sebagai rakan serantau.

DYTM berharap agar TYT dan keluarga serta semua rakyat Thailand di dalam dan di luar negeri bergembira meraiikannya.

PELIHARA 'SISTEM NILAI' YANG BAIK

ANALISIS TITAH

Oleh : Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

UNTUK mencapai kehidupan yang bahagia dan sempurna kita perlu berpegang kepada ajaran agama, nilai-nilai murni, adat resam, tatasusila dan etika, di samping undang-undang dan peraturan. Jika semuanya itu dapat dihayati dan diamalkan, kita akan menjadi manusia yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Dalam suasana persekitaran dunia moden di era globalisasi dan teknologi canggih ini kita menghadapi pelbagai cabaran termasuk isu-isu sosial yang melanda masyarakat terutamanya golongan remaja.

Gejala-gejala sosial seperti ajaran sesat, pergaulan bebas dan seks bebas, penyalahgunaan dadah, minuman keras, rompak, penipuan, korupsi, gangsterisme, rogol, penderaan dan seumpamanya itu jika tidak dikawal akan merosakkan struktur masyarakat dan menghancurkan negara dan bangsa.

Dalam hal ini kita mesti berusaha mencari 'utap' atau benteng untuk menghindarkan masyarakat dari terjerumus ke kancang gejala sosial yang pelbagai dan berleluasa itu. Utap dan benteng yang paling ampuh tidak lain dan tidak bukan ialah masyarakat perlu meningkatkan kesedaran beragama dan mengekalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Ini bertepatan sekali dengan pesanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Majlis Ramah Mesra Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland pada 2 Disember 2007 lepas yang antara lain menekankan:

"Khusus kepada para penuntut, beta ingin berpesan, supaya terus memelihara 'sistem nilai' yang baik di mana saja mereka berada. Bawalah ia ke mana-mana jua, insya Allah selamat. Sistem nilai paling luhur ialah taat kepada Allah, kepada Rasul-Nya, kepada Ulil Amri, termasuk ibu bapa. Janganlah diabaikan semua ini, letakkan ia di lubuk hati masing-masing biar melekat."

Pesanan titah Kebawah DYMM itu mempunyai maksud dan tafsiran yang amat luas yang perlu dihayati dan diamalkan dalam mengharungi kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Keempat-empat 'sistem nilai' paling luhur yang disebutkan itu insya Allah akan dapat memandu kita ke arah kesempurnaan hidup yang diredai Allah di dunia dan di akhirat.

Dengannya, kita juga akan dapat membentuk masyarakat yang berakhlak dan beriman, beribadah, berintegriti, berkualiti, produktif dan inovatif untuk membangun bangsa dan negara ke arah kecemerlangan.

Berteraskan ciri-ciri di atas tentunya juga kita akan dapat membangun dan memperolehi nilai 'Negara Baik' seperti yang disebut Allah 'Baldun Thayyibatun, Warabbun Ghafur' iaitu negara yang aman, sejahtera lagi makmur berdiri kukuh di bawah keredaan dan keampunan Allah.

TAAT KEPADA ALLAH

Taat kepada Allah itu ialah dengan mematuhi semua perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Suruhan Allah itu semuanya perkara-perkara yang baik yang dengannya kita memperoleh nikmat dan rahmat-Nya di dunia dan di akhirat, manakala larangan-Nya pula semuanya perkara mungkar yang jika dikerjakan berdosa dan membawa keburukan selain akan menerima azab balasan Allah di dunia dan di akhirat nanti.

Islam adalah agama yang lengkap meliputi ibadah, hukum, adab dan tatacara serta nilai-nilai murni dalam kehidupan. Ajaran Islam itu jika diamalkan dalam semua jurusan baik dalam pentadbiran, pendidikan, ekonomi, perniagaan,

kemasyarakatan, kekeluargaan, sains dan teknologi dan seumpamanya, maka tentunya kita tidak akan terpesong malah sentiasa mendapat rahmat keberkatan serta reda Allah Subhanahu Wata'ala.

TAAT KEPADA RASUL

Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam merupakan Rasul Allah, seorang manusia yang terbaik diutus untuk memimpin manusia mentaati dan mengerjakan suruhan Allah. Baginda merupakan model insan terbaik yang berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Taat kepada Rasul bererti kita mengasihinya, mengikut ajarannya, menurut sunnah dan perbuatannya. Rasulullah mengerjakan 'amal makruf, nahi munkar' - mengerjakan yang disuruh dan meninggalkan apa yang di larang oleh Allah. Baginda beriman, berakhlak mulia, pengasih, adil dan bijaksana.

Jadi, kita mesti mengikut ajaran dan sunnah Rasulullah. Insya Allah ia akan menjurus kita menjadi insan yang baik dan sempurna serta diredai Allah, di samping berguna kepada bangsa dan negara.

TAAT KEPADA ULIL AMRI

Islam mewajibkan kita taat kepada Ulil Amri atau pemerintah. Ini jelas di mana dalam kumpulan terdiri dari tiga orang pun kita dituntut melantik seorang ketua apatah lagi dalam sebuah negara. Kewajaran ini nyata di mana tidak ada sebuah negara atau organisasi pun yang tidak mempunyai pemimpin.

Kita dituntut mentaati pemerintah atau pemimpin selagi kita tidak disuruh melakukan perkara-perkara mungkar yang bertentangan dengan ajaran agama.

tangan dengan ajaran agama. Kita kasihi dan curah kesetiaan kepada pemimpin, ikut nasihat pemimpin, berikan kerjasama dan sokongan padu. Timbal baliknya, pemimpin akan kasih kepada rakyat dengan memeduli kebajikan mereka.

Dalam konteks negara ini, kita curahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda. Dengan adanya kerjasama dan sokongan padu kepada kerajaan baginda itu insya Allah negara ini akan terus aman dan sejahtera.

IBU BAPA

Ibu bapa perlu dihormati dan dipeduli kebajikan mereka. Tanpa mereka kita tidak akan lahir ke dunia. Mereka bersusah payah memelihara dan membesarkan kita. Mereka bersenggang mata, memberikan makan dan minum serta pendidikan untuk kita berjaya.

Menghormati dan memeduli ibu itu membawa berkat kepada kita. Jika kita mendapat berkat insya Allah kita akan berjaya. Disebutkan bahawa menderhaka kepada ibu bapa itu belasanannya akan diterima semasa kita masih hidup di dunia. Tentu sahaja seseorang yang menderhaka kepada kedua-dua orang tuanya tidak akan mendapat berkat dan kejayaan dalam hidupnya.

Kesimpulannya, jika kita dapat menghayati dan mengamalkan empat 'sistem nilai' di atas, insya Allah kita akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat nanti. Pada masa yang sama kita juga akan menjadi bangsa cemerlang yang mampu membangun negara yang makmur sejahtera serta diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

SPA bersikap terbuka terokai bidang bersesuaian

Oleh :
Hezlinawati Haji
Abd. Karim

JERUDONG, Rabu, 28 November. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Negara Brunei Darussalam sentiasa terbuka ke arah mendapatkan bantuan dan kerjasama dari SPA Malaysia untuk memperkukuh apa jua bidang yang bersesuaian dan strategik.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengerusi SPA, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned di majlis mengalu-alukan lawatan Kerja Rombongan SPA Malaysia ke negara ini, bertempat di Empire Hotel and Country Club, di sini.

SPA di negara ini jelasnya, telah membuat beberapa penjenjangan dan pengemaskinian tataraca semata-mata untuk memperkukuh perkhidmatan bagi memenuhi espektaisi pelanggan hari ini yang menuntut perkhidmatan yang terbaik.

"Oleh itu, antara lain, kita telah merebut piagam pelanggan kita yang kita kenali di negara ini sebagai TPOR iaitu Tekad Pemedulian Orang Ramai. Pada misalnya, kita telah memendekkan lagi TPOR

pemprosesan pengambilan pekerja dari sepuluh minggu kepada tujuh minggu," jelasnya.

Rombongan seramai lebih 60 ahli dan pegawai kanan dari SPA Malaysia diketuai oleh Pengerusi SPA Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri membuat lawatan kerja ke

negara ini.

Rombongan juga mendengarkan taklimat mengenai peranan dan bidang kuasa SPA Brunei yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi SPA Brunei, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.



ROMBONGAN seramai lebih 60 ahli dan pegawai kanan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia diketuai oleh Pengerusi SPA Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri bergambar ramai bersama Pengerusi SPA, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab semasa membuat lawatan kerja ke negara ini. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

RBTS dan World Aerospace tandatangani MOU

LANGKAWI, Rabu, 5 Disember. - Memorandum Pemahaman (MOU) di antara Royal Brunei Technical Services (RBTS) dengan World Aerospace (M) Sdn. Bhd. di Langkawi International Aerospace & Maritime Exhibition (LIMA 2007) ditandatangani untuk pengurusan BRIDEX 2009 kali kedua.

Majlis Penandatanganan MOU di Langkawi sempena LIMA turut disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib bin Tun Haji Razak dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamaneri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohamad Yasmin bin Haji Umar dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.

MOU itu ditandatangani oleh Pemangku Pengerusi RBTS, Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pengerusi World Aerospace, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Brunei International Defence Exhibition kali kedua atau BRIDEX 2009 dijadualkan akan berlangsung di Negara Brunei Darussalam pada 10 hingga 14 Ogos 2009 disokong penuh oleh Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam dan dikendalikan oleh RBTS, Bahagian Perbekalan Pertahanan dan Teknologi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan pengalaman World Aerospace sebagai Pengurus Pengendalian LIMA, BRIDEX 2009 menjanjikan satu lagi peristiwa yang penting di peringkat antarabangsa di Asia setelah kejayaan BRIDEX 2007.

BRIDEX 2009 akan menyediakan peluang berinteraksi bagi pegawai-pegawai pertahanan, industri-industri, para pengkaji dan para pembuat polisi untuk berinteraksi dan menyaksikan kemajuan teknologi pertahanan.

Ia juga memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha industri pertahanan selain memajukan perniagaan pertahanan dan perhubungan; mengetengahkan kepentingan teknologi dalam mengukuhkan pertahanan dan keselamatan dan mempromosikan peralatan, teknologi dan perkhidmatan kepada masyarakat umum untuk menarik minat mereka kepada kerja pertahanan.

Pameran yang bertemakan, 'A Network Enabled Approach And Improves Access of Intelligence Surveillance & Reconnaissance (ISR) akan menumpukan empat bahagian utama dalam sesi persidangan iaitu 'Integrating of ISR Collectors and Disseminating the Outputs within a Network Enabled Environment', 'Homeland Security', 'Supporting Deployed Forces on Peace-keeping Missions and Humanitarian Operations' dan 'Border Surveillance and Protection'.

BRIDEX 2009 berharap akan dapat mempromosikan cara penyelesaian terkini bagi industri pertahanan dan keselamatan, sesuatu peranan yang penting dalam menyediakan peluang bagi pengusaha dan pembekal untuk meneroka peluang kerjasama yang berkesan.

Ia juga berperanan sebagai landasan yang ulung dalam menyediakan pelbagai pilihan perkhidmatan dan sistem yang terkini bagi membolehkan penilaian yang lebih terperinci.

BRIDEX 2009 mengharapkan penyertaan pengusaha-pengusaha peralatan pertahanan terkemuka dari seluruh dunia dan kehadiran pegawai-pegawai tertinggi kerajaan di bahagian pertahanan dan rantaian ini, ahli-ahli profesional, delegasi luar negara, pedagang-pedagang bertauliah, penganalisa pertahanan, kakitangan perkhidmatan, syarikat-syarikat swasta dan pihak media.

Untuk maklumat lanjut tentang BRIDEX 2009, sila hantar pertanyaan awda kepada info@bridex2009.com atau menghubungi pegawai perhubungan berikut:

RBTS
Elaine Shim Sheus Eri
Level 6, Setia Kenangan Office Block
Setia Kenangan Complex, Kg. Kiulap
Bandar Seri Begawan, BE 1518
Tel: +673 2242701/2/3
Fax: +673 2244797

WORLD AEROSPACE
Marina Yahya
Tingkat 3, Wisma RSB Jalan Raja Abdullah
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603026912484
Fax: +603026912486



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan berucap di Majlis Permuzakarah dan Sesi Dialog Bersama Ketua-ketua Jabatan dan Jawatankuasa Pengurusan di Bawah Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri.

BERAKAS, Selasa, 27 November. - Sikap mengamalkan semangat kerja berpasukan (teamwork), komited berdedikasi dan bersikap secara proaktif dalam memastikan apa jua rancangan atau projek dapat dilaksanakan dalam masa yang ditentukan, di samping menanamkan sikap 'mesra pelanggan', bersopan santun dan prihatin dalam melayani kehendak dan keperluan masyarakat dan orang ramai adalah perlu serta amat penting untuk diamalkan.

Selain itu, Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan juga disarankan untuk mengeluarkan idea-idea yang inovatif dan mempunyai 'mindset' yang positif lagi berdaya maju bagi menjana kemajuan negara yang lebih dinamik, berdaya saing dan cemerlang.

Perkara ini ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan di Majlis Permuzakarah dan

Amalkan semangat kerja berpasukan

Sesi Dialog Di Antara Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Dengan Ketua-ketua Jabatan dan Jawatankuasa Pengurusan Di Bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat juga menekankan akan peri mustahaknya untuk merealisasikan visi dan misi KHEDN seperti mana yang digariskan dalam Perancangan Strategik KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tempoh 20 tahun (2005 - 2025).

Yang Berhormat menjelaskan, KHEDN dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mencapai tahap penambahbaikan khususnya dalam menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai serta menepati Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR) dalam tempoh yang lebih singkat, dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya sebagai contoh; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di mana proses visa/pas kerja hanya mengambil masa dalam tempoh empat hari, proses kad pengenalan kuning/ungu mengambil masa proses dalam tempoh lima hari serta permohonan passport/dokumen perjalanan pula hanya dalam tempoh tiga hari.

Sementara Jabatan-jabatan Daerah dan Bandar pula pengeluaran lesen-lesen Rampaian dipanjangkan tempohnya yang kebiasaannya satu tahun kepada tiga hingga lima tahun mengikut kategori.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat menegaskan, kita tidak boleh berpuas hati (complacent) dengan apa yang telah dicapai setakat ini malahan hendaklah akan sentiasa secara berterusan melipatgandakan usaha untuk mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan sama ada dalam apa jua jenis perkhidmatan termasuk dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam dan juga menyegerakan proses-proses permohonan orang ramai mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn
Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

"Ketua-ketua jabatan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan juga disarankan untuk sentiasa mengamalkan budaya 'turun padang' bagi memerhatikan dan mengetahui secara lebih dekat lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dan bagi memastikan segala kemudahan-kemudahan yang disediakan berkeadaan baik dan selamat semata-mata bagi kesejahteraan dan keselesaan orang ramai," jelas Yang Berhormat.

Tujuan utama Majlis Permuzakarah dan Sesi Dialog ini diadakan untuk bercambah fikiran serta mengalu-alukan sebarang pendapat, pandangan dan cadangan penambahbaikan secara terbuka sama ada secara khusus yang menjujur kepada 'core business' jabatan masing-masing, mahupun yang melibatkan 'core business' jabatan masing-masing, mahupun yang melibatkan bidang tugas KHEDN keseluruhannya.



KETUA-KETUA jabatan dan Jawatankuasa Pengurusan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ketika hadir bermuzakarah bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

MIB pupuk semangat cintakan negara

BANGAR, Isnin, 26 November. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni mengharapkan lawatan para pelajar Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Temburong ke Jabatan Penerangan akan dapat memupuk semangat cintakan negara melalui taklimat Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai panduan dalam menjalani kehidupan di masa hadapan.

Awang Haji Mahrub juga menyifatkan perjumpaan itu sebagai sesuatu yang tidak sia-sia malah akan mencetuskan perkembangan minda dan perubahan sikap berdasarkan nasihat-nasihat yang diberikan.

"Teruskan usaha yang gigih untuk menjadi orang yang berjaya kerana cabaran dahulu tidak sama dengan cabaran yang kamu hadapi di zaman globalisasi ini,"

tegas beliau.

Menurutnya, pelajar-pelajar akan menghadapi berbagai cabaran apabila meneruskan pelajaran ke peringkat menengah dengan suasana dan persekitaran yang serba baru.

Pemangku Pengarah Penerangan menjelaskan, cabaran akan bermula di peringkat Menengah Satu dan lebih hebat daripada peringkat rendah.

Beliau menambah, pelajar-pelajar akan berada di dalam persimpangan antara alam kanak-kanak dan peringkat remaja yang penuh dengan pancaroba dan berharap agar mereka sentiasa berfikir terbuka.

"Pelajar-pelajar haruslah membentuk diri dan identiti tersendiri ketika berhadapan dengan rakan-rakan baru jika mahu ingin diri lebih berdaya saing ke arah memupuk jati diri yang

Oleh : Marzuki Haji Mohd. Seruddin
Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

kreatif, aktif, berakhlak dan juga syumul," tegasnya.

Beliau juga menasihatkan para pelajar agar berwaspada terhadap pengaruh rakan-rakan yang boleh menghancurkan akhlak dan peribadi pelajar kerana pengaruh kawan lebih menyerlah daripada pengaruh keluarga.

Para pelajar adalah aset yang paling berharga bagi negara kerana setiap individu adalah penting dan negara tidak ingin membazirkan tenaga mereka dalam usaha merealisasikan matlamat pembangunan negara.

Pemangku Pengarah Penerangan juga menasihatkan pelajar-pelajar tersebut agar berhati-hati dalam menggunakan kemudahan

teknologi dan maklumat komunikasi (ICT) dengan bijaksana.

Beliau mengingatkan mereka supaya tidak menjadi hamba kepada ICT sebaliknya menggunakannya untuk mencari informasi atau maklumat yang berguna dengan cepat.

Pada perjumpaan itu Pemangku Pengarah Penerangan juga menjelaskan mengenai fungsi Jabatan Penerangan sebagai lidah penyambung dalam menyampaikan maklumat-maklumat berhubung dengan kerajaan dan hal ehwal semasa.

Dalam lawatan tersebut, Ketua Bahagian Kenegaraan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim dalam taklimatnya mengenai MIB

juga menekankan tentang pentingnya falsafah negara itu yang penuh dengan keunikan serta adat tradisionalnya tersendiri.

Pemangku Pengarah Penerangan di majlis itu juga menerima cenderamata yang disampaikan oleh ketua rombongan, Dayang Norhayati binti Haji Abdul Khadir.

Selepas itu rombongan juga dibawa melawat ke beberapa bahagian di Jabatan Penerangan.

Statistik keputusan dalam Penilaian Sekolah (PSR) Rendah 2007 menunjukkan peningkatan yang memamerkan kemampuan tenaga pengajar dalam men-

didik dan memimpin para pelajar.

Salah seorang penuntut cemerlang yang mendapat Gred 'A' dalam lima mata pelajaran, Dayang Jurianah binti Ardiris, 12 tahun ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI menyatakannya adalah atas galakan dan dorongan ibu bapa yang prihatin tentang pembelajarannya.

Selain tekun belajar dan mempunyai jadual seimbang di antara mengulang kaji pelajaran dan hobi bermain badminton beliau juga mengikuti kelas tambahan.

Beliau yang berhasrat melanjutkan pembelajaran ke Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Tembu-

rong itu bercita-cita untuk menjadi peguam atau guru.

Keputusan Peperiksaan PSR 2007 menunjukkan dari 7,219 calon yang menduduki peperiksaan itu seramai 6,138 calon atau 85.03 peratus pelajar lulus dan hanya 1,071 calon atau 15.97 peratus tidak mencapai keputusan yang baik.

Keseluruhan keputusan mencatatkan 36 buah sekolah lulus 100 peratus sekurang-kurangnya empat mata pelajaran mengikut syarat lulus.

Lebih membanggakan seramai 570 calon atau 7.90 peratus pelajar mendapat keputusan cemerlang dengan mendapat Gred 'A' dalam lima mata pelajaran.

SEKILAS INFO

TARIKH TERAKHIR MENGEPOS MEL HARI NATAL 2007

JABATAN Perkhidmatan Pos ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa tarikh terakhir mengedpos mel Hari Natal bagi tahun 2007 ialah seperti berikut :-

BIL	DESTINASI DESTINATION	BIASA ORDINARY	UDARA AIRMAIL
1	Tempatan/Local	19/12/2007	-
2	Negara-negara ASEAN/ASEAN Countries	-	17/12/2007
3	United Kingdom	Mel Tanguhan Deferred Mel	17/12/2007
4	Lain-lain Negara/Other Countries	-	15/12/2007



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub memberikan taklimat mengenai Melayu Islam Beraja (MIB) kepada rombongan pelajar dari Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Temburong.

Sikap prejudis terhadap golongan berkeperluan khas perlu diubah

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn
Foto : Halim Haji Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Menteri Pembangunan, yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah berkata mendapatkan pekerjaan adalah perkara yang paling penting bagi seseorang individu dari segi ekonomi, sosial dan penghargaan diri.

Namun, terangnya keinginan tersebut tidak dapat dipenuhi akibat disebabkan oleh kekurangan serta penerimaan setengah masyarakat yang tidak sanggup untuk menggaji golongan berkenaan.

"Ramai di antara mereka masih belum mendapat pekerjaan dan kebanyakan mereka ini masih lagi bergantung kepada keluarga dan ihsan daripada masyarakat," ujarnya di Majlis Pelancaran Sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah di sini.

Menurut Yang Berhormat, kemampuan orang berkeperluan khas di sektor pekerjaan perlu diambil kira oleh setiap organisasi dan sikap prejudis terhadap kemampuan golongan ini, perlu diketepikan dan diubah.

Pada masa ini jelasnya, beberapa buah agensi kerajaan dan swasta telah memberikan perkhidmatan dan sumbangan kepada pembangunan negara.

"Daripada maklum balas yang diterima jelas menunjukkan kebolehan golongan berkeperluan khas untuk menceburi bidang pekerjaan," katanya.

Terdahulu daripada itu Yang Berhormat berkata,

jumlah orang berkeperluan khas yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) adalah seramai 4,633, yakni 1,607 orang kurang upaya dan 3,026 yang lemah pembelajaran.

Di mana tambahnya, 0.4 peratus sahaja daripada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada golongan kurang upaya.

Tema sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas adalah 'Pekerjaan Yang Sesuai Bagi Orang Berkeperluan Khas' atau 'Decent Jobs For Disabled Persons'. Tema ini dipilih adalah selaras dengan Konvensyen Hak Asasi Orang Berkeperluan Khas dan UNESCO Biwako Millenium Framework yang mempunyai hala tuju ke arah 'an inclusive barrier free and rights-based society' bagi golongan berkeperluan khas.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menerima sumbangan-sumbangan derma bagi orang berkeperluan khas daripada Mum Bakery sebanyak \$2,500.00, Syarikat Telbru sejumlah \$2,000.00, Syarikat DST menyumbang sebanyak \$2,000.00 dan Syarikat LCY Development sebanyak \$2,000.00.

Yang Berhormat juga menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam menjayakan sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas.

Sambutan Hari Antarabangsa Berkeperluan Khas 2007 yang sebenarnya jatuh pada setiap 3 Disember yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terhadap kemampuan orang berkeperluan khas di negara ini, meraiikan sambil merapatkan hubungan silaturahim sesama golongan



MENTERI Pembangunan, yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah menyaksikan golongan berkeperluan khas sejour melancarkan sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah di ibu negara.

orang berkeperluan khas dan juga dengan orang ramai, memenuhi peranan dan tanggungjawab JAPEM yang sentiasa memeduli kesejahteraan dan kepentingan rakyat di negara ini

termasuklah orang berkeperluan khas.

Bagi memeriahkan lagi sambutan tersebut beberapa persembahan termasuk persembahan gerak silat dan tarian turut ditunjukkan

oleh ahli-ahli orang berkeperluan khas.

Di samping itu juga diadakan gerai-gerai pameran dan jualan sayuran-sayuran, pakaian dan sebagainya.

RTB kemaskinikan proses pemilihan kontrak penerbitan drama

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Selama lebih satu dekad Radio Televisyen Brunei (RTB) telah berusaha mengemaskinikan proses pemilihan kontrak penerbitan drama swasta dalam usaha untuk mengelakkan prasangka buruk sesetengah pihak.

Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Osman bin Haji Mohammad menyatakan demikian di Majlis Menandatangani Perjanjian Penerbitan Drama Bersiri Bagi Tahun 2007, bertempat di Studio 'A' RTB, di sini.

Ke arah usaha tersebut jelasnya, RTB pada tahun ini telah memperkenalkan tiga perubahan mengenai penilaian drama dengan menggunakan khidmat pakar luar negeri, pemilihan melalui proses 'tawaran' atau 'sebut harga' dan memberikan kelonggaran kepada mana-mana syarikat yang berjaya untuk 'sub-contracting' sebahagian dari kontrak penerbitan kepada syarikat lain asalkan ianya mendapat 'endorsement' dari mahkamah.

Awang Haji Osman seterusnya menjelaskan, sebagai usaha tambahan RTB akan memperkenalkan kaedah 'pitching' pada tahun 2008 di mana kaedah tersebut sering digunakan oleh stesen televisyen di luar negara untuk menghasilkan rancangan yang bermutu.

Selain itu beliau juga menyeru agar semua syarikat penerbitan swasta supaya tidak terlalu bergantung kepada RTB, sebaliknya disaran agar terus mencari peluang di tempat lain bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara.

Di majlis tersebut Pemangku Pengarah RTB bersama Timbalannya, Awang Haji Hamidon bin Haji Ibrahim menandatangani perjanjian kontrak penerbitan drama bersiri dengan wakil dari lapan buah syarikat penerbitan swasta yang terpilih.

Syarikat-syarikat penerbitan tersebut terdiri dari Shazana's House of Photography (Jerebu 2), Regal Blue Production (Perjalanan), Masscom TV Production (Ditelan Pahit Dibuang Sayang), Sharimas Production House (Menguntai Kasih Menjulung Sayang), Dasmin Studio Production (Rahsia Hati), DV Cam Production (Segugus Kudrat), Rezal Malek Faesal Productions (Wasiat) dan Megabond Sendirian Berhad (Sahabat).

Jabatan Penerangan tuan rumah lawatan Biro Tatanegara Cawangan Sabah

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Haji Sahrin Haji Asmat,
Hatrul Hazmi Abd. Hamid

BERAKAS, Sabtu, 1 Disember. - Jabatan Penerangan menjadi tuan rumah kepada rombongan 50 pegawai dan kakitangan Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Cawangan Sabah yang membuat lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Dalam kunjungan ke Jabatan Penerangan, rombongan dialu-alukan oleh

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni yang dalam taklimatnya antara lain menerangkan mengenai strategi-strategi kerja Jabatan Penerangan melalui media cetak, media interpersonal dan internet.

Rombongan juga diberikan maklumat mengenai aktiviti kenegaraan melalui program Jabatan Penerangan yang disampaikan

oleh wakil Bahagian Hubungan Kemasyarakatan, Ketua Bahagian Akhbar dan Ketua Bahagian Kenegaraan dalam sesi taklimat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan di sini.

Pengarah Biro Tatanegara Cawangan Sabah,

Datuk Ibrahim Saad dalam ucapannya antara lain menjelaskan mengenai objektif utama Biro Tatanegara tersebut yang mengendalikannya pelbagai kursus dan seminar untuk memupuk semangat patriotisme kepada semua lapisan masyarakat.

Selama berada di negara ini, rombongan juga mengadakan lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Da'wah Islamiah dan Universiti Brunei Darussalam selaras dengan objektif lawatan berkenaan antaranya untuk mengeratkan silaturahim antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia melalui perkongsian maklumat.



ROMBONGAN pegawai dan kakitangan Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Cawangan Sabah ketika membuat lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan (kiri), sementara gambar kanan, bergambar ramai ketika membuat lawatan ke Universiti Brunei Darussalam.

TINJAUAN

JABATAN Kastam dan Eksais Diraja (JKED) salah sebuah jabatan yang tertua yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1906 yang dikenali dengan gelaran Pejabat Kastam.

Kewujudan Pejabat Kastam adalah ekoran terhasilnya Undang-undang Kastam mengenai dengan tanggungjawab import dan eksport bagi maksud perbelanjaan pentadbiran di bawah kawalan Residen British. Peranan dan tanggungjawab Pejabat Kastam bukan hanya difokuskan kepada pungutan hasil cukai import dan eksport serta mengawal kegiatan-kegiatan penyeludupan tetapi juga telah dilartakan dalam hal ehwal kewangan (treasury) berikutan penyatuannya dengan Pejabat Perbendaharaan pada tahun 1915. Cukai import dan eksport kastam adalah

sekitar \$7 ribu dengan bilangan 15 anggota. Namun ketika ini peranan kastam adalah lebih meluas dengan kutipan hasil yang lebih jauh meningkat dengan hampir 500 anggota warga kerja.

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, JKED banyak mengalami perubahan dalam bidang perkastaman selaras dengan perkembangan semasa ekoran penglibatan jabatan sebagai ahli kepada Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO), begitu juga penglibatan dalam ASEAN, APEC, ASEM, WTO dan BIMP-EAGA.

Menurut Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shahbudin dalam temu bual eksklusif di pejabatnya berkata, JKED mempunyai visi untuk menubuhkan keamanan, kemakmuran dan juga kesejahteraan Negara Brunei Darussalam dan misinya adalah untuk meningkatkan kutipan hasil memudahkan cara perdagangan dan meningkatkan keselamatan masyarakat dan negara. Jadi sejajar dengan visi dan misi itu JKED mempunyai tiga peranan di bidang yang perlu dilaksanakan.

1. Mengurus dan meningkatkan kutipan hasil.
2. Memudah cara perdagangan.
3. Menguatkuasakan undang-undang kastam dalam kita sama-sama memelihara keselamatan masyarakat dan negara.

TANGGUNGJAWAB

Jadi bertepatan dengan

peranan dan tanggungjawab serta sejajar dengan Perintah Kastam 2006 dan peraturan-peraturan yang berkaitan mengenainya, kata Pengiran Abdul Haris JKED telah diberi kuasa untuk mengawal keluar dan masuk barang-barang larangan dan tegahan Negara Brunei Darussalam. Di sini terdapat empat jadual di dalam perintah kastam berhubung dengan barang-barang larangan dan tegahan berhubung kait dengan eksport dan import.

Jadual pertama ialah larangan bagi import. Dalam hal ini mana-mana orang adalah dilarang sama sekali untuk membawa masuk ke negara ini barang-barang yang terkandung dalam jadual yang pertama ini antaranya rokok yang tidak mempunyai amaran kesihatan.

Jadual kedua adalah sekatan bagi import. Ertinya mana-mana orang adalah disekat untuk membawa masuk ke negara ini barang-barang yang terkandung dalam jadual kedua melainkan jika orang-orang berkenaan mendapat kebenaran daripada agensi-agensi yang berkenaan ataupun JKED berpandukan kepada jenis barang-barang tersebut seperti contoh, lembu hidup jika diimport ke negara ini perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan Pertanian begitu juga tanam-tanaman dan tumbuhan hidup untuk dibawa ke negara ini perlu mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Pertanian.

Jadual ketiga adalah larangan bagi eksport.

100 tahun Jabatan Kastam dan Eksais Diraja: PERANAN, CABARAN HADAPI UJIAN ZAMAN

Oleh :
Dr. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn
Foto : Ihsan JKED

Jadi mana-mana orang adalah dilarang sama sekali untuk membawa keluar barang-barang yang terkandung di dalam jadual ini daripada negara ini contoh batu atau batu kelikir dilarang dieksport.

Jadual empat mana-mana orang disekat untuk membawa keluar dari negara ini melainkan mendapat kebenaran agensi-agensi berkenaan atau JKED mengikut jenis-jenis barang contohnya, minyak tidak suka-suka hati dibawa keluar.

Dalam usaha JKED tegasnya mempertingkatkan pegawalan keluar dan masuk barang-barang larangan dan tegahan ini, JKED sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei dan lain-lain bagi memastikan peraturan-peraturan dan undang-undang adalah dipatuhi dan selain JKED bekerjasama dari semasa ke semasa dengan orang ramai dalam sama-sama mengawal barang-barang tegahan. Ini berhubung kait dengan larangan.

MEMUDAH CARA PERDAGANGAN

Seperti mana yang dinyatakan peranan JKED adalah memudahkan cara perdagangan. Jadi dalam hal ini memudahkan cara perdagangan sejajar dengan hasrat JKED meningkatkan Tekad Pemedulian Orang Ramai

(TPOR).

"Sejajar dengan hasrat meningkatkan pemedulian yang mesra pelanggan dan melihat bahawa memudahkan cara perdagangan ini adalah satu daripada agenda utama yang paling penting selain daripada katani menitikberatkan terhadap pengawalan aspek-aspek keselamatan di dalam perkastaman antarabangsa seperti dalam peringkat serantalan contohnya, ASEAN dan dalam WCO yang mana menekankan bahawa perlunya pentadbiran kastam itu memudahkan cara perdagangan terhadap proses perdagangan," tegas beliau lagi.

Hasrat JKED jelas beliau lagi turut sama-sama menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negara ini melalui perkhidmatan yang diberikan. Jadi yang sebenarnya banyak usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ke arah jabatan ini melaksanakan memudahkan cara perdagangan ini antaranya JKED melaksanakan dan praktis yang terbaik dalam perkastaman antarabangsa seperti mana yang diperkenalkan oleh WCO berhubung dengan 'harmonize system' memang kita melihat digunakan perkastaman di peringkat ASEAN dan juga pentadbiran kastam di bidang WCO. Selain daripada itu JKED mengguna pakai penilaian harga kastam berdasarkan kepada ni-



PENGAWAL Kastam dan Eksais Diraja, Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shahbudin menegaskan secara umum selepas kita mengecapi kemerdekaan Jabatan Kastam Eksais Diraja (JKED) menjadi Ahli Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) dan seterusnya pentadbiran kastam ASEAN dapat bekerjasama menggunakan 'harmonize system' dan perancangan strategik bagi tahun 2006 - 2015.

laian yang dibuat oleh WTO.

"Ini adalah memudahkan cara perdagangan. JKED seperti diterangkan oleh Menteri Kewangan dalam Majlis Sambutan 100 Tahun JKED baru-baru ini akan menggunakan e-kastam. Insya-Allah katani akan menggunakan pertengahan 2008," tegas beliau.

Dalam perlaksanaan-nya apabila ia sudah siap akan dapat memudahkan cara dalam pengendalian peraturan deklarasi kastam dengan penggunaan teknologi terkini. Dengan adanya 'national single window' ianya juga melibatkan kastam dan agensi berkenaan berhubung dengan deklarasi kastam. Ia perlu mendapat kebenaran daripada mana-mana jabatan berkenaan memo-

hon melalui 'online'. Orang ramai tidak lagi perlu ke jabatan berkenaan.

PERANCANGAN STRATEGIK 2006 - 2015

Dalam usaha JKED meningkatkan keberkesanan meningkatkan tiga peranan utama Pengawal Kastam dan Eksais Diraja juga menerangkan mengenai perancangan strategik tempoh sepuluh tahun bermula 2006 - 2015.

Dalam perancangan strategik ada enam matlamat strategik digariskan:

* Mengemas kini perundangan, peraturan, prosedur dan teknik kastam mengikut aspirasi negara dan sejajar dengan mengambil kira praktis antarabangsa yang terbaik.

* Meningkatkan kutipan hasil.

* Meningkatkan kualiti pengurusan.

* Memberikan perkhidmatan yang berkualiti, berkesan dan efisien memperkasa peranan keupayaan pencegahan dan perisikan.

* Mengguna pakai kemajuan teknologi.

Dalam strategik banyak rancangan dan program dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan berkualiti.

MAKLUMAT DARI ORANG RAMAI DIALU-ALUKAN

Pengiran Abdul Haris juga berkata bagaimana masyarakat dapat membantu dalam JKED untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Masyarakat dan orang ramai adalah sangat penting dalam Perkhidmatan Awam.

Dalam JKED melihat mereka sebagai pelanggan, teman dan sahabat. Masyarakat juga dapat membantu JKED melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Adalah penting orang ramai mematuhi perintah-perintah dan undang serta peraturan. Sekiranya orang ramai mematuhi undang-undang kastam bererti mereka telah membantu dan bekerjasama dengan JKED dan bertanggungjawab kepada Negara Brunei Darussalam.

"Orang ramai adalah dialu-alukan dapat memberikan maklumat-maklumat jika mereka mendapati ada kegiatan-kegiatan yang menyalahi peraturan-peraturan dan undang-undang kastam," tegasnya.

PENCAPAIAN DAN HARAPAN

Kejayaan-kejayaan 100 tahun penubuhan JKED daripada sejarah dan cabaran-cabaran serta pencapaian dan kemajuannya. Secara umum apabila setelah kemerdekaan JKED menjadi Ahli WCO dan seterusnya pentadbiran kastam ASEAN dapat bekerjasama melalui 'harmonize system' dan perancangan strategik tahun 2006 - 2007.

Bila bercakap perancangan kastam 2006 - 2015, tegas Pengiran Abdul Haris untuk melaksanakan yang sangat penting adalah komitmen dan kerjasama dan bekerjasama secara berpasukan di kalangan JKED. Kita menyedari dengan menggunakan kemajuan-kemajuan terkini dalam usaha JKED mengutip hasil dan memudahkan cara perdagangan dan menjaga keselamatan masyarakat dan negara. Dalam hal ini perkembangan sumber tenaga manusia dalam jabatan sangat mustahak bagi membolehkan mereka mengamalkan ciri-ciri yang terkandung dalam buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam dan etika kerja kastam mempunyai integriti sifat amanah, jujur, bersopan santun dan pemedulian serta proaktif kerana kecemerlangan adalah bergantung kepada kecermerlangan pegawai kerja kastam itu sendiri.



BEKAS bangunan Ibu Pejabat Kastam Bandar Seri Begawan (1920-1988).



BANGUNAN Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar yang telah digunakan sejak tahun 1998.

Berikan sumbangan, bukan membebankan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad berharap agar setiap individu boleh menyumbang kepada pembangunan negara mengikut kemampuan dan kebolehan masing-masing dan bukan menjadi beban kepada negara.

"Kalau boleh kita tidak mahu ada yang tercicir, kita tidak mahu ada yang bermasalah, kita tidak mahu ada yang gagal," tegas beliau ketika berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Bagi Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Sekolah Rendah Seluruh Negara di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei, di sini.

Oleh yang demikian tambah beliau, untuk mencapai matlamat tersebut maka perhatian yang sewajarnya perlu diberikan supaya para pelajar akan sentiasa dalam sihat, ceria, cergas, aktif, kreatif, berakhlak, beragama dan 'syumul' atau 'all rounded'.

Menurut beliau, harta yang paling berharga ialah anak-anak dan pelajar-pelajar yang berada di bangku sekolah kerana semakin rendah bilangan penduduk sesebuah negara seperti Negara Brunei Darussalam ini maka semakin tinggi nilai setiap pelajar tersebut.

Ketika berucap beliau menekankan, gejala penyalahgunaan dadah sama sekali tidak dapat dihapuskan tetapi usaha melalui pertandingan itu akan dapat mengurangkan keburukan gejala tersebut dan seterusnya dapat memberikan kefahaman serta kesedaran yang lebih merata dan lebih meluas di kalangan pelajar di semua peringkat, di samping dapat menimbulkan daya kreativiti pelajar untuk berseni selama mana ia tidak bercanggah dengan akidah Islam.

Dua tema pertandingan yang dipilih 'Remaja Berwawasan Kestabilan Negara' dan 'Sayangi Diri Masa Depan Harmoni' membawa makna kestabilan dan keharmonian hidup masyarakat dan negara kita di masa hadapan akan banyak bergantung kepada para belia kita hari ini yang berwawasan bersikap pemikir, remaja yang berpendirian jauh ke hadapan, remaja yang berpendirian teguh, tidak mudah terpengaruh oleh sebarang godaan dan di pautkan serta remaja yang sadar akan nasib bangsanya.

"Remaja seperti inilah yang akan dapat menyelamatkan negara, mengharumkan nama negara dan bersedia berkorban untuk negara," tegas beliau.

Di majlis itu beliau juga melahirkan rasa tertarik dengan ketiga-tiga jenis pertandingan yang memfokuskan kepada adaptasi dan bimbingan dalam rangka untuk menjaui dadah seperti Pertandingan Koir Anti-dadah Peringkat Sekolah Rendah Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Pertandingan Peringkat Antidadah (A Team) dan Pertandingan Juara Kugiran Antidadah Bagi Sekolah Menengah dan Maktab Seluruh Negara.

Pertandingan Akhir Kumpulan Bertindak Antidadah (A Team) dijuarai oleh Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolikiah, Lumut dengan markah 79.83 peratus, tempat kedua, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIAPAD), Jalan Tutong dengan markah 76.93 peratus dan tempat ketiga, Sekolah Menengah Sayyidina Hussein Jerudong dengan markah 75.12 peratus.

Bagi Kategori Koir Antidadah, Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok, Brunei II menjadi johan pertandingan dengan markah 80.67 peratus diikuti Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassan Bolikiah dengan markah 79.00 peratus, manakala di tempat ketiga, Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Temburong dengan markah 76.33 peratus.

Pertandingan Akhir Kugiran Anti-dadah pula dijuarai oleh Sekolah Menengah Sayyidina Hussein, Jerudong dengan markah 80.00 peratus diikuti oleh Sekolah Menengah Awang Semaun dengan markah 78.17 peratus dan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong di tempat ketiga.

Sementara itu Penyampai Terbaik bagi Kumpulan

Oleh : Marzuki Haji Mohd. Seruddin

Bertindak Antidadah disandang oleh Dayang Nur Aqilah binti Haji Abdul Hamid dari SUAMPRIAPAD, Lirik Terbaik bagi Koir Antidadah dengan tajuk lagu 'Sayangi Diri' dimenangi oleh Dayang Masni binti Galawat dari Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok, manakala Lirik Terbaik bagi Kugiran Antidadah dengan lagu bertajuk 'Dadah Berbahaya' dimenangi Awang Ruzaini bin Muhammad dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

Atur cara majlis termasuklah persembahan dari pemenang setiap kategori pertandingan, penyampaian hadiah dan sijil oleh tetamu kehormat serta penyampaian hasil projek Pertandingan Pasukan Bertindak Antidadah selain pameran hasil projek Pertandingan Pasukan Bertindak Antidadah.

Juga hadir Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Ketua Pengarah, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pengetua-pengetua maktab dan sekolah-sekolah menengah serta guru-guru besar sekolah rendah.

Pada tahun 2007 ini, pegawai dan kakitangan Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja telah berjaya menjalankan beberapa program untuk memberikan kesedaran kepada pelajar dalam pelbagai aspek ilmu.

Antaranya, Unit Pendidikan Kerjaya mengukuhkan Ekspo Kerjaya dan Pendidikan Tinggi selama tiga hari bermula 2 hingga 4 April, mengadakan Jerayawara Kerjaya di sekolah-sekolah pada bulan Mei yang disertai oleh pelbagai Kementerian dan pihak swasta, mengadakan Bengkel Kerjaya khusus untuk guru-guru seluruh negara, mengadakan Bengkel Hari Kesedaran Kerjaya yang dikendalikan oleh ARK Publication Malaysia dan mengadakan Ceramah Kerjaya kepada penuntut Menengah Lima pada bulan Mac dan Menengah Satu sepanjang bulan April.

Unit Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) pada tahun 2007 juga melatih lebih 800 orang penuntut sekolah-sekolah menengah dan maktab melalui Kursus Asas PRS dan Kursus Lanjutan PRS dengan mendedahkan ilmu Perkembangan Remaja, Pengurusan Masa Berkesan, Teknik Kemahiran Berkomunikasi Berkesan, Teknik Mengendalikan Mesyuarat, Membuat Keputusan Bijaksana, Teknik Mengurus Tekanan, Kepimpinan, Mengatasi Masalah dan Kemahiran Asas Kaunseling yang dibagikan kepada lapan pusat di mana sepanjang tahun 1996 hingga tahun 2007 ini keramai pelajar mengikuti kursus PRS mencapai 8,620 orang.

Unit Latihan dan Motivasi juga mengadakan Kursus Asas, Kaunseling khusus kepada 41 orang guru-guru kaunseling sekolah menengah dan rendah kerajaan dan swasta pada 1 Julai hingga 1 September antaranya Kursus Definisi Teori dan Kepentingannya, Teori Psikoanalitik, Teori Psikologi Individu, Teori Rasional-Emotif, Teori Tingkah Laku, Teori Pemusatan Klien dan Teori Kerjaya John Holland dan Super.

Pada 6 hingga 9 September, Kem Kaunseling Jaya Diri diadakan di Sekolah Vokasional Wasan melibatkan 160 orang penuntut daripada 33 buah sekolah menengah dan vokasional termasuk Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassan Bolikiah.

Sepanjang 2007, Pusat Sumber Kerjaya juga berhasil membantu seramai 215 orang pencari kerja mendapatkan pekerjaan di sektor swasta sama ada pekerjaan jangka pendek ataupun jangka panjang, di samping mengadakan kursus sehari kepada pencari kerja dan beberapa sesi kursus asas komputer.

Pada tahun 2007, Unit Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah juga mengadakan Forum Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan dan Swasta serta Sekolah Vokasional Seluruh Negara di mana panel forum terdiri daripada pelbagai agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Unit ini juga mengendalikan ceramah ke sekolah-sekolah rendah, Program Lima Minit Antidadah, Kaunseling dan Pertandingan Antidadah.

Combat Net Radio (CNR) untuk ABDB

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Disember. - Kementerian Pertahanan mengumumkan 'down selections' dua buah syarikat bagi tawaran membekalkan Combat Net Radio (CNR) untuk keperluan Perhubungan Peperangan Angkatan Tentera Diraja Brunei (ABDB) pada masa ini dan akan datang.

Beberapa syarikat dijemput untuk menyertai tawaran itu dan dua syarikat yang

telah dipilih terdiri dari Harris Communication S.A. dan Rohde and Schwarz GmbH and KG.

Projek CNR dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh empat tahun bermula awal tahun 2008.

Projek CNR merupakan fasa penting dalam meningkatkan sistem-sistem RBAF C41 (Mengarah, Mengawal, Perhubungan, Komputer dan Inteligen).

Projek ini bertujuan menukar sistem perhubungan radio yang ada dalam perkhidmatan-perkhidmatan semua ibu pejabat dan aset-aset relevan dalam perkhidmatan-perkhidmatan RBAF.

Projek CNR adalah sesuai dan antara yang terpilih dalam Pelan Kertas Putih Terkini Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam tahun 2007.

Secara khusus, projek

CNR ini juga bertujuan untuk menyediakan beberapa rangkaian konektiviti sejajar dengan pewujudan dan perancangan-perancangan ibu pejabat bersama ABDB.

Rundingan perjanjian akan mengambil tempat dalam bulan Disember 2007 dan awal Januari 2008, manakala penganugerahan kontrak dijangka selesai dan diumumkan pada 18 Januari 2008.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menyampaikan plakat kepada juara Pertandingan Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Bagi Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Sekolah Rendah Seluruh Negara. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.



TIMBALAN Menteri Pendidikan menyaksikan pameran hasil Projek Pertandingan Pasukan Bertindak Antidadah. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Mengukuhkan sistem pemeriksaan pemakanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 November. - Jabatan Perikanan dalam usaha mempertingkatkan dan mengembangkannya lagi produk perikanan ke pasaran global mengikut sistem-sistem pemeriksaan dan persijilan yang diiktiraf antarabangsa selaras dengan negara-negara ASEAN yang lain telah mengukuhkan seminar mengharmonisasi dan mengukuhkan sistem pemeriksaan pemakanan dan persijilan bagi undang dan 'bivalve molaska'.

Seminar ini merupakan sebahagian dari Projek Program Pemeriksaan dan Persijilan Pemakanan yang dikendalikan oleh ASEAN Expert Group On Food Safety (AEGFS) dengan Kerjasama ASEAN - Australia Development Cooperation Programme dalam usaha untuk mengharmonisasi sistem pemeriksaan dan persijilan pemakanan sumber marin negara-negara ahli ASEAN bagi membolehkan produk tersebut menembusi pasaran antarabangsa mengikut sistem pemeriksaan dan persijilan yang diiktiraf.

Sesi seminar ini adalah lanjutan dari Projek Strategi Serantau pada 5 hingga 6 Julai 2007 di Kuala Lumpur dan Bengkel Penyediaan Konsultasi di Bangkok, Thailand pada 6 hingga 10 Ogos 2007 yang dihadiri perwakilan Jabatan Perikanan.

Seminar dua hari pada 26 hingga 27 November 2007 itu bertujuan untuk menyampaikan informasi tentang kepentingan mengharmonisasi dan mengukuhkan Sistem Pemeriksaan Pemakanan dan Persijilan Perikanan kepada dua kumpulan kerja yang berasingan dan mengumpul maklum balas bagi perediaan Mesyuarat Strategi Serantau yang terakhir dijanjikan diadakan di Manila, Republik Filipina pada Januari 2008 nanti.

Kumpulan Kerja Pertama ialah agensi-agensi lain yang terlibat dalam pemeriksaan dan persijilan perikanan seperti Bahagian Kawalan Mutu Keselamatan Makanan Kementerian Kesihatan yang dilantik sebagai 'Focal Point' bagi Projek-projek Program Keselamatan Pemakanan dan Pusat Akreditasi dan Piawaian Kebangsaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang bertanggungjawab dalam pengeluaran sijil Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) dan Good Aquaculture Practices (GAP) kepada Syarikat-syarikat Pemprosesan dan Pengeluaran Produk-produk Perikanan untuk mendukung produk-produk keluaran tempatan ke pasaran antarabangsa.

Sementara itu, Kumpulan Kedua terdiri dari pegawai dan kakitangan Jabatan Perikanan yang terlibat dalam aktiviti kerja-kerja pemantauan dan pemeriksaan kapal-kapal tangkapan, kompleks-kompleks pendaratan ikan, kolam-kolam dan kilang-kilang pemprosesan yang menghasilkan produk-produk perikanan terutama produk-produk perikanan yang akan dieksport.

Seorang penceramah khas dari Jabatan Perikanan Malaysia, Encik Hamdan bin Jaafar diundang khusus mengendalikan sesi seminar ini dan mengongsikan pengalaman mengenai pengendalian pemeriksaan dan persijilan produk-produk perikanan selain menyampaikan garis panduan sistem-sistem pemeriksaan dan persijilan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Dengan adanya sesi seminar ini pegawai dan kakitangan Jabatan Perikanan khususnya, akan lebih proaktif dan efisien dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam pemeriksaan pemakanan dan persijilan bagi penghasilan produk-produk perikanan terutama penghasilan udang dan 'bivalve molaska' mengikut garis panduan sistem-sistem pemeriksaan dan persijilan yang diiktiraf antarabangsa.

Seminar yang diadakan di sebuah hotel di ibu negara itu dirasmikan oleh Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim.

Pengarah Perikanan dalam ucapannya di majlis berkenaan menyatakan bahawa banyak faedah yang didapati dari seminar ini terutama untuk membangun kapasiti agensi pengawalan di negara ini dalam melaksanakan dan mempertingkatkan sistem pemeriksaan dan persijilan bagi penghasilan udang dan 'bivalve molaska'.

Diharapkan strategi ke arah mengharmonisasi sistem pemeriksaan dan persijilan bagi udang dan 'bivalve molaska' dapat diwujudkan yang akan dapat mempertingkatkan kualiti sistem pemeriksaan Jabatan Perikanan bagi membantu mempertingkatkan kepercayaan negara untuk memenuhi keperluan keselamatan pemakanan yang dikenakan oleh negara-negara pengimport termasuk Kesatuan Eropah (EU).

Pada masa ini negara telah berjaya mengeksport udang ke negara-negara seperti Jepun, Korea dan Amerika Syarikat walaupun dalam jumlah yang masih kecil.

Adalah menjadi matlamat supaya negara ini termasuk dalam senarai pengeksport hasil perikanan ke EU yang dimaklumi amat sukar untuk ditembusi kerana peraturan-peraturan yang sangat 'stringent'.

Ini adalah satu cabaran dan diharapkan supaya seminar itu akan dapat membantu dan memberi laluan bagi mencapai matlamat tersebut.

Bagi memenuhi keperluan-keperluan itu, pencapaian piawaian seperti HACCP adalah perlu dan ia sudah tentunya memerlukan komitmen dan penglibatan industri itu sendiri (pengurusan dan tenaga kerja), badan-badan yang menguatkuasakan pengawalan makanan dan sokongan institusi-institusi (dari segi teknikal, penyelidikan dan institusi latihan).

Ketua kampung perlu turun padang

KUALA BELAIT, Jumaat, 30 November. - Ketua kampung harus turun padang bagi melihat masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung, tegas Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Pemangku Setiausaha Tetap KHEDN, Dato Paduka Awang Haji Adnan berkata dengan sikap turun padang beberapa masalah akan dapat diatasi seperti masalah rumah-rumah usang dan daif akan dapat diatasi dengan cepatnya.

Menurut Dato Paduka berkata perkara seumpama itu sepatutnya tidak timbul di negara ini kerana agensi kerajaan dan bukan kerajaan sudah mempunyai mekanisme dan sumber kewangan yang digerakkan dengan cepat dan berkesan. Berucap di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malik bin Abu Bakar di kediaman beliau.

Dato Paduka menambah, dalam mengalina serta membuat tindakan dalam memelihara kebajikan hal ehwal kampung, ketua kampung harus melibatkan Majlis-majlis Perundingan Kampung dan Mukim (MPKM) yang bertindak sebagai jentera penggerak utama dan pemangkin pembangunan yang mendukung sepenuhnya segala aspek yang berkaitan dengan negara termasuk undang-undang, wawasan, hala tuju dan semua program pembangunan.

"Penghulu dan ketua kampung dengan kerjasama MPMK harus bergerak ke hadapan dan bersiap siaga menghadapi cabaran dalam pelbagai aspek dan bukan hanya menjadi penonton sahaja malahan hendaklah bertindak selaku penyumbang," ungkapnya.

Dato Paduka juga menekankan supaya MPKM

bertindak sebagai tenaga pemikir yang berupaya memperkenalkan inovasi atau idea-idea baru bagi pembangunan dan kemajuan masyarakat dan negara.

Di samping itu, Dato Paduka juga mengingatkan penghulu dan ketua kampung supaya memberikan pimpinan yang baik dan berkesan di dalam menerajui institusi MPKM manakala penduduk mukim dan kampung perlu memberi sokongan padu kepada ketua kampung dan jawatankuasa MPKM.

Awang Haji Abdul Malik berusia 43 tahun dilantik menjadi ketua kampung pada bulan Jun 2007 sebelum itu beliau bertugas sebagai marbut Masjid Muhammad Jamalul Alam dan pernah berkhidmat dengan pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Kampung Pandan 'B' mempunyai keluasan dua kilometer persegi bermula dari Jalan Pandan 5 hingga Jalan Pandan 7 dengan keramaian penduduk hampir 5,000 orang. Kampung Pandan dibahagikan kepada tiga buah kampung sejak tahun 2005 iaitu Kampung Pandan 'A', Kampung Pandan 'B' dan Kampung Pandan 'C'.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluan berkata majlis tersebut merupakan pengiktirafan kerajaan dan masyarakat tentang penting dan relevannya institusi penghulu dan ketua kampung walaupun struktur yang diguna pakai oleh kerajaan berubah mengikut aliran dan rentak zaman.

Malah tambahnya kerajaan dan masyarakat masih berkeyakinan bahawa institusi tersebut merupakan teras kepimpinan akar umbi kerana ianya hampir di hati sanubari masyarakat mukim dan kampung.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Pegawai Daerah Belait menambah, salah satu ciri yang perlu dimiliki oleh ketua kampung masa kini ialah bertindak sebagai pengurus masyarakat yang berkesan dalam erti kata yang lain mereka berkebolehan mengamati lands-

kap sosial masyarakat dengan pancaindera yang tajam dan melakar perancangan serta bertindak pantas menggunakan sumber-sumber khususnya modal insan yang terdapat dan dimiliki oleh masyarakat.



DATO Paduka Awang Haji Adnan merasmikan papan tanda rumah Ketua Kampung Pandan 'B'.

Kebakaran di stesen minyak seorang cedera

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

SERIA, Isnin, 26 November. - Seorang pekerja Stesen Minyak Roxana cedera ketika hendak mengisi minyak ke dalam tangki sebuah kereta apabila secara tiba-tiba berlaku percikan api pada kereta tersebut.

Dalam kejadian tersebut para pekerja di stesen minyak terbahit bertindak pantas menggunakan alat pemadam api yang disediakan di stesen terbahit, sementara pekerja lain menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Insiden tersebut hanyalah olok-olok kecederaan di stesen terbahit dalam usaha memantapkan kecekapan dalam bertindak tanpa panik apabila berlaku kebakaran yang dianjurkan oleh JBP Daerah Belait.

Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait, Senior Superintendent Awang Azis bin Haji Mohamad menyatakan latihan tersebut bagi menyatupadukan agensi kerajaan dengan syarikat dan orang ramai supaya membiasakan diri jika berlaku sebarang kecemasan, di samping pendidikan kepada pekerja untuk bertindak pantas sebelum ketibaan agensi penyelamat.

Katanya latihan itu merupakan langkah JBP dengan syarikat terbahit untuk mementingkan keselamatan semua terutama pekerja dan

pelanggan selain memberikan pengetahuan mengenai tindakan mengawal api mereka juga diberi penerangan cara menghubungi bomba yang betul.

Beliau menambah JBP sentiasa bersedia memberi khidmat latihan dan taklimat seperti yang dilaksanakan secara berterusan pada masa ini dan sambutan orang ramai dari segi penyertaan dalam latihan dan taklimat amat menggalakkan.

Stesen minyak terbahit adalah yang pertama mengadakan latihan kawalan kebakaran dan akan dilanjutkan di stesen minyak lain, jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat swasta di daerah ini.

Latihan melibatkan beberapa agensi kerajaan dan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP). Lebih 40 anggota Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'B', bomba BSP dan anggota polis serta kakitangan perubatan terlibat dalam latihan tersebut dengan dibantu empat buah kereta bomba kerajaan dan tiga dari BSP.

Latihan berjalan selama 20 minit dan api berjaya dikawal daripada merebak dalam masa dua minit, sementara pihak bomba dan penyelamat tiba di tempat kejadian kurang daripada seminit dan mangsa dike-



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Adnan menyampaikan sijil lantikan Ketua Kampung Pandan 'B' kepada Awang Haji Abdul Malik bin Abu Bakar.

Rombongan KKDN Malaysia lawat Ibu Pejabat PDB

GADONG, Rabu, 28 November. - Serombongan 24 pegawai Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) membuat lawatan ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei (PDB) Gadong di sini.

Dalam lawatan itu Setiausaha Kewangan KKDN Malaysia, Dato' Zaitun binti Abd. Samad dan rombongan mengadakan perjumpaan muhibah dengan Persurujaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani di 'Blue Room'.

Selepas perjumpaan itu, rombongan pelawat di bawa ke Mes Pegawai Polis dan diberikan taklimat oleh Pemangku Ketua Unit Perhubungan

Oleh :
Marzuki Haji Mohd. Seruddin

Awam Polis, DSP Shara-zuddin bin Haji Masri.

Selesai Sembahyang Fardu Zuhur di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, Rombongan seterusnya diraikan dengan jamuan tengah hari.

Lawatan kerja itu juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahmi di antara Brunei Darussalam dan Malaysia khususnya bagi KKDN dan Agensi Penguatkuasa Brunei, Pasukan Polis, Keselamatan Dalam Negeri, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Penjara dan Pusat Da'wah.



ANGGOTA bomba mengusung mangsa keluar daripada tempat kejadian.



PARA pekerja di stesen minyak terbahit bertindak pantas menggunakan alat pemadam api yang disediakan di stesen terbahit.

Pusat Ehsan terima sumbangan

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 November. - Pusat Ehsan Kampong Bengkurong hari ini menerima sumbangan berupa wang tunai \$5,000.00 daripada Pertubuhan Perancang Arkitek, Jurutera dan Jurukur Bahan (PAJU).

Penyampaian derma disempurnakan oleh Pengerusi PAJU, Pengiran Haji Ismail bin Haji Mahmood.

Sementara menerima sumbangan tersebut bagi Pusat Ehsan Kampong Bengkurong diwakili oleh Pemegang Amanah Kanan selaku Pemangku Pengerusi Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan melancarkan Program Menjejak Kampung IV anjuran Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong.

Program Menjejak Kampung libatkan belia dalam aktiviti sihat

Oleh : Marzuki Haji Mohd. Seruddin
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

TUTONG, Jumaat, 30 November. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan berkata, Program Menjejak Kampung IV memberikan peluang dan kesempatan kepada para remaja dan belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sihat dan berfaedah selain dapat berhibur bersama keluarga serta masyarakat bagi memupuk semangat bekerjasama, harmoni dan bersatu padu.

Yang Berhormat menambah, penglibatan remaja dan belia dalam aktiviti kemasyarakatan dan berkegiatan ini akan dapat membina semangat jati diri dan ketahanan mental untuk menjadi insan yang berdaya maju serta menjadi aset yang berguna kepada negara.

"Ianya akan mengelakkan mereka daripada terjerumus kepada anasir-anasir atau gejala-gejala yang tidak sihat yang mampu mengganggu dan mengugat kesejahteraan, ketenteraman dan keharmonian berkeluarga, berkampung dan bermasyarakat di negara ini," tegas beliau di Majlis Pelancaran Program Menjejak Kampung IV anjuran Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong dan pihak Radio

Televisyen Brunei (RTB) berlangsung di Kompleks Pasarneka dan Tamu Daerah Tutong.

Tambah Yang Berhormat, Program Menjejak Kampung itu juga berpotensi bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk mukim dan kampung selain dapat menonjolkan keunikan dan identiti serta keistimewaan mukim atau kampung ini sendiri.

Ia juga selaras dengan usaha bersama bagi menjayakan dan merealisasikan pengeluaran produk-produk tempatan yang 'viable' melalui konsep 'Satu Mukim, Satu Produk', selaras dengan objektif dan perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dalam bersama-sama mengerakkan dan mempromosikan produk-produk tempatan.

Selain daripada itu, Program Menjejak Kampung juga memberikan gambaran sebenar mengenai sesebuah kampung dari aspek perekonomian, sosio budaya, keindahan alam sekitar dengan aneka flora dan fauna, adat resam, di samping mempromosikan ciri-ciri dan amalan-amalan kebruneian yang unik yang menjadi calak kehidupan bermukim dan berkampung di negara ini seperti amalan

memuncang-muncang dan bergotong-royong.

Yang Berhormat berkata, ia bukan sahaja akan dapat mempromosikan industri pelancongan di negara ini, malahan juga dapat dilibatkan serta dimanfaatkan di kawasan perkampungan yang berkenaan yang boleh memajukan aktiviti-aktiviti perekonomian.

Di majlis tersebut, Yang Berhormat juga melahirkan rasa gembiranya atas penglibatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dalam sama-sama menjayakan program berkenaan.

"Saya sangatlah mengalu-alukan apa-apa jua bentuk aktiviti atau program, apatah lagi yang dianjurkan secara 'smart partnership' dengan agensi-agensi kerajaan khususnya yang melibatkan penyertaan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta anak-anak buah mukim dan kampung," tegas Yang Berhormat.

Dalam pada itu tambahnya, aktiviti-aktiviti yang berunsur kebajikan dan kemasyarakatan ini hendaklah sentiasa dari masa ke masa diwujudkan dalam usaha untuk bersama-sama mengeratkan kekokuhkan lagi perpaduan dan keharmonian, di samping mengeratkan golongan masyarakat bukan sahaja dalam bidang sosial, keagamaan, kebudayaan dan kesukanan, malahan juga aktiviti-aktiviti perekonomian yang dapat menjaga taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat di negara ini ke tahap yang lebih baik.

"Justeru melalui Majlis Perundingan Kampung itu tidak syak lagi, adalah salah satu saluran yang sebaik-baiknya dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk di negara ini bagi meningkatkan perpaduan, permuafakatan dan kesejahteraan, bak kata pepatah 'bulat air kerana pembenteng, bulat masyarakat kerana muafakat, muafakat membawa berkat,' ujarnya.

Adalah menjadi harapan beliau Program Menjejak Kampung itu mendapat sambutan yang menggalakkan serta dapat diteruskan dan dipertingkatkan mutunya dengan diisikan dengan program-program yang dapat memberikan maklumat dan informasi yang tepat dan 'credible' kepada masyarakat dan orang ramai untuk mencetus minda dan pemikiran yang lebih matang lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang berpaksikan ilmu pengetahuan dan maklumat bagi menjadikan masyarakat lebih berpengetahuan dan berpendidikan.

Yang Berhormat juga berharap agar pihak RTB secara berterusan dapat melakar pendekatan-pendekatan yang baru serta mempertingkatkan daya kreativiti dan inovasi yang tinggi di mana keyakinan terhadap program-program tempatan juga mempunyai mutu yang tinggi serta mampu menarik minat orang ramai bukan sahaja dari kalangan golongan dewasa malahan juga dari kalangan belia, remaja dan juga pelajar-pelajar.

Majlis selama tiga hari ini juga memuatkan acara-acara antaranya gerai-gerai jualan produk-produk tempatan dan kraf tangan, Majlis Forum bertajuk 'Bersama Membina Masyarakat Penayang', Pertandingan Nyanyian Terbuka Seluruh Daerah, Persembahan Kebudayaan, Galeri Pameran dari agensi kerajaan, swasta, penduduk-penduduk kampung dan sebagainya.

Juga hadir di majlis tersebut, Timbalan Menteri Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pegawai Daerah Tutong, Pemangku Pengarah RTB, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandarutan Tutong selaku Pengerusi Bersama, Penghulu Mukim Pekan Tutong selaku Pengerusi Bersama, Pegawai-pegawai Daerah, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, ketua-ketua rumah panjang serta Ahli-ahli MPMK Daerah Tutong.

Program Menjejak Kampung antara lain bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara satu dengan lain, di samping menanamkan amalan hidup masyarakat yang bersatu padu dan bermuafakat, kebudayaan tinggi, berbangsa dan beragama serta membina suasana masyarakat yang penyayang di Daerah Tutong khususnya.

Ia juga mencerminkan usaha dan komitmen yang berterusan RTB, Jabatan Daerah dan MPMK di seluruh negara untuk memberikan pendedahan yang positif dan maklumat yang berguna kepada masyarakat tentang keunikan, keistimewaan, perkembangan sosio ekonomi, kebudayaan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung-kampung di keempat-empat daerah di negara ini.

Program itu juga diharapkan menarik orang ramai dari merata tempat untuk berkunjung ke Daerah Tutong, di samping memberikan peluang kepada penduduk-penduduk tempatan untuk menambah pendapatan melalui penglibatan mereka dalam peniagaan kecil-kecilan di gerai-gerai dan di Tamu Pasarneka.



PENASIHAT Hal Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Dayang Hajah Masni binti Haji Munir menyerahkan Bilik Bacaan BSP kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyaksikan pameran dan agensi kerajaan di Majlis Program Menjejak Kampung IV yang berlangsung di Kompleks Pasarneka dan Tamu Daerah Tutong.

Martabat bahasa Melayu terus diperjuangkan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Selasa, 27 November. - Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Mataim bin Bakar menyatakan bahawa tidak ada bangsa lain yang akan mengagungkan bahasa Melayu selain bangsa Melayu sendiri.

Oleh itu, tambahnya DBP tidak akan pernah berhenti dalam memperjuangkan dan mempertahankan bahasa Melayu dan mempertahankan bahasa Melayu walaupun ada pihak yang cuba mengancamkannya. Berucap sejour sebelum menerima penyerahan dan merasmikan Bilik Bacaan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) di Perpustakaan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Pandan Tujuh dan penyampaian komputer terpakai sumbangan BSP.

Di majlis tersebut, beliau menyeru agensi bukan kerajaan agar sama-sama mempertahankan, memperkembangkan dan mempertahankan bahasa Melayu supaya ianya akan tetap unggul di bumi Negara Brunei Darussalam.

Penasihat Hal Ehwal Luar BSP, Dayang Hajah Masni binti Haji Munir dalam ucapannya menyuarakan organisasi-organisasi berteraskan teknologi terutama dalam bidang minyak dan gas akan menyumbang dan menambah bahan rujukan yang ada untuk manfaat pengguna perpustakaan dan masyarakat

tempatan di daerah ini.

Katanya, bahan-bahan rujukan tersebut akan sedikit sebanyak menambah pengetahuan yang berkaitan dengan industri tenaga serta memberi pendedahan disiplin-disiplin kejuruteraan, teknikal, teknologi yang terkini serta cabaran industri minyak dan gas sejagat.

Beliau menambah usaha berkegiatan tersebut mencerminkan usaha berterusan DBP bagi memupuk minat membaca di kalangan masyarakat khususnya dari peringkat awal lagi dan sebagai salah satu aktiviti yang mempromosikan adanya kemudahan awam (perpustakaan) di dalam kampung berkenaan.

"Harapan syarikat agar pihak DBP akan mengambil alih, mengendalikan dan memelihara bilik bacaan ini dengan sebaiknya. Penggunaan bilik tersebut haruslah ke tahap yang maksima," ujarnya.

Di samping itu, beliau juga berharap para pengguna agar menjaga peralatan dan bahan bacaan dengan baik dan memulangkan bahan pinjaman tepat pada waktunya.

Di majlis tersebut, BSP telah menyumbangkan sumbangan 60 set komputer ter-

pakai kepada tujuh penerima terdiri daripada DBP Kampong Pandan menerima sebanyak lapan set, Kampong Sungai Teraban menerima sepuluh set, Masjid Sungai Liang menerima lima set, empat set diterima oleh Surau STKRJ Lorong Tiga Selatan Seria, sepuluh set kepada Polis Diraja Daerah Belait, lima set bagi Sekolah Tunas Jaya PGGMB dan Pejabat Daerah Belait menerima 20 set.

Dayang Hajah Masni berkata, BSP sentiasa berganding bahu dengan pihak-pihak berkenaan dalam pembangunan masyarakat yang berdaya tahan.

Dalam tahun ini sahaja katanya, pihak syarikat telah dengan giat melaksanakan beberapa projek pembangunan masyarakat merangkumi bidang pendidikan, alam sekitar, kesihatan, perniagaan dan sebagainya.

Menurutnya antara projek yang strategik yang telah dilaksanakan termasuk sumbangan syarikat dalam projek 'Nadi Borneo' khusus untuk Negara Brunei Darussalam, sumbangan kepada Hospital Suri Seri Begawan yang bertujuan untuk membeli sebuah kereta ambulans dan beberapa peralatan berkaitan dengan bidang kesihatan.

Patuhi peraturan jalan raya

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Khamis, 29 November. - Penggunaan tali pinggang keledar perlu dijadikan budaya oleh semua pemandu dan penumpang kenderaan demi menjaga keselamatan bersama, tegas Pegawai Daerah Belait.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya berkata peraturan pemakaian tali pinggang keledar sudah lama diperkenalkan di bawah Akta Jalan Raya.

Beliau menyatakan demikian ini jika sabit kesalahan akan dikenakan denda tidak melebihi dari \$2,000.00 dan dihukum penjara selama satu tempoh tidak melebihi dari enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan di bawah peraturan ini jika sabit kesalahan akan dikenakan denda tidak melebihi dari \$2,000.00 dan dihukum penjara selama satu tempoh tidak melebihi dari enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Kempen anjuran Jabatan Daerah Belait dilaksanakan dengan pemberian risalah tindakan keselamatan kepada orang ramai terutama penggu-

na jalan raya yang diketuai oleh Pegawai Daerah Belait.

Risalah mengandungi panduan kepada lima kunci utama untuk tindakan ke arah kekal selamat di jalan raya salah satu daripadanya ialah dengan sentiasa mengenakan tali pinggang keledar, sentiasa mengawal had kelajuan memandu, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu, menggunakan kawasan laluan yang telah disediakan bagi pejalan kaki dan menggunakan topi keledar kepada penunggang motosikal dan basikal.

Kempen dimulakan dengan satu taklimat ringkas daripada Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Pengiran Mohamad Salleh bin Pengiran Haji Chuchu. Kempen disertai oleh kira-kira 70 orang pegawai dan kakitangan agensi kerajaan dan swasta antaranya Pejabat Daerah Belait, Jabatan Bandar Kuala Belait dan Seria, Polis Diraja Daerah Belait, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Minyak Brunei Shell serta penghulu dan ketua-ketua kampung.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman menyampaikan risalah tindakan keselamatan kepada orang ramai.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik, rahmat serta izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir di majlis yang bersejarah dan signifikan bagi kedua-dua buah negara pada pagi ini iaitu Majlis Pelancaran Rasmi Kad Perjalanan Kerap (Frequent Travellers Card (FTC)) Bagi Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya bersama rakan sejawat, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak penganjur khususnya Pengerusi Bersama bagi Majlis Pelancaran Rasmi Kad Perjalanan Kerap, (Frequent Travellers Card (FTC)) di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, kerana berjaya melaksanakan majlis pada pagi ini.

Saya dengan tulus ikhlas sangat menghargai dan mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia dan rombongan ke Majlis Pelancaran ini walaupun Yang Berhormat Dato' Seri mempunyai jadual yang ketat. Kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri dan rombongan mencerminkan komitmen, semangat kerjasama dan persefahaman yang erat lagi padu dalam kita bersama-sama menjayakan dan merealisasikan projek 'Frequent Travellers Card' ini.

Rancangan bagi mewujudkan kad pintar bagi kedua-dua buah negara ini bermula sejak tahun 1998 lagi di mana diikuti dengan persetujuan untuk mewujudkan projek perintis di bawah kelolaan Jawatankuasa Teknikal di kedua-dua buah jabatan iaitu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Imigresen Malaysia. Adalah difahami terdapat isu-isu teknikal yang perlu ditangani dan diselesaikan sebelum tercapainya hasrat bagi mewujudkan FTC ini.

Alhamdulillah, dengan berkat semangat kerjasama yang terjalin di antara kedua-dua belah pihak serta adanya persefahaman dan ikatan kesepakatan, di samping kegigihan di antara Jawatankuasa Teknikal dengan dibantu oleh Syarikat ITPSS dan Dermalog bagi Negara

Brunei Darussalam dan Syarikat IRIS bagi Malaysia, maka permasalahan tersebut telah dapat diselesaikan dengan persetujuan bersama dengan kaedah yang lebih inovatif, bersistematis dan berkesan dalam memperkenalkan FTC yang akan dilancarkan secara rasminya pada pagi ini.

Pertukaran kunci keselamatan yang terdapat di dalam sistem kad pengenalan kedua-dua negara membuktikan wujudnya kepercayaan dan persefahaman di antara kedua-dua negara adalah merupakan tonggak utama kepada kejayaan projek ini. Persefahaman, kesepaduan dan sikap saling hormat-menghormati di antara kedua-dua belah pihak antaranya adalah merupakan faktor yang paling penting di dalam kita mengendalikan apa jua projek secara usaha-sama. Perkara-perkara yang saya maksudkan juga telah membolehkan kedua-dua negara bekerja melangkaui sempadan negara masing-masing.

Ini juga jelas membuktikan bahawa kejayaan projek secara usaha-sama ini dapat dilaksanakan serta menjadi realiti berdasarkan kepentingan dan kemanfaatan bersama dengan wujudnya manifestasi persefahaman, perpaduan, kerjasama, kepercayaan, sikap saling hormat-menghormati disertai dengan kegigihan dan komitmen di semua peringkat yang berkenaan khususnya di peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan Imigresen di kedua-dua buah negara. Saya penuh percaya dan yakin apa jua projek atau program usaha sama yang mendatangkan manfaat dan kebajikan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan dapat terus dipertingkatkan dan dilartakan di

antara kedua-dua buah negara itu Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, dua buah negara serumpun yang berjiran akrab yang telah terjalin buat sekian lamanya.

Adapun objektif utama projek FTC ini ialah untuk memberikan kemudahan dan melicinkan perjalanan kepada kedua-dua warganegara yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Imigresen Malaysia. Faedah atau kebaikan penggunaan FTC ini antara lainnya ialah:

- * Pemegang kad FTC akan dapat menjimatkan masa khususnya semasa melalui proses pemeriksaan imigresen di kedua-dua Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh Miri dan Kuala Belait;

- * Penggunaan FTC juga telah mengecualikan penggunaan Borang Kad Turun-Naik;

- * Ianya juga menyumbang kepada pengurangan pencapaian ke atas dokumen perjalanan (passport) para pemegang FTC yang setentunya akan menjimatkan penggunaan passport;

- * Ini adalah selaras dengan perkembangan teknologi infokomunikasi (ICT) yang menjurus kepada konsep 'paperless' serta mengurangkan birokrasi dan 'paper work'.

Saya seterusnya penuh percaya pencapaian kedua-dua buah negara di dalam mempertingkatkan kemudahan dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai ini melangkah maju ke hadapan di mana melalui penggunaan Kad FTC, golongan tertentu khususnya golongan peniaga dan 'frequent travellers' di kedua-dua buah negara setentunya mengalu-alukan perkhidmatan dan kemudahan yang cekap dan lebih



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof, sempena Majlis Pelancaran Rasmi Kad Perjalanan Kerap (Frequent Travelers Card (FTC)) di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia bertempat di Royal Berkshire Hall Jerudong Polo Club, pada hari Isnin, 28 Syaaban 1428H / 10 September 2007M.

efisien.

Walaupun fokus utama Projek FTC ini berorientasikan kemudahan kepada mereka yang sering keluar dan masuk sempadan masing-masing, kita seharusnya tidak mengeneipkan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan. Penitikberatan ke atas faktor-faktor keselamatan adalah menjadi prioriti kita bersama di dalam bersama-sama mengekang sebarang ancaman kepada sistem kedua-dua Jabatan Imigresen serta percubaan-percubaan pihak yang

DENGAN pencapaian yang amat membanggakan ini, ianya melakar satu lagi lipatan sejarah kejayaan kedua-dua negara bukan sahaja di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia malah di peringkat ASEAN dalam memupuk semangat kejiranan sesama ASEAN khususnya kepada pengguna FTC dan para peniaga.

tem yang dimaksudkan yang boleh membuat pengesahan secara automatik ini amatlah penting di dalam pelaksanaan projek yang dimaksudkan apatah lagi di dalam menangani isu-isu keselamatan. Segala langkah-langkah keselamatan yang dimaksudkan sememangnya selaras dan dikehendaki di dalam melaksanakan fungsi utama Jabatan Imigresen kedua buah negara di mana setiap kemudahan yang diperkenalkan kepada orang ramai itu sewajarnya tidak akan menjejaskan keselamatan dan kepentingan negara masing-masing.

Dengan pencapaian yang amat membanggakan ini, ianya melakar satu lagi lipatan sejarah kejayaan kedua-dua negara bukan sahaja di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia malah di peringkat ASEAN dalam memupuk semangat kejiranan sesama ASEAN khususnya kepada pengguna FTC dan para peniaga. Saya juga mengambil maklum bahawa Projek FTC di antara kedua negara ini adalah merupakan projek yang pertama di rantau ASEAN yang berjaya dilaksanakan oleh kedua buah negara khususnya Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Saya percaya projek ini akan menjadi landasan dan contoh teladan kepada negara-negara lain dalam memperkasakan lagi kemudahan-kemudahan, di samping memudahkan urusan khususnya kepada para peniaga dan orang awam yang mempunyai urusan di kalangan negara-negara ASEAN.

Apa yang juga menjadi kebanggaan kita bersama ialah bahawa kad pintar yang berkonsepkan pelbagai guna (multi-purpose card) ini bukan sahaja digunakan sebagai identiti dan maklumat individu, di samping digunakan secara domestik,

malahan kad-kad pintar kedua-dua negara iaitu 'Kad' Pintar Negara Brunei Darussalam' dan 'My Kad Negara Malaysia' ini telah berjaya mengilhamkan daya kreativiti dan inovasi yang berdaya maju sehingga dapat melangkaui sempadan khususnya di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dengan menggunakan FTC Reader yang standard dan sama di kedua-dua buah negara.

Dalam kesempatan ini sukacita saya menyarankan kepada semua pengguna FTC untuk mematuhi peraturan keluar masuk yang berkuat kuasa pada masa ini. Pada peringkat permulaan ini, penggunaan FTC digunakan di dua buah pos kawalan yang terpilih iaitu Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh, Kuala Belait bagi Negara Brunei Darussalam dan Pos Kawalan Imigresen, Sungai Tujoh, Miri Sarawak bagi negara Malaysia.

Namun demikian, insya-Allah di peringkat seterusnya penggunaan FTC ini akan dilartakan secara berperingkat-peringkat penggunaannya sedikit masa lagi di Pos-pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah dan Tedungan, Limbang Sarawak dan Pos Kawalan Imigresen Puni, Temburong dan Pendaruan, Limbang Sarawak dan seterusnya di pos-pos kawalan yang difikirkan bersesuaian bagi kemudahan rakyat dan penduduk di kedua-dua buah negara.

Saya menaruh harapan agar usaha, kerjasama dan persefahaman yang akrab ini akan dapat diteruskan malahan dimantapkan lagi dalam apa jua bidang kerja atau usaha sama terutamanya sekali yang berkaitan dengan hal ehwal imigresen serta bidang-bidang yang menjurus ke-

pada kepentingan bersama yang boleh diterokai khususnya yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam negeri di kedua-dua buah negara secara bersama dalam menjayakan projek FTC tersebut.

Dalam kesempatan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Imigresen Malaysia kerana telah berjaya mengendalikan Majlis Pelancaran Rasmi Kad Perjalanan Kerap di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Seterusnya, ucapan setinggi-tinggi tahniah juga di-hulurkan kepada kedua-dua Jawatankuasa Teknikal yang telah berusaha keras sehingga berjaya mengatasi masalah-masalah teknikal yang perlu ditangani dan di 'harmonise' kan di antara kedua-dua belah pihak.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada kedua-dua syarikat pembekal iaitu Syarikat Information Technology Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd. dan Syarikat Dermalog, Jerman yang diberi tanggungjawab mengemas kini dan memelihara sistem Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam dan Syarikat IRIS bagi Malaysia di atas daya inovasi dan kreativiti dalam menyumbangkan buah fikiran dan penyelesaian kepada isu-isu teknikal sekali gus menyumbang kepada kesempurnaan projek ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

HALUAN

Kejayaan projek usaha sama Kad FTC

WUJUDKAN MANIFESTASI PERSEFAHAMAN, PERPADUAN DAN KERJASAMA

AGAMA



YANG Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin menyampaikan Anugerah Bakti IQRA kepada Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Murni.

58 pelajar IQRA khatam Al-Qur'an

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 November. - Seramai 58 orang pelajar Sekolah Membaca Al-Qur'an Iqra mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi tahun 2007 di Dewan Bangunan IQRA Kampong Manggis Satu, Jalan Muara di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar dan isteri, Pengiran Datin Hajah Fatimah binti Pengiran Ajak.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Bakti IQRA kepada Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Awang Murni, Awang Haji Mazim bin Awang Haji Hashim, Awang Haji Hashim bin Haji Othman oleh tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan persembahan bacaan Al-Qur'an oleh Awang Mohd. Irfan bin Haji Abdul Rahman, Johan Musabiqah Tilawatil Al-Qur'an Peringkat Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Seluruh Negara 2007.

Acara diteruskan dengan ucapan aluan Yang Dipertua IQRA, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit yang antara lain menjelaskan bahawa pada tahun hadapan dua lagi cawangan Sekolah Iqra akan dibuka yang masing-masing di kawasan Kampong Limau Manis dan Kampong Kota Batu.



MAJLIS Khatam Al-Qur'an pelajar Darjah Enam Sekolah Rendah IQRA.

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

Foto:
Hatrai Hazmi Abd. Hamid

Menurutnya, selain dua cawangan baru itu beberapa cawangan di Tutong, Seria dan Temburong juga akan menyusul kemudian jika ada peruntukan yang membolehkan beroperasi.

Tumbuhnya, pelajar Darjah Enam Sekolah Rendah Iqra yang lulus peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) mencapai 100 peratus lulus tiga tahun berturut-turut.

Sementara itu jelasnya, dalam pertandingan menghafaz ayat-ayat suci Al-Qur'an pelajar-pelajar Sekolah Iqra telah berjaya memasuki peringkat akhir kebangsaan bersama dengan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab.

Majlis Khatam Al-Qur'an didahului dengan bacaan Surah Al-Faatihah oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Tahtim dan doa khatam Al-Qur'an.

Sejak penubuhannya lebih 13,000 orang telah diajar dan belajar membaca Al-Qur'an secara berlagu dan bertajwid meliputi orang-orang dewasa dan kanak-kanak dari enam cawangan Iqra.

Menteri Hal Ehwal Ugama lawat Masjid Kampong Birau

TUTONG, Selasa, 27 November. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Dr. Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin mengetuai rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berkunjung ke Masjid Kampong Birau di sini.

Turut hadir dalam rombongan itu ialah pegawai-pegawai kanan KHEU, guru agama Daerah Tutong dan penuntut sekolah agama serta penduduk kampung kawasan sekitarnya.

Majlis bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Abang Haziman bin Abang Hazman, murid Sekolah Ugama Birau, Tutong.

Acara diteruskan dengan bacaan Ratib Al-Attas bersama Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan serta

Oleh : Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

jemaah masjid yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Zon II, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abdul Rahman.

Antara tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi Ratib Al-Attas di masjid-masjid seluruh negara, selain menjadi salah satu aktiviti takmir masjid dan menggalakkan belia untuk bergiat aktif mempelajari Ratib Al-Attas.

Antara kelebihan mengamalkan Ratib Al-Attas ialah memohon kesejahteraan dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala kepada si pembacanya serta permohonan perlindungan bagi melindungi diri sendiri, keluarga dan harta benda daripada kejadian-kejadian yang tidak diingini.

Umat Islam berkewajipan membantu saudara baru

Oleh :
Marzuki Haji Mohd. Seruddin

BENGKURONG, Jumaat, 23 November. - Adalah menjadi kewajipan kepada seseorang yang berbangsa Islam membantu saudara-saudara baru ke arah memupuk dan menjalin silaturahim sesama umat demi membangunkan jati diri yang sentiasa berfikir positif dan beriman.

Usaha seperti ini amatlah digalakkan dan akan menjadi 'trademark' dan 'follower' bagi bangsa-bangsa yang beragama Islam mahupun yang berbangsa lain.

Ini dapat dibuktikan dengan penglibatan pihak pengurusan Pusat Ehsan, Bengkuring yang bermurah hati secara sukarela menyumbangkan dan membantu Lim Bee Ping menguruskan pengislaman beliau di Majlis Pengislaman yang berlangsung di Pusat Ehsan Kampong Bengkuring, di sini.

Beliau yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Aisha Maisarah binti Abdullah melafazkan dua kalimah syahadat dengan rela hati beliau di hadapan tetamu kehormat, Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah,



PENGERUSI Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyaksikan Majlis Pengislaman bagi Dayang Aisha Maisarah binti Abdullah. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Dorongan kawan-kawan dan rasa tertarik tentang agama Islam telah membuka mata hati beliau sejak dua tahun peneliannya terhadap Islam dan memilih agama Islam sebagai pegangan hidup yang menjamin kesejahteraan hakiki.

"Tiada halangan yang

tercetus daripada keluarga saya, bahkan kakak saya yang paling tua pun beragama Islam," jelas beliau yang ketika ini berusia 42 tahun.

Beliau juga menjelaskan, dorongan dan sokongan daripada ahli keluarga dan sanak-saudara telah menarik beliau untuk menerima tawaran daripada Pusat Ehsan dengan baik.

Juga hadir di majlis

tersebut, Pemangku Pengerah Lembaga Pemegang Amanah dan Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd Alimin, para jempitan serta pegawai dan kakitangan Pusat Ehsan.

Majlis diselenggarakan oleh guru-guru dan kakitangan Pusat Ehsan bersama para dermawan yang bermurah hati.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin menyampaikan derma kepada seorang penerima lelaki yang akan menunaikan fardu haji. - Foto: Ihsan Jabatan Daerah Tutong.

Doa selamat bagi pegawai menunaikan fardu haji

TUTONG, Rabu, 21 November. - Jabatan Daerah Tutong (JDT) telah mengadakan Majlis Doa Selamat Bagi Pegawai dan Kakitangan Yang Menunaikan Fardu Haji pada tahun ini bertempat di Surau JDT.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohd. Taha bin Abdul Rauf yang juga selaku Penghulu Mukim Keriam, para

penghulu, ketua-ketua kampung serta pegawai dan kakitangan JDT.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada pegawai dan kakitangan yang akan menunaikan fardu haji.

KESIHATAN

Gunakan kaedah terkini mengurus pesakit

RIMBA, Isnin, 26 November. - Jururawat dikehendaki mengetahui dan menggunakan pengetahuan dan kemahiran kaedah terkini dalam membuat penilaian dan seterusnya menangani pengurusan kesakitan yang dialami oleh seorang pesakit.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi di Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan Kesakitan (Pain Management) dan Penubuhan Unit Pengurusan Kesakitan serta Pelancaran Nurses Protocol and Guideline For 1) Epidural Anaesthesia and 2) Patient Control Analgesia (PSA) berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

"Pihak jururawat mestilah juga membantu pesakit untuk boleh membuat penilaian tentang kesakitan mereka melalui sukatan tertentu dan bagi mereka untuk mengambil tindakan berseesuaian," jelasnya.

Untuk membolehkan jururawat menjalankan tugas secara bebas, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, mereka dikehendaki memiliki pengetahuan yang luas, jelas dan terkini mengenai prinsip 'pharmacology' dalam pemberian ubat yang diketahui berkesan untuk menghilangkan atau mengurangkan kesakitan di samping diharapkan boleh membuat atau melaksana-

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

kan tatacara yang tidak memerlukan penggunaan ubat.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, kesakitan yang tidak berkurang akan menyebabkan kesan yang negatif kepada seorang individu, baik dari segi fizikal mahupun psikologinya.

"Keadaan sedemikian bukan sahaja akan mengganggu proses pemulihan pesakit terutama dalam tahap akut, tetapi ianya akan memberikan kesan negatif terhadap fungsi fizikal dan emosi mereka," jelas Yang Berhormat.

Unit Pengurusan Kesakitan ditubuhkan pada 1 Ogos lalu bertujuan untuk memberikan khidmat yang lebih berkualiti tinggi kepada pesakit yang menjalani rawatan dan penjaagaan semasa berada di hospital.

Selain itu penubuhan unit berkenaan juga adalah untuk menambah baik mutu dan kualiti perkhidmatan yang sedia ada bagi pesakit terutama bagi mereka yang telah menjalani prosedur pembedahan disebabkan pelbagai masalah termasuk mereka yang mengalami kecederaan.

Bengkel selama tiga hari disertai oleh 64 jururawat pelbagai peringkat dari seluruh negara itu diselenggarakan oleh Unit Pengurusan Kesakitan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Melalui bengkel tersebut para peserta antara lain diharapkan akan dapat memahami kepentingan pengurusan kesakitan dalam penjagaan pesakit, membezakan antara

sakit akut dan sakit kronik, menunjukkan kebolehan dalam menggunakan 'Nursing Assessment' dalam mengenalpastikan pesakit serta menunjukkan kebolehan dalam penggunaan carta klinikal '5th Vital Sign Chart'.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi menyaksikan pameran sejour merasmikan Bengkel Pengurusan Kesakitan dan Penubuhan Unit Pengurusan Kesakitan serta Pelancaran 'Nurses Protocol and Guideline'. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA). - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Pusat Dialisis dibina di Daerah Belait

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Rabu, 28 November. - Hospital Suri Seri Begawan dijangka akan mempunyai pusat dialisisnya sendiri pada tahun depan bagi merawat pesakit buah pinggang yang tinggal di sekitar Daerah Belait.

Dengan terbinanya pusat tersebut penduduk setempat akan dapat menikmati perkhidmatan yang disediakan sesuai dengan misi Kementerian Kesihatan untuk merapatkan jurang di antara pesakit dengan perkhidmatan iaitu mudah didapati dan senang dikunjungi.

Sehubungan itu, Majlis Perletakan Batu Asas bagi membina bangunan pusat tersebut disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Kerja-kerja pembinaan bangunan pusat dua tingkat itu bermula pada bulan September lalu di atas tapak tanah seluas 0.4 hektar di kawasan hospital berkenaan

dan dijangka siap Disember tahun depan merupakan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-9. Bangunan bernilai kira-kira \$2.7 juta akan dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan Haemodialisis dan Peritoneal Dialisis.

Pusat tersebut dijangka akan memuatkan sebanyak 15 katil atau 15 Hemodialisis Points bagi pesakit 'Non-Infective' (berkapasiti merawat sembilan orang) dan lima katil untuk merawat Pesakit Hepatitis C berkapasiti 30 orang pesakit.

Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Renal, Dayang Hajah Nora'alia binti PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim berkata perundingan awal telah dibuat bagi mengekalkan Renal Unit di hospital berkenaan untuk rawatan tiga kategori pesakit

iaitu pesakit yang berstatus Hepatitis B Positif, pesakit yang memerlukan pengasingan dan pesakit buah pinggang akut yang ditahan di wad.

Dalam ucapan alu-aluannya beliau seterusnya menyatakan hingga ke hari ini jumlah pesakit di daerah ini yang mendapatkan rawatan 'Renal Replacement Therapy' seramai hampir 60 orang. Dari jumlah tersebut 51 (39 Hep Negatif dan 12 orang Hepatitis C Positif) orang pesakit menjalani rawatan Hemodialisis dan lapan orang dirawat melalui kaedah 'Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis' (CAPD), satu rawatan yang dijalankan oleh pesakit sendiri di rumah.

"Ini bermakna kapasiti Unit Dialisis Kuala Belait telah melebihi tahap maksimumnya iaitu seramai 48 orang pesakit. Bagaimanapun pesakit yang berstatus Hepatitis B Positif masih dirawat di Pusat Dialisis Rimba disebabkan ketiadaan bilik pengasingan di sini dan jumlahnya hanya seorang sahaja," ujarnya.

Ketika ini seramai 13 orang jururawat, dua orang pembantu dialisis dan seorang doktor bertugas sepenuh masa merawat dan memeduli pesakit-pesakit secara tiga syif, pagi, petang dan malam.

Beliau selanjutnya menerangkan di pusat baru itu nanti akan ditempatkan Unit CAPD yang diharapkan akan dapat digunakan untuk memberikan perkhidmatan langsung kepada pesakit CAPD yang tinggal di daerah ini tanpa membebaskan mereka pergi ke Pusat Peritoneal Dialisis Rimba.

"Pusat ini telah dibentuk mengikut keperluan yang terkini sesuai dengan keperluan semasa bagi memenuhi kehendak rawatan pesakit buah pinggang yang dirancang seperti ruang resepsi, triage, pangkalan jururawat, bilik-bilik Peritoneal Dialisis dan Hemodialisis lengkap dengan stor, bilik prosedur, pentadbiran dan kakitangan serta bekalan sistem rawatan air yang terkini," jelasnya.



PERLETAKAN batu asas bagi pembinaan pusat tersebut disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Hari Pelanggan Hospital SSB mendapat sambutan

KUALA BELAIT, Sabtu, 24 November. - Blok R Hospital Suri Seri Begawan (SSB) yang saban hari kelihatan tenang hari ini agak sibuk dengan kehadiran orang ramai yang datang berpuisi-pusi bagi mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Pemeriksaan kesihatan meliputi pemeriksaan diabetes, pemeriksaan gigi dan pemeriksaan mata diadakan sebagai menyambut Hari Pelanggan hospital berkenaan. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim selaku Wakil Peribadi Timbalan Menteri Kesihatan.

Sambutan Hari Pelanggan diselenggarakan dengan Hari Diabetes Sedunia, Hari Penglihatan Sedunia dan Hari Pergigian hospital tersebut diadakan selama dua hari.

Sambutan Hari Pelanggan hospital tersebut sebagai usaha meningkatkan lagi hubungan di antara para pelanggan dan kakitangan hospital, kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif hospital berkenaan, Awang Mohammad bin Haji Abdul Hamid.

yang diadakan setiap tahun bagi memberi peluang dan kesempatan orang ramai mengenali lebih dekat lagi tugas dan tanggungjawab kakitangan hospital dalam memberi perkhidmatan rawatan yang terbaik kepada pesakitnya.

"Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kami untuk

berusaha yang termampu dalam membantu orang sakit untuk segera sembuh seperti sedia kala," ujarnya.

Bagaimanapun katanya ada kalanya timbul ketidakpuasan hati daripada pihak pelanggan disebabkan oleh masalah sikap dan kurang maklumat dan kefahaman ter-

hadap sesuatu perkara. Justeru itu pihak pengurusan hospital melalui jawatankuasa pengurusan telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengatasi masalah yang dihadapi antaranya meningkatkan komunikasi dengan memberikan maklumat yang betul dan tepat kepada pihak pelanggan.



WAKIL Peribadi Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim menyaksikan kakitangan hospital tersebut melakukan pemeriksaan mata ke atas seorang pesakit yang berkunjung pada hari tersebut.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Selain itu beliau menjelaskan pada tahun ini pihak pengurusan hospital memfokuskan aktiviti ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan orang ramai melalui pemasangan poster-poster maklumat di beberapa tempat strategik di hospital berkenaan dengan demikian diharapkan dapat meningkatkan kefahaman dan keyakinan orang ramai terhadap kemampuan hospital dan seterusnya akan memudahkan pihak hospital melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Di samping itu, projek kecantikan dan kelesaan di kawasan menunggu hospital tersebut juga dilaksanakan. Katanya usaha tersebut difikirkan perlu kerana persekitaran mata serta pameran kesihatan yang melibatkan penyertaan pegawai dan kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kuala Belait dan pihak swasta. Juga diadakan pertandingan melukis, manakala disebelah petang diadakan forum mengenai diabetes di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Dalam pada itu, hospital berkenaan telah pun menubuhkan beberapa jawatankuasa kerja bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai

BSP adakan Minggu Keselamatan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



PENGARAH Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Dr. Grahaeme Henderson merasmikan pameran bertema 'Pekerjaan Dengan Tenaga Elektrik' (atas), sementara gambar kanan, Pengarah Urusan BSP menyaksikan pameran berkenaan.

SERIA, Isnin, 26 November. - Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Dr. Grahaeme Henderson menyatakan keselamatan merupakan keutamaan paling tinggi dan sehingga kini BSP sebagai sebuah syarikat yang di-

namik dan bertaraf dunia telah mencapai pelaksanaan keselamatan dengan cemerlang.

Beliau seterusnya mengingatkan bahawa keselamatan merupakan asas bagi memperbaiki pelaksanaan di dalam pelbagai

bidang dalam perniagaan. Berucap sebelum merasmikan Minggu Mengutamakan Keselamatan keempat yang bertepatan 'Bekerja Selamat Dengan Tenaga Elektrik' yang diadakan di Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC) Pangana.

Menyentuh mengenai sumbangan ke arah pencapaian yang cemerlang, beliau menambah, "Keputusan cemerlang dapat dilihat daripada meningkatnya bilangan waktu bekerja dalam Syarikat Minyak Brunei Shell yang mana tidak dapat dielakkan meningkatnya juga pendedahan dan menimbulkan lebih banyak saingan terhadap keselamatan."

Walaupun sudah mencapai kecemerlangan, beliau menekankan lagi, "Kita perlu lebih berhati-hati dengan memastikan semua kakitangan supaya sentiasa berpegang kepada tiga prinsip keselamatan ketika melakukan aktiviti

rutin ataupun berkala iaitu mematuhi peraturan yang ditetapkan pada setiap masa, bersikap campur tangan jika melihat tindakan yang tidak selamat dan bersikap sentiasa mengamalkan keselamatan yang tepat iaitu 'Kami Peduli Keselamatan Biskita'.

Minggu Mengutamakan Keselamatan anjuran BSP itu sebagai usaha berterusan syarikat berkenaan bagi memastikan keselamatan sebagai keutamaan di kalangan kakitangan dan kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan mereka.

Tujuan utama minggu tersebut bagi menambahkan kepekaan dan kesedaran individu terhadap kawasan yang membabitkan tenaga elektrik dan tindakan membetulkan kelemahan.

Sebanyak lebih 20 petak pameran yang berkaitan dengan tema 'Pekerjaan Dengan Tenaga Elektrik' melibatkan penyertaan ter-

diri dari kalangan kakitangan BSP dan syarikat kontraktor BSP memaparkan alat keperluan elektrik yang selamat digunakan, keselamatan menggunakan tenaga elektrik semasa di rumah dan tindakan kecemasan serta pengendalian perubahan ke atas kejadian kemalangan akibat tenaga elektrik.

Pameran turut dikunjungi oleh 12 buah sekolah rendah di daerah ini mengikut giliran sebagai memberikan kesedaran kepada kanak-kanak mengenai keselamatan penggunaan elektrik.

Selain pameran juga diadakan forum keselamatan bagi kakitangan dan syarikat kontraktor BSP. Forum itu dihadiri pengarah dan pengurus setiap jabatan dan syarikat yang turut membicarakan sesi dialog untuk membincangkan isu berkaitan keselamatan dan cara terbaik untuk meningkatkan pelaksanaannya.



Simposium pensejajaran mengupas isu sumber tenaga manusia

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November. - Simposium Pensejajaran Perancangan Strategik Perkhidmatan Awam (PA) Ketiga telah berjaya mengupas pelbagai isu, antaranya mengenai ke arah Perkembangan Sumber Tenaga Manusia khususnya 'Capacity Building' dan lain-lain.

Isu-isu lain termasuklah mengenai perkembangan kepakaran dan perancangan sumber tenaga manusia, pembangunan ekonomi dari segi perindustrian, penswastan dan pengkorporatan, perkhidmatan pelanggan, kesihatan untuk semua dan lain-lain.

Perkara tersebut disampaikan oleh Ketua Institut Perdagangan, Ekonomi dan Dasar, Universiti Islam Brunei Darussalam, Dr. Hajah Sainah binti Haji Saim ketika menyampaikan rumusan mengenai simposium tersebut berlangsung di Dewan Persidangan 2, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.



KETUA Institut Perdagangan, Ekonomi dan Dasar, Universiti Islam Brunei Darussalam, Dr. Hajah Sainah binti Haji Saim ketika menyampaikan rumusan. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Isu yang turut dikupas dalam simposium berkenaan termasuklah Melayu Islam Beraja (MIB) yang perlu kepada kajian mendalam, 'mindset' dan budaya kerja organisasi, isu mempelbagaikan ekonomi, kerena birokrasi serta isu kajian dan penyelidikan kurang dijalankan malah bergantung kepada konsultasi luar negara.

Oleh : Norlia Md. Zain

Semasa menyampaikan simposium tersebut Dr. Hajah Sainah turut menyatakan setiap kementerian perlu mengambil langkah susulan (follow-up) masing-masing setelah mengikuti simposium tersebut.

Simposium tersebut telah berjaya mencapai objektifnya di mana setiap kementerian telah mengutamakan perkembangan perancangan strategik masing-masing, di samping dapat mengutarakan isu-isu yang mempunyai gabungan strategik sama ada antara kementerian dengan jabatan-jabatan di bawahnya atau antara kementerian dengan kementerian berkenaan.

Sepanjang simposium dijalankan, kehadiran dan penglibatan para pegawai atasan jelas menunjukkan tahap komitmen yang tinggi dalam sama-sama berusaha untuk meningkatkan koordinasi dan hubungan

di antara pihak-pihak yang terlibat bagi sama-sama berusaha untuk mencapai hasrat dan aspirasi negara.

Ini setentunya menggambarkan PA yang lebih berwibawa dan 'reliable' dalam usaha untuk menuju ke arah kecemerlangan.

Simposium yang diadakan selama dua hari itu disertai oleh 11 buah kementerian yang membentangkan perancangan strategik mereka masing-masing.

Juga hadir di hari terakhir simposium berkenaan Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan dan penolong-penolong ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab dalam penyediaan dan pemantauan pelaksanaan perancangan strategik di setiap kementerian.



PESURUHJAYA Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Leopold Battel dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jama'in bin Momin bertukar-tukar pandangan mengenai kemajuan di Daerah Tutong. - Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong.

Jabatan Daerah Tutong terima kunjungan

TUTONG, Rabu, 21 November. - Jabatan Daerah Tutong telah menerima kunjungan dari Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Leopold Battel.

Ketibaan Pesuruhjaya Tinggi Kanada di pejabat Jabatan Daerah Tutong dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jama'in bin Momin

dan Penolong Pegawai Daerah Tutong Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Semasa kunjungan tersebut TYT Leopold Battel dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong berkesempatan bertukar pandangan dan pengalaman mengenai sosioekonomi, kemudahan asas dan kebudayaan serta kemajuan di Daerah Tutong.

Majlis Doa Selamat bagi bakal jemaah haji KPSSU

Oleh : Marzuki Haji Mohd. Seruddin



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 November. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) mengadakan Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal haji kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis berlangsung di Dewan Setia Pahlawan KPSSU, Berakas.

Seramai 17 orang pegawai dan kakitangan KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya akan berangkat ke Tanah Suci Mekah untuk mengerjakan fardu haji pada musim haji tahun ini.

Majlis juga diselenggarakan dengan ceramah khas oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ismail bin Mohd. Arif dan penyampaian derma kepada bakal-bakal jemaah haji.

Hadir di majlis itu, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia

Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat.

Juga hadir Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Ibadah haji yang merupakan Rukun Islam Kelima diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dan mempunyai cukup syarat.

Kegiatan ibadah haji bermula pada 8 Zulhijah ketika umat Islam bermalam di Mina, wukuf di Padang Arafah pada 9 Zulhijah dan berakhir setelah melontar jumrah (Jumrah Aqabah) pada 10 Zulhijah.

RENCANA

Pengembaraan dari Afrika Selatan ke Eropah



Rencana dan Foto :
Norhayati dan
Harun

Siri Pertama

DAYANG Norhayati dan suami sebelum berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kiri), sementara gambar kanan 'Jambo' kenderaan empat roda yang digunakan dalam ekspedisi dimasukkan ke kontena untuk dihantar ke Cape Town.



KERETA kami KK 3549 masih di laut, disimpan dalam kontena dalam pelayaran menuju Cape Town untuk digunakan dalam ekspedisi pengembaraan jalan darat dari Afrika Selatan ke Eropah.

Empat bulan yang lalu, dalam bulan Mac 2007, kami masukkan 'JAMBO' (nama kenderaan pacuan empat roda) ke dalam kontena di Pelabuhan Muara untuk dihantar ke Afrika Selatan.

Saya dan suami akan mengembara melalui jalan darat dari Afrika Selatan ke Eropah dan kembali ke Negara Brunei Darussalam menggunakan kereta pacuan empat roda.

Anda mungkin bertanya kenapa kami melakukan pengembaraan yang sukar dan mungkin berbahaya, terutama bagi seorang wanita itu? (Lihat peta).



MARI melancong ke Negara Brunei Darussalam.

Pertama, melalui pengembaraan itu sekurang-kurangnya kami dapat membantu mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan di peringkat antarabangsa.

Kedua, untuk menggalakkan belia kita bahawa orang Brunei mampu mencapai ke tahap yang lebih baik dari ekspedisi itu.

Ia juga diharapkan dapat merangsang minat belia untuk menimba pengalaman dan berikhtikar dengan menerokai khazanah hutan hujan yang terdapat di negara ini dan seterusnya mengembara ke luar negara.

Kita orang Brunei memang mampu menjadi 'achievers'. Asalkan kita berani memulakan dan membuktikannya. Saya ingin menjadi salah seorang daripadanya. Sheikh Haji Abbas bin Sheikh Haji Mohamad sebelum ini pernah mengembara ke Eropah dan saya dan suami pula cuba menimba pengalaman lain merentasi Afrika.

Pengembaraan kami bermula pada bulan 7 April. Selama seminggu saya cuba mendapatkan sumbangan dan beberapa pihak telah tampil menghulurkan bantuan.

Kami merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada pihak-pihak yang telah menghulur sumbangan. Antaranya Pengiran Salleh Ab Rahaman bin Pengiran Haji Damit, Penaung Persatuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad, Presiden Persatuan Penghantaran Barang Brunei; (membantu mengangkut kenderaan pacuan empat roda kami secara percuma). Akhirnya 'Jambo' tiba di Cape Town dan setelah wang pengurusan dibayar sebanyak \$1,800.00 - 'Jambo' dikeluarkan dari Pelabuhan.

Melalui Awang Haji Rozman pula, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) juga bermurah hati menaja dua kali penerbangan kami ke Eropah. Orang-orang perseorangan juga memberikan sumbangan untuk menampung kos pengembaraan tersebut.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan yang telah membantu menyediakan surat-surat pengesahan, di samping membuat tindakan-tindakan lain yang diperlukan.

Juga membantu, Pengarah Pusat Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamad dari Jabatan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Pengangkutan Darat untuk pendaftaran kenderaan yang kami gunakan melalui internet. Selain dari itu Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Mesir dan Jordan juga memberikan bantuan kepada kami.



Memandu merentasi Afrika dari satu negeri ke negeri yang lain tidak seperti merentasi sempadan negara-negara jiran terdekat. Terdapat permasalahan peraturan kastam. Pegawai-pegawai kastam bimbang anda akan menjual kereta dengan harga yang tinggi, kemudian menaiki penerbangan untuk pulang.

Mereka juga mengenakan deposit wang tunai atau cagaran bank antarabangsa sehingga 200 peratus dari nilai harga kenderaan atau anda tidak dibenarkan masuk ke negara tersebut. Untuk tidak bermasalah membayar wang tunai dan mendapatkan balik wang deposit, anda harus mencari alternatif.

Lihat muka 15



BERINTERAKSI bersama penduduk tempatan.



KERTAS kebenaran daripada Kelab Automobil Jerman.

BLNG punya bangunan keselamatan baru

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani merasmikan bangunan keselamatan BLNG yang baru.

LUMUT, Isnin, 26 November. - Sejar dengan komitmen Loji Gas Cecair Brunei (BLNG) bagi menaikkan taraf persekitaran di tempat kerja dalam melakukan tugas keselamatan, di samping menjaga reputasi syarikat dan pemegang saham BLNG merasmikan bangunan keselamatan baru.

Bangunan keselamatan BLNG baru dibuka rasmi oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani. Bangunan baru tersebut dibina bagi menempatkan kakitangan keselamatan BLNG serta kakitangan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang menjaga keselamatan mengawal kenderaan serta orang keluar masuk ke loji terbabit.

Pengarah BLNG, Fred Smeenk berkata, penyiapan projek bangunan keselamatan tersebut menandakan satu lagi kerjasama di antara PDB dengan BLNG dalam menjaga keselamatan di tempat-tempat terkawal.

Beliau menambah salah satu aspek kritikal bagi aktiviti BLNG dalam Pengu-

rusan Keselamatan Proaktif adalah rancangan pelaksanaan keselamatan atau pemeriksaan dan pelaksanaan audit dalaman dan luaran. Hasil daripada pengauditan itu diperlukan untuk digunakan sebagai pengukur bagi pelaksanaan keselamatan.

Pengarah BLNG seterusnya menyatakan disebabkan pentingnya kepentingan perniagaan kepada negara dan sejajar dengan kesesuaian tahap sebagai kawasan warta kerajaan dan dilindungi, di samping bangunan baru keselamatan, BLNG juga telah melaksanakan beberapa projek antaranya membaiki pondok pengawal keselamatan Stesen Badas dengan pemasangan kelengkapan kemudahan CCTV, pembinaan bangunan baru pengawal keselamatan di Loji LPG dengan dilengkapi projek pengawasan pusat CCTV BLNG yang meluas.

Bangunan baru keselamatan itu dilengkapi dengan bilik kakitangan keselamatan padang minyak, bilik keselamatan, bilik dikawal dan bilik taklimat keselamatan.

'Bintang Kebudayaan' tingkatkan keyakinan murid

KUALA BELAIT, Ahad, 25 November. - Aksi lincah dan bersejarah 'Clown Fish' yang diperagakan oleh murid Darjah Satu Teratai, Hidayatul Fitri binti Haji Masri telah berjaya menambat hati hakim dan penonton dan sekali gus menyandang juara di Pertandingan Pakaian Beragam bagi Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin (PSBSOAS).

Naib juara disandang oleh Dayang Arina Harum binti Ahmad, murid Darjah Satu Teratai dengan pakaian bertajuk 'Perompak', manakala tempat ketiga, pakaian askar yang diperagakan oleh Abdul Matin Mahmud, murid Pra Anggerik.

Pertandingan diadakan di Dewan Bandaran merupakan salah satu kategori yang dimuatkan dalam Bintang Kebudayaan 'Famili Ria' anjuran bahagian kokurikulum peringkat sekolah berkenaan dengan matlamatnya sebagai kesinambungan daripada aktiviti-aktiviti kelab kokurikulum yang dijalankan di sekolah berkenaan.

Selain itu, ianya juga bagi mencungkil bakat murid-murid dalam mempersembahkan bakat seni yang terpendam, di samping meningkatkan sifat yakin diri mereka apabila berhadapan dengan orang ramai.

Pengerusi majlis, Dayang Maisalamah binti Haji Tuah dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa pihak sekolah dan ahli jawatankuasa kerja amat berbesar hati dengan penglibatan ibu bapa dan penjaga murid yang telah berkesudian membantu dan memberikan kerjasama dan sumbangan bagi menjayakan majlis tersebut.

Sehubungan itu, beliau berharap lebih ramai lagi ibu bapa dan penjaga murid tampil ke hadapan di masa akan datang bagi memberi kerjasama dalam apa jua majlis yang akan dilaksanakan oleh pihak sekolah dan berharap

majlis seumpama itu akan dapat diteruskan di tahun hadapan.

Seramai 15 murid menyertai pertandingan pakaian beragam dan 11 orang murid menyertai bagi nyanyian solo. Juara nyanyian solo disandang oleh murid Darjah Empat Teratai, Asila Hanum Ahmad yang membawakan lagu 'Syurga Di Telapak Kaki Ibu'; naib juara, Aina Afiqah Jeferi, murid Darjah Enam Mawar dengan lagunya 'Kau Pergi Jua' dan tempat ketiga, Muhd. Nazmi Norazmi, murid Darjah Tiga Mawar dengan lagunya 'Jujur'.

Hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat, Guru Besar Sekolah Rendah Bukit Sawat, Awang Haji Kadri bin Haji Md. Yusof.



'CLOWN Fish' oleh Dayang Hidayatul Fitri binti Haji Masri, murid Darjah Satu Teratai telah menyandang juara di Pertandingan Pakaian Beragam dalam Majlis Bintang Kebudayaan Sekolah Rendah PSBSOAS.

Dari muka 14

Kami mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Miss Karina dari Kelab Automobil Jerman kerana memberikan 'international accredited custom paper' bernilai \$1,200.00 sebagai deposit. Jika kenderaan bermasalah untuk memasuki Afrika Selatan, tentu saja dokumen-dokumen lain seperti pasport sangat diperlukan.

Pada 10 April di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, dengan perasaan sedih saya mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga. Saya mempunyai semangat yang tinggi. Teman-teman termasuk Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Abbas, Ahli-ahli Majlis Wanita Brunei, kru tv hadir sama. Sebaik sahaja pintu di Bahagian Imigresen ditutup, saya berazam tidak akan berpatah balik.

Orang sering mengatakan saya seorang pemberani. Tetapi saya harus mengakui, pada ketika itu saya tidak merasakan sekuat itu. Empat ke lima bulan di jalan raya di Afrika, tidur kebanyakannya dalam kenderaan di celah semak samun dan kemudian di padang pasir mengelak dari terdedah atau dirompak. Tidur yang tidak begitu lena, sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Kami menyedari, banyak cabaran di hadapan kami.



TIDUR dalam kenderaan sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga memandangkan keselamatan yang sentiasa berisiko tinggi (kiri).

Terdahulu, dalam penerbangan, fikiran saya melayang ke Afrika Selatan, membayangkan pelbagai keadaan. Adakah kenderaan kami boleh 'selamat' di pelayaran? Kami meletakkan blok-blok kayu di atas pengikatnya manakala rak bumbung diikat ke dinding kontena supaya tidak bergerak. Tetapi bagaimana pula cuaca di laut dan pelayaran yang terpaksa dihadapi oleh kapal yang membawanya? Apa pula akan terjadi kepada kami, makanan, air, beberapa paket mi, beras, makanan dalam tin, belanga dan tong gas di dalamnya. Kami merancang memasak sendiri untuk hidangan.

Di Afrika, akhirnya kami terpaksa makan makanan tempatan. Tidak ada kantin atau restoran yang selesa untuk dituju bagi mendapatkan minuman atau makanan. Anda akan mengetahui dalam laporan kemudian, hotel-hotel yang serba kekurangan.



GAMBAR kanan kelihatan penulis semasa merentasi gunung berapi di Utara Kenya.

Bagaimana keupayaan 'JAMBO' kami? Kenderaan itu diubahsuai di Kota Kinabalu. Kami jadikan untuk dua penumpang sahaja supaya kami boleh tidur di dalamnya. Ia dilengkapi dengan alat pemanas kerana kami memerlukan nanti.

Langsir-langsir boleh ditarik menghindar mata dari silau, bahkan jaringan dawai keluli tahan karat dipasang di kedua-dua tingkat dan dibiarkan terbuka pada waktu malam. Ia merupakan sesuatu yang amat berguna.

Kami mempunyai tin-tin 'jerry' untuk bahan api, peralatan, jak yang boleh mengangkat kenderaan dua kaki tinggi, sekiranya tersekat dan banyak lagi barangan lain. Kami memang menyediakan peta-peta dan kompas selain sistem GPS dan maklumat mengenai negara tersebut.

Saya telah mengembara ke Afrika Utara, semuanya negara Islam. Saya mendaki Gunung Kilimanjaro di Black Afrika pada tahun 2001 tetapi kali ini kami akan terdedah kepada pelbagai pengalaman di jalan raya. Ini termasuk sekatan polis (road block), rasuah, kemiskinan tegar, memandu secara berbahaya kenderaan-kenderaan yang sepatutnya (tidak lulus pemeriksaan JPD). Itu suasana di Afrika yang akan kami tempuhi.



SEPANJANG perjalanan yang dilalui penulis sempat merakamkan kejadian kemalangan jalan raya yang terbiar (kiri).

Kemudian kebimbangan saya hilang, kerana keletihan saya terus tertidur. Bermimpi, teka apa? Saya menikmati laka yang sedap. Tetapi sekarang, masih ada lima bulan ke hadapan sebelum dapat menikmatinya.

Cuaca di udara agak berkabus dan pada pagi hari ke-11, kapal terbang mendarat di Cape Town, kemudian buat pertama kali saya menjejakan kaki di tanah Afrika Selatan.

Sementara itu, cuaca di bawah pada hari itu agak cerah. Udara agak sejuk pada musim gugur di hemisfera selatan. Pegawai Imigresen wanita meminta tiket pergi balik (yang kami tidak tempah). Sebaliknya kami menunjukkan kunci kereta sahaja kepadanya.

"Kami akan keluar daripada negara ini menuju ke Eropah menggunakan kenderaan darat yang dihantar ke Cape Town menggunakan kapal laut," kami cuba menerangkan. Dia menganggap kami berjenaka, sambil berdiri dengan muka serius lalu mengambil pasport kami dan beredar menemui pegawai atasannya. Kami terpaksa menunjukkan segala pas perjalanan kenderaan dan dokumen-dokumen pengangkutan kapal laut.

"Bang bang, kita mendapat cap pasport kebenaran masuk." Saya membaca, 'Dibenarkan tinggal di Afrika Selatan selama tiga bulan, kami tiba untuk meneruskan pengembaraan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohd. Mahdi menyampaikan sijil perkhidmatan kepada seorang pegawai yang bersara.



BACAAN ikrar Perkhidmatan Awam dari para pegawai dan kakitangan kerajaan di Daerah Temburong.

MPMK bantu mencorak perkhidmatan diperlukan masyarakat

TEMBURONG, Sabtu, 17 November. - Perkhidmatan Awam (PA) tidak akan memandang ringan terhadap usaha dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dalam membantu mengenal pasti corak atau bentuk perkhidmatan yang perlu disediakan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohd. Mahdi berkata demikian pada Majlis Hari Perkhidmatan Awam bagi Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar di sini.

MPMK jelas beliau, adalah suara masyarakat yang kepada mereka inilah fokus bantuan dan perkhidmatan harus ditumpukan.

"PA tidak harus berlepas tangan terhadap pelbagai isu yang dibawakan oleh MPMK," ujarnya.

Beliau berkata, PA tidak

Oleh :
Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn
Foto : Ramli Tengah

akan memandang ringan pada suara pemimpin akar umbi kerana kepada merekalah kita meminta bantuan menyalurkan pelbagai maklumat kepada masyarakat setempat.

Oleh itu tambahnya, PA mestilah memandang positif dan tidak merasa malu diri apabila pemimpin-pemimpin akar umbi mengetengahkan perkara-perkara baru untuk difikirkan, rancang dan dilaksanakan.

Dalam suasana pentadbiran di sesebuah daerah katanya, kita lazim mengetahui akan sistem pentadbirannya yang mana terdapat cawangan-cawangan jabatan kerajaan di daerah-daerah dan kebanyakan dasar-dasar dan beberapa perkara yang berbangkit akan masih dirujuk kepada pihak agensi pusat di Bandar Seri Begawan untuk mendapatkan

ketetapan dan keperluan bagi melaksanakan sesuatu.

Beliau berharap adalah menjadi harapan agar perjalanan pentadbiran dan pembangunan di daerah itu tidak akan terganggu andai kata adanya lapisan birokrasi yang menghalang tindakan dibuat dengan segera dan berkesan.

Majlis bermula dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya diikuti pula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Moksi bin Mohd. Karim, Bilal Kampong Semabat.

Seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam yang juga Pengerusi majlis pada pagi itu antara lain menjelaskan bahawa PA di

Daerah Temburong juga bergerak seiring dengan PA secara amnya di negara ini dengan mengalami tuntutan dan ekspektasi orang ramai yang sering meningkat dari sebesar-besarnya jabatan hingga sekecil-kecil jabatan di daerah ini menjadi perhatian.

Majlis diteruskan dengan menyaksikan klip video daripada Institut Perkhidmatan Awam dan diikuti kemudiannya dengan ikrar PA.

Pada majlis itu, seramai 33 orang pegawai dan kakitangan kerajaan yang bersara menerima sijil perkhidmatan mereka yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan koir yang disebarkan oleh para Pegawai Bandaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Majlis berakhir dengan bacaan doa selamat oleh Imam Masjid Kampong Belais, Awang Shamsuddin bin Haji Azhari.

Pelbagai projek dirangka bagi mempromosi ASEAN - COCI

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 November. - ASEAN - COCI merupakan satu komponen penting dalam agenda ASEAN mengenai peranannya dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kebudayaan dalam mempromosikan imej ASEAN yang secara langsung membawa kepada kesedaran dan pemahaman ASEAN pada Asia dinamik.

Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut sewaktu merasmikan Mesyuarat Kesembilan Jawatankuasa Kecil ASEAN - COCI Mengenai Kebudayaan yang diadakan di Hotel Orchid Garden di Kampong Anggerik Desa di sini.

Katanya, ASEAN yang ditubuhkan sejak tahun 1967 dan kini berusia 40 tahun telah berkembang maju sama ada dalam bidang ekonomi, politik keselamatan, kewangan dan sosiobudaya.

Jelasnya, mesyuarat tersebut yang ditugaskan bagi membuat pertimbangan dan penilaian mengenai cadangan projek berterusan terutama yang baru serta menumpukan kepada bidang relevan yang lain selaras dengan objektif tema ASEAN.

Nyatanya, kebudayaan perlu dilihat sebagai dorongan bagi perkembangan pertumbuhan tamadun manusia dan ASEAN - COCI adalah landasan penting yang berupaya untuk merumuskan serta melaksanakan program utama dan projek dengan penglibatan kumpulan yang berlainan di dalam masyarakat.

Beliau yakin perbincangan dan pertimbangan dalam mesyuarat itu akan menghasilkan faedah besar kepada masyarakat ASEAN ke arah pencapaian objektif berkenaan.

Sementara itu dalam temu bual bersama Setiausaha Nasional ASEAN / COCI Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Omar menjelaskan bahawa mesyuarat tersebut merupakan acara tahunan yang diadakan setiap tahun secara bergilir oleh negara anggota di

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

mana tahun lepas Viet Nam menjadi tuan rumah.

Mesyuarat ini katanya, khususnya membincangkan perkembangan projek-projek yang dilaksanakan oleh negara-negara iaitu projek-projek yang telah diluluskan oleh ASEAN - COCI, di samping membincangkan projek-projek yang tertangguh selain projek-projek baru yang dicadangkan oleh negara-negara ahli.

Hasil mesyuarat ini, jelasnya akan di hadapan kepada mesyuarat-mesyuarat utama iaitu mesyuarat ASEAN - COCI yang juga diadakan setiap tahun dan pada tahun hadapan akan diadakan di Myanmar, di mana semua keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat ini akan diteliti semula oleh jawatankuasa tersebut.

Mesyuarat ini dihadiri oleh semua negara anggota ahli dengan menghantar tiga orang pegawai setiap negara yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek kebudayaan dan kesenian.

Jawatankuasa kecil kebudayaan ini adalah sebuah badan pelaksana projek-projek kebudayaan ASEAN di mana setiap mesyuarat mereka akan mengkaji sejauh mana projek-projek diluluskan dan dilaksanakan, statusnya sama ada sudah dilaksanakan atau belum dan apa impaknya kepada ASEAN secara keseluruhannya.

Semua projek baru dibincang dan diteliti oleh rakan sejawat setiap negara ahli sebelum di hadapan kepada sebuah unit penilai di ASEAN Secretariat mengikut sukat-sukat yang telah ditentukan.

Sejak ASEAN - COCI ditubuhkan ratusan projek telah dilaksanakan dan Negara Brunei Darussalam pada yang telah diberi kesempatan melaksanakan seperti kem belia dan yang terdekat ialah sudut ASEAN yang diadakan di Muzium Brunei.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bergambar ramai bersama para peserta dari negara-negara ASEAN di Mesyuarat Kesembilan Jawatankuasa Kecil ASEAN - COCI Mengenai Kebudayaan. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Kunjungan ke Sabli Food Industry

TUTONG, Khamis, 22 November. - Isteri Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Dr. Hajah Jamilah binti Haji

Mohd. Yusof berserta rombongan hari ini melawat ke Sabli Food Industry Brunei Sdn. Bhd., Kampong Se-

ramangun, di sini.

Menyertai rombongan tersebut isteri-isteri para

penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua rumah panjang serta ahli-ahli persatuan wanita Daerah Tutong.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mengeratkan lagi jalinan ikatan silaturahmi di kalangan rombongan, di samping untuk memberi pendedahan dan peluang kepada ahli-ahli rombongan untuk melihat secara lebih dekat pemprosesan makanan yang dijalankan oleh syarikat tersebut.



ISTERI Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Dr. Hajah Jamilah binti Haji Mohd. Yusof berserta rombongan bergambar ramai di hadapan bangunan Sabli Food Industry Brunei Sdn. Bhd. - Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong.

SUKAN

Negara Brunei Darussalam tuan rumah Sukan Borneo III 2009

KUCHING, Sarawak, Sabtu, 1 Disember. - Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kunjungan para atlet Kepulauan Borneo untuk beraksi di Sukan Borneo III apabila diumumkan menjadi tuan rumah bagi kejohanan itu pada tahun 2009 nanti.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad selaku ketua delegasi Negara Brunei Darussalam menerima bendera rasmi Sukan Borneo daripada Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri William Mawan Ikom di Upacara Penutupan Rasmi Sukan Borneo II.

Terdahulu dari itu, Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak telah menyampaikan anugerah kepada johan keseluruhan serta olahragawan dan olahragawati terbaik Kejohanan Sukan Borneo II, yang mana kesemuanya dibolot oleh Sarawak selaku tuan rumah.

Olahragawan terbaik

disandang oleh Isaac Russell Paul melalui acara tenpin bowling, manakala olahragawati terbaik diterima oleh Ho Sin Hui yang berjaya mencipta rekod baru bagi acara merejam lembing.

Di upacara yang berlangsung di Stadium Perpaduan Petra Jaya Kuching itu, Yang Berhormat Dato Sri William juga telah menyampaikan cenderamata kepada ketua-ketua kontinjen / pengurus pasukan.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Dato Sri William berkata, hubungan baik dan rapat yang terjalin menerusi pembabitian masyarakat dalam aktiviti sukan, kebudayaan, sosioekonomi, pelancongan, infrastruktur, pertanian dan sebagainya akan terus mengeratkan lagi hubungan semua wilayah.

"Semangat setia kawan yang terjalin sekian lama di kalangan masyarakat Kepulauan Borneo tetap utuh walaupun hanya sempadan yang memisahkan kita," ujar Yang Berhormat Dato Sri William.

Sejurus selepas itu upacara menurunkan bendera Sukan Borneo dan diikuti

dengan lagu tema Sukan Borneo II Sarawak.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dalam ucapannya antara lain melahirkan keyakinan bahawa Sukan Borneo telah mencapai objektifnya yang mana penyertaan semua pegawai sukan dan para atlet adalah untuk mengukuhkan semangat dan perpaduan Borneo melalui sukan.

Dalam masa yang sama, ujar Yang Berhormat, Sukan Borneo juga dapat meningkatkan kerjasama dan silaturahmi di kalangan pegawai, atlet dan negara yang mengambil bahagian.

"Tidak mustahil melalui sukan ini, wilayah Borneo akan dapat melahirkan atlet-atlet yang berpotensi, kompetitif dan bertaraf antarabangsa," jelas Yang Berhormat.

Disusuli kemudian dengan acara kesenian menggabungkan rentak tari asli dan gerak cergas yang dipersembahkan oleh kira-kira 36 orang penari dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara



Oleh : Bolhassan
Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@
information.gov.bn

Foto :
Abdullah Haji
Awang Damit

Brunei Darussalam sebagai tanda mengalu-alukan kunjungan kontinjen-kontinjen yang akan beraksi di Bandar Seri Begawan nanti.

Di Kejohanan Sukan Borneo II Sarawak yang bermula pada 26 November, Negara Brunei Darussalam telah menghantar seramai 194 orang terdiri dari para pegawai dan atlet yang diketuai oleh Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Metassim bin Haji Jibah selaku Chef de Mission.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika menerima bendera rasmi Sukan Borneo dari Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak, Yang Berhormat Dato Seri William Mawan Ikom di Upacara Penutupan Rasmi Sukan Borneo II.

JUMLAH PUNGUTAN PINGAT DI SUKAN BORNEO II



SENARAI PEMENANG PINGAT - PINGAT KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN BORNEO II KE II KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA 2007

No.	SUKAN	ACARA	NAMA/PASUKAN PEMENANG	PINGAT			TARIKH KEMENANGAN
				EMAS	PERAK	BANDAR	
1	TENPIN BOWLING	ACARA PERSEORANGAN	HAZIQ FADZILLAH BIN HU NOOR ISMAG	1	0	0	27 NOV. 2007
2	OLAHRAGA	500M LELAKI	SEPLI ANAR	0	1	0	28 NOV. 2007
4	OLAHRAGA	1500M LELAKI	HU SYAMIR FADZILLAH BIN HU MO ISMAG	0	1	0	28 NOV. 2007
5	OLAHRAGA	HAMMER THROW WANITA	MICHELLE CHARLENE BASIR	0	1	0	28 NOV. 2007
6	OLAHRAGA	110M HURDLE LELAKI	CHESTER JOHNNY TAN	0	1	0	28 NOV. 2007
7	OLAHRAGA	110M HURDLE LELAKI	ASHRIN MOHAMMAD	0	0	1	28 NOV. 2007
8	OLAHRAGA	200M LELAKI	FADIAL AHAD	0	1	0	28 NOV. 2007
9	OLAHRAGA	200M LELAKI	HU SYAMIR FADZILLAH BIN HU MO ISMAG	0	0	1	28 NOV. 2007
10	OLAHRAGA	4 X 100M RELAY LELAKI	1. FADIAL AHAD 2. MO HAZIQ BIN HAJI AWANG HAZIQ 3. HAJI SYAMIR FADZILLAH BIN HU MO ISMAG 4. ARIFFIN HANAFI	0	1	0	28 NOV. 2007
11	OLAHRAGA	400M LELAKI	HAZIQ BIN HAJI MATUSSIN	1	0	0	28 NOV. 2007
12	TENPIN BOWLING	BERGOLONGAN	1. DR. NORHAZIMAH PU HASSANAN 2. DR. NUR GISTINA PU HASSANAN	0	0	1	28 NOV. 2007
13	OLAHRAGA	PERSEORANGAN	SADIK BIN HAJI BAHAR	0	0	1	28 NOV. 2007
14	OLAHRAGA	LOMPAT KUBANG	SHAHUHAN BIN HAJI BAHAR	1	0	0	28 NOV. 2007
15	OLAHRAGA	4 X 400M RELAY LELAKI	1. MOHAMMAD SYAMIR BIN HU MO ISMAG 2. JIM ANAR 3. MO FADIAL AHAD 4. HAZIQ BIN HAJI MATUSSIN	1	0	0	28 NOV. 2007
16	OLAHRAGA	LEMPAR CAKERA WANITA	MICHELLE CHARLENE BASIR	0	0	1	28 NOV. 2007
17	OLAHRAGA	BALING TUKUL BESI LELAKI	HADI EZLAN SEBAG	0	0	1	28 NOV. 2007
18	OLAHRAGA	100M LELAKI	HAZIQ AWANG HAJI HAZIQ	0	0	1	28 NOV. 2007
19	OLAHRAGA	800M LELAKI	JIM ANAR	0	1	0	28 NOV. 2007
20	OLAHRAGA	800M LELAKI	HU SYAMIR FADZILLAH BIN HU MO ISMAG	0	0	1	28 NOV. 2007
21	OLAHRAGA	BERSEKUTU	1. SAFAR ABD RASHID 2. MOHD ALI HU LATIP	1	0	0	28 NOV. 2007
22	OLAHRAGA	REGRU	1. KAMIS HU HASIM 2. MOHD ALI HU LATIP 3. MOHAMMAD HU BILAL 4. HAJI NAFAN BIN HAJI BAHAR 5. ABU SAMAN HAJI DAMAT	0	0	1	28 NOV. 2007
23	HOKI	BERPASUKAN LELAKI	-	1	0	0	28 NOV. 2007
24	SEPAK TAKRAW	BERPASUKAN	-	1	0	0	28 NOV. 2007
25	BOLING PADANG	TRIPLE LELAKI	1. SAMUEL BIN HU ABD RAHMAN 2. HULUM BIN HU MOHD SALLEH 3. HAJI ZAKI HU ABD RAHMAN	1	0	0	30 NOV. 2007
26	BOLING PADANG	SINGLE PEREMPUAN	HANNA AMALIA HAJI MATAJI	0	1	0	30 NOV. 2007
27	BOLING PADANG	SINGLE LELAKI	SUFRI MUHIN	0	0	1	30 NOV. 2007
28	BOLING PADANG	PAIRS LELAKI	1. HU MAI RASA BIN HU AHMAD 2. ALI BILAL	0	0	1	30 NOV. 2007
29	BOLING PADANG	PAIRS WANITA	1. SYAMIR FADZILLAH BIN HU MO ISMAG 2. BITHI DRI FENHARUSANTI BTE JIMAN	0	0	1	30 NOV. 2007
30	TENNIS	BERPASUKAN REMAJA	1. MOHD AMAN ABULLAH 2. ASHER JEREMAN KHAN 3. MUHAMMAD HAJI AWANG 4. ABD HAMZAN ABD HAMID	0	0	1	30 NOV. 2007
31	TENPIN BOWLING	ALL EVENT	HAZIQ FADZILLAH BIN HU NOOR ISMAG	0	0	1	30 NOV. 2007
32	BOLASEPAK	BERPASUKAN	-	0	0	1	1 DES. 2007
33	BADMINTON	BERGOLONGAN	1. MOHAMMAD SYAMIR BIN HU MO ISMAG 2. SABARINAH BTE HU MOHAMMAD	0	0	1	1 DES. 2007
34	FUTSAL	BERPASUKAN LELAKI	-	1	0	0	1 DES. 2007
JUMLAH				9	8	16	



PASUKAN futsal Negara Brunei Darussalam ke Sukan Borneo II bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis BAFA.

BAFA meraikan jaguh Sukan Borneo II

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Disember. - Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BAFA) telah mengadakan Majlis High-Tea untuk merayakan pasukan-pasukan bola sepak dan futsal negara yang baru bertanding di Sukan Borneo 2007 di Kuching, Sarawak.

Presiden BAFA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji

Awang Hussein dalam ucapannya, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan futsal yang memenangi pingat emas dan pasukan bola sepak yang memenangi pingat gangsa di Sukan Borneo 2007.

"Kami amat bangga akan pencapaian biskita dan kejayaan ini juga turut menjadi kebanggaan kepada kerajaan dan negara. Ini adalah hasil usaha padu di

antara pelbagai pihak, pegawai-pegawai dan pemain-pemain sendiri yang berkomitmen tinggi serta disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan dan BAFA. Ternyata, usaha dan kerjasama sedemikian adalah bahan menjurus kejayaan," kata Yang Dimuliakan.

Seterusnya, Yang Dimuliakan juga memaklumkan bahawa pada tahun 2008 nanti, BAFA akan menyertai pertandingan antarabangsa seperti Asian Football Confederation - (AFC) AFC Challenge Cup, ASEAN Football Federation AFF Championship dan pusingan kelayakan Piala Dunia Futsal peringkat AFC.

Yang Dimuliakan juga menjelaskan bahawa penyertaan dalam pertandingan-pertandingan tersebut memerlukan pemain-pemain yang berwibawa dan merekalah di antara pemain harapan yang bakal mewakili negara nanti.

BAFA, kata Yang Di-

mulikan akan berusaha gigih untuk mengenal pasti pemain-pemain dan membuat persediaan rapi untuk menghadapi pertandingan-pertandingan yang tentunya lebih mencabar berbanding dalam Sukan Borneo.

Yang Dimuliakan juga melahirkan rasa puas hati bahawa BAFA, bersama Brunei Premier League Sdn. Bhd. sedang giat menganjurkan Liga Bola Sepak Kebangsaan iaitu DST - Premier League dan bersama Anati Event Management menganjurkan Brunei Futsal Tournament Terbuka yang menjadi pemangkin kepada persediaan BAFA ke arah kejohanan 'tempatan' dan antarabangsa.

Hadir di majlis tersebut ialah Naib Presiden BAFA, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jaja Haji Abas; Setiausaha Agung, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan; Bendahari, Jeffery Pang dan Ahli-ahli Majlis BAFA.



PRESIDEN Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BAFA), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussein menerima cenderahati kenangan dari wakil pasukan futsal yang menjadi johan Sukan Borneo 2007.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand

Berangkat ke Bangkok

BANGKOK, Thailand, Isnin, 3 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berangkat tiba di sini bagi

menghadiri Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24.

Keberangkatan tiba DYT di Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi dialu-alukan oleh Setiausaha Agung Majlis Olimpik Kebangsaan Thailand, Mejar Jeneral Jarouk Aree Rachakaran.

Juga menjunjung DYT ialah Setiausaha Agung BDNOC, Awang Japar bin Bangkol, Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Hamdani selaku Penolong Chef De Mission kontinjen negara bagi Bangkok dan Chonburi.

Sejurus ketibaan di Rama Garden Hotel, DYT dialu-alukan oleh Pengurus Besar hotel, Thana Hatthakijkosol. Atlet boling padang dan lumba perahu ditempatkan di hotel berkenaan juga menjunjung keberangkatan DYT dengan meriah.

Sepanjang berada di sini, DYT dijadualkan akan menghadiri beberapa acara rasmi, di samping memberi suntikan semangat kepada atlet-atlet negara yang bertanding pada kejohanan dwitahunan itu.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama Setiausaha Agung Olimpik Kebangsaan Thailand, Mejar Jeneral Jarouk Aree Rachakaran sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi, Thailand.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) di Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi, Thailand dijunjung oleh Setiausaha Agung Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Japar bin Bangkol.

Keberangkatan ke penginapan atlet suntik semangat

KORAT, Thailand, Rabu, 5 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersabda memberikan kata-kata perangsang dan nasihat bagi menaikkan dan menyuntik semangat juang para atlet negara ke Sukan Asia Tenggara Edisi Ke-24 yang berlangsung dari 6 hingga 15 Disember.

Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan demikian semasa berinteraksi dan berbual mesra bersama para atlet semasa keberangkatan DYT ke penginapan atlet negara di Perkampungan Sukan yang terletak di Universiti Teknologi Suranaree.

Presiden BDNOC itu juga mahu agar para atlet menumpukan pertandingan dan meraih pingat bagi kecemerlangan sukan negara di arena serantau dan antarabangsa.

Selain daripada beramah mesra, DYT juga mendengar penerangan yang disampaikan oleh jurulatih / pengurus sukan tentang persiapan dan latihan yang telah dijalankan sebelum menghadapi bahang Sukan SEA.

Sesungguhnya keberangkatan DYT itu menggambarkan betapa DYT selaku Presiden BDNOC mengambil perhatian yang berat terhadap pencapaian para atlet

yang akan berjuang meraih pingat dalam temasya sukan yang berprestij di rantau Asia Tenggara.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dibarisi oleh 99 orang - 57 atlet dan 42 pegawai termasuk jurulatih.

Di temasya Korat ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai dalam 12 acara cabang sukan terdiri dari biliard dan snuker, olahraga, basikal, ekuestrian, lawan pedang, golf, karatedo, boling padang, pencak silat, sepak takraw, taekwondo dan lumba perahu tradisional.

Keberangkatan DYT di Perkampungan Sukan dijunjung oleh Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal selaku Chef De Mission Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA yang juga menyertai DYT dalam lawatan itu serta beberapa orang pegawai kontinjen negara.

Semasa berada di tempat penginapan itu, DYT berpeluang meninjau tentang kemudahan yang disediakan oleh pihak penganjur bagi para kontinjen negara antaranya termasuk peralatan IT.

Di samping itu, DYT juga diberikan penerangan mengenai jadual latihan serta meninjau bilik perubatan, bilik-bilik para pegawai, sekretariat dan atlet.

Semasa keberangkatan ke Perkampungan Sukan, DYT mula-mula meninjau dewan makan bagi para atlet dari 11 buah negara yang boleh menampung 2,000 atlet dalam satu masa makan.

Semasa berada di dewan tersebut, DYT berkesudian menikmati makan tengah hari bersama-sama para atlet dari pelbagai negara yang ketika itu menikmati sama makanan tengah hari.

Dari dewan makan, DYT meneruskan tinjauan ke beberapa kemudahan yang terdapat di perkampungan berkenaan antaranya tempat menjual cenderamata, bilik latihan fizikal, bilik serbaguna (common room) yang menamatkan kemudahan-keindahan IT serta meninjau kawasan persekitaran perkampungan yang dibina khas untuk Sukan SEA Ke-24 dengan keluasan 2,000 hektar.

Perkampungan atlet dibina bagi menempatkan 5,000 atlet dari 11 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Menurut sumber rasmi, selepas Sukan SEA, perkampungan itu akan dijadikan sebagai sebuah universiti teknologi.


Sepanjang tinjauan ke Perkampungan Sukan, DYT diiringi oleh Ahli Majlis Persekutuan Sukan SEA (SEAGF), Tuan Yang Terutama Chaiyapak Siriwat.



DULI Yang Teramat Mulia, Presiden BDNOC bersalam-an bersama sebahagian para atlet ketika meninjau penginapan atlet di Perkampungan Sukan (atas). Sementara gambar kiri, DYT berkenan menerima sembah taklimat mengenai kedudukan Perkampungan Sukan SEA.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menikmati makanan yang disediakan di Perkampungan Sukan bersama para atlet yang mengambil bahagian.



DULI Yang Teramat Mulia menyabdakan sesuatu kepada jurulatih olahraga negara, David Vigulla De Rosa. Juga kelihatan ialah Mohd. Yazid Yatami, satu-satunya atlet olahraga negara.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand

Bendera Brunei berkibar megah di Perkampungan Sukan SEA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersama-sama Ahli Majlis Olimpik Kebangsaan Negara-negara Asia di Upacara Menaikkan Bendera Sukan SEA Ke-24.

DYTM meninjau Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) dan Pusat Media (MPC)

KORAT, Thailand, Khamis, 6 Disember. - Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), ke Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) dan Pusat Media (MPC) Sukan Asia Tenggara Ke-24 mendapat sambutan dari para media elektronik dan surat khabar yang membuat liputan sukan terbesar di rantau Asia Tenggara.

Para jurugambar dari pelbagai negara tidak melepaskan peluang untuk merakamkan gambar Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan sepanjang lawatan ke IBC dan MPC. Begitu juga para wartawan sibuk membuat catatan mengenai lawatan 'mengejut' DYTM ke kompleks itu.

Semasa diajukan pertanyaan oleh rangkaian televisyen kebangsaan Thailand mengenai peluang Negara Brunei Darussalam di Sukan SEA kali ini, DYTM menjelaskan bahawa kontinjen negara menyasarkan 11 - 15 pingat, namun tidak membentangkan secara terperinci warna pingat.

Mengenai persiapan tuan rumah menganjurkan Sukan SEA 2007, DYTM menyabdakan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan Thailand atas layanan baik dan sambutan yang hangat yang diberikan kepada DYTM dan kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Sukan SEA.

IBC dan MPC yang merupakan nadi utama media elektronik dan surat khabar bagi pergerakan rakaman liputan Sukan SEA terletak di Bangunan Surapat 2, Universiti Teknologi Suranaree dalam Daerah Muang.

Keberangkatan tiba DYTM di kompleks IBC telah dialu-alukan oleh Tuan Chuchait Pimpasert, Pengurus IBC yang telah mengiringi dan menyumbangkan taklimat ke hadapan majlis DYTM sepanjang lawatan itu.



DULI Yang Teramat Mulia semasa ditemu ramah oleh wartawan di Pusat Media di mana keberangkatan DYTM mendapat sambutan daripada wartawan dan jurugambar.

Juga menjunjung keberangkatan ialah, Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

DYTM mula-mula melawat Bilik Operasi Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB) yang ditempatkan di IBC dengan menerima penerangan yang disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Taha, Ketua rombongan Penyiaran RTB mengenai operasi dan liputan yang dibuat oleh RTB sepanjang dua minggu Sukan SEA berlangsung. Kru RTB mengandungi seramai 14 orang pegawai dan kakitangan.

Kemudian DYTM meneruskan lawatan ke bilik-bilik penyiaran Republik Filipina, TV 9, Thailand, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan mengakhiri lawatan ke IBC dengan meninjau Penyiar Utama (Host Broadcaster) yang antaranya termasuk bilik penyuntingan dan arkib.

Dari IBC, DYTM meninjau pula MPC yang terletak bersebelahan dengan dialu-alukan oleh Tuan Pramoj Rathavinij, Pengarah Agung, Jabatan Perhubungan Awam Kerajaan Thailand selaku Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Sukan SEA Ke-24.

Di MPC, DYTM berkenan menerima pesembah Maskot Sukan SEA yang diberi jolokan nama 'can' iaitu sejenis kucing Thailand oleh Tuan Pramoj Rathavinij dan berkenaan menandatangani lembaran Buku Pelawat.

Sepanjang berada di MPC, DYTM juga meninjau 'booth' yang menempatkan bakal tuan rumah Sukan SEA Ke-25, Republik Demokratik Rakyat Lao pada tahun 2009. DYTM disematkan dengan 'maple pin' Maskot Sukan SEA Ke-25, 'Champa dan Champi'.



KORAT, Thailand, Rabu, 5 Disember. - Lagu 'Allah Peliharakan Sultan' berkumandang megah di International Zone, Universiti Teknologi Suranaree sempena Majlis Pembukaan Rasmi Perkampungan Sukan dan Upacara Menaikkan Bendera Negara-Negara Asia Tenggara yang menyertai temasya Sukan SEA Ke-24 di sini.

Serentak dengan itu, bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam megah berkibar sebaris dengan bendera Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Myanmar, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Timor Leste, Viet Nam dan Thailand yang masing-masing dinaikkan mengikut abjad.

Lagu yang menjadi lambang kemegahan rakyat dan negara setentunya akan terus membakar semangat para atlet negara dalam mengharungi perjuangan mencaip kejayaan gemilang di sukan yang berprestij di rantau Asia Tenggara.

Semogalah lagu kebangsaan kita 'Allah Peliharakan Sultan' akan menjadi realiti berkumandang di bumi Korat. Itulah yang menjadi harapan dan doa rakyat Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mu-

lia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan menaikkan bendera kebangsaan dengan penuh gilang-gemilang diringi dengan laungan nyanyian lagu kebangsaan oleh para atlet negara.

Upacara yang menjadi tradisi di temasya-temasya sukan, lazimnya dilakukan oleh setiap negara tuan rumah yang mengelolakan sukan berprestij bagi rantau Asia Tenggara sebagai mengalu-alukan penyertaan negara-negara ke temasya sukan yang diadakan dua tahun sekali itu dan menandakan akan bermulanya tirai Sukan SEA. Namun acara bola sepak dan menembak telah pun bermula lebih awal sejak 27 November lalu.

Sebelum acara menaikkan bendera dilangsungkan, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenaan meninjau barisan para pegawai dan atlet negara di upacara itu dengan didahului oleh pembawa bendera negara, Awang Mohd. Yazid Yatami bin Yusof, satu-satunya atlet olahraga negara.

Upacara gilang-gemilang walaupun hanya disertai oleh sebahagian para atlet 11 buah negara dirasmikan oleh Rektor Universiti Teknologi Suranaree, Profesor Bersekutu Prasart Suebka selaku Gabenor Perkampungan Sukan bagi Sukan SEA Ke-24.

Sebagai kenang-kenangan, Profesor Bersekutu Prasart Suebka menyampaikan cenderamata berbentuk 'benjarong' iaitu sejenis alat pertukangan tangan rakyat Thailand kepada setiap negara yang menyertai temasya dwitahunan itu.

Menerima cenderamata bagi Negara Brunei Darussalam ialah, Chef de Mission Kontinjen Negara, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Gabenor Perkampungan Sukan dalam ucapannya mengalu-alukan kontinjen dari 11 buah negara yang bertanding dalam temasya sukan kali ini.

Sukan SEA Ke-24 akan menjadi lambang perpaduan dan solidariti bagi negara-negara benua Asia Tenggara yang berjumlah lebih 500 juta orang sesuai dengan fokus temasya 'Spirit, Friendship and Celebrations'.

5,000 ribu atlet akan bertarung merebut 475 pingat emas yang diperuntukkan dalam 43 cabang sukan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menaikkan bendera Negara Brunei Darussalam di Perkampungan Sukan SEA Ke-24 di International Zone, Universiti Teknologi Suranaree Korat, Thailand.



Liputan :
Haji Jaafar
Haji Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
Foto :
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
dari Korat, Thailand



DYTM memerhati secara dekat liputan-liputan yang dibuat oleh penyiar utama sambil disebarkan penerangan oleh Pengurus IBC Chuchait Pimpasert (atas).

DYTM berkenan menerima Maskot Sukan SEA Ke-24 yang disampaikan oleh Pramoj Rathavinij di Bilik VIP di Pusat Media (kiri).

CHEF De Mission Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal mewakili negara menerima cenderamata Sukan SEA (kanan).



Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand

DPMM berangkat tiba di Korat

KORAT, Thailand, Selasa, 4 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat tiba di sini kira-kira jam 1.10 petang waktu tempatan dan 2.10 petang waktu Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Korat bagi menyertai Sukan Asia Tenggara Ke-24 dalam sukan biliard dan snuker bagi acara '8 ball pool' berpasangan, '8 ball pool' perseorangan dan '9 ball pool' perseorangan.

Pencapaian terbaik DYT dalam temasya Sukan SEA Ke-23 di Manila ialah dalam acara '8 ball pool double' apabila DYT yang berpasangan dengan Randy Wong Sieu Loong berjaya me-

masuk peringkat separuh akhir.

Berangkat sama ialah anakanda DYT, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Keberangkatan tiba DYT dan YTM di Pangkalan Tentera Udara Diraja Thailand Wing 1, Korat Airfield dijunjung oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof.

Mengalu-alukan keberangkatan DYT ialah Gabenor Wilayah Korat, TYT Suthee Makboon dan Admiral Surawuth Maharam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan SEA Ke-24 serta pegawai-pegawai tinggi Tentera Udara Diraja Thailand.

Juga menjunjung keberangkatan DYT ialah Ketua Kontinjen Negara



Liputan :
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

Foto :
Masri Osman
dariKorat,
Thailand

Brunei Darussalam Ke Sukan SEA Ke-24, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal serta pegawai-pegawai kanan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Gabenor Korat, TYT Suthee Makboon sejurus berangkat tiba di Wing 1, Airbase, Korat Airfield.

DPMM sertai perlawanan '9 ball pool' berpasukan lelaki

KORAT, Thailand, Jumaat, 6 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat ke perlawanan bagi acara '9 ball pool' berpasangan lelaki dalam temasya Sukan SEA Ke-24, di Hotel Sima Thani, Korat di sini.

Sejurus keberangkatan tiba di 'venue' snuker, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat mengiringi DYT dan seterusnya menyaksikan perlawanan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Juga menjunjung keberangkatan DYT dan rombongan ialah Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan Presiden Konfederasi Sukan Biliard Asia, Sindhu Pulsirivong yang juga Presiden Kesatuan Sukan Biliard Thailand.

Dalam perlawanan peringkat suku akhir sejumlah 11 frame itu, DYT yang berpasangan dengan Sieu Loong Wong bertemu dengan pasangan dari Republik Singapura, Chang Keng Kwang dan Toh Lian Han.

Perlawanan yang juga menentukan tempat ke separuh akhir itu dimenangi oleh pasangan Singapura dengan keputusan 11 - 4.

Walaupun ketinggalan di awal permainan 1 - 0 pada frame pertama, pasangan negara khususnya DYT telah bermain cemerlang dengan menyamakan kedudukan 1 - 1 pada frame kedua.

Namun, pasangan Si-

ngapura sekali lagi di depan dengan 3 - 1 di frame empat.

DYT yang menunjukkan permainan cemerlang merapatkan kedudukan 3 - 2 di frame kelima.

Akan tetapi, permainan Sieu Loong Wong tidak menjadi dan banyak melakukan kesilapan yang membolehkan pasangan 'Kota Singa' itu mencuri mata menguasai permainan dengan memenangi tiga frame berikutnya menjadikan 6 - 2 pada frame kelapan.

DYT terus bertindak cemerlang sambil memperlihatkan permainan yang bermutu tinggi dan berjaya merapatkan jurang mata menjadikan 6 - 3.

Memasuki frame 10 dan 11, pasangan lawan mengukuhkan kedudukan dengan 8 - 3.

Di perlawanan frame ke-12, pasangan negara yang mendapat sokongan padu dari para atlet negara yang turut menyaksikan perlawanan itu terus bangkit mengejar kedudukan 8 - 4.

Setelah bertarung selama hampir dua jam, dalam frame kelima belas, pasangan Singapura akhirnya memenangi baki pertandingan dengan menamatkan perlawanan 11 - 4.

Pada hari Isnin, 10



AKSI Duli Yang Teramat Mulia di Perlawanan '9 Ball Pool' bertemu dengan Pasukan Republik Singapura.

Disember, DYT sekali lagi akan berangkat menyertai dalam acara '8 ball pool' perseorangan lelaki dengan menentang peserta tuan rumah, Thailand, Dachawat Poomjang.

Sementara hari Rabu, 12 Disember, DYT akan bertemu dengan pemain dari Filipina, Cortez Lee Vann dalam perlawanan '9 ball pool' perseorangan

lelaki.

Dua lagi pemain snuker negara, Mohd. Johanny Aqil Abdul Tan akan menentang pemain Singapura, Toh Lian Han dalam '8 ball pool' perseorangan lelaki di peringkat prasuku akhir dan Ahmad Taufiq Mohd. Murni pula bertemu pemain Singapura, Toh Lian Han juga dalam peringkat prasuku akhir.



DYT berpasangan dengan Sieu Loong Wong bagi acara '9 Ball Pool' Berpasangan Lelaki.



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Presiden Konfederasi Sukan Biliard Asia, Sindhu Pulsirivong sejurus tiba di Hotel Sima Thani. Berangkat sama YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri dan DYT Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



BERANGKAT menyaksikan perlawanan ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri, DYT Paduka Seri Pengiran Bendahara dan YAM Pengiran Muda Abdul Qawi.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand

Kontinjen negara dahului perbarisan pembukaan rasmi Sukan SEA



Liputan :

Jaafar Ibrahim

jaafar.ibrahim@information.gov.bn

Samle Haji Jait

samle.jait@information.gov.bn

Abu Bakar Haji

Abdul Rahman

bakar.rahman@information.gov.bn

Foto :

Samle Haji Jait,

Abu Bakar Haji

Abdul Rahman

dari Korat,

Thailand

KORAT, Thailand, Khamis, 6 Disember. - Tirai temasya Sukan SEA Edisi Ke-24 dibuka secara rasmi penuh gilang-gemilang dan istimewa kerana bertepatan dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand ke-80 tahun.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dengan diketuai oleh Chef De Mission kontinjen, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dengan penuh megah mendahului perbarisan berjalan lalu di Stadium Utama Keputeraan Raja Thai Ke-80 yang boleh memuatkan 40,000 penonton.

Pengiran Mohd. Salleh Chuchu Pengiran Haji Tuah diberikan penghormatan untuk membawa bendera kebangsaan negara. Beliau adalah merupakan seorang peserta negara yang berjaya memungut pingat emas dalam acara boling padang empat sepasukan di temasya

Sukan SEA Ke-23 di Manila, 2005.

Dengan berpakaian emas kot kelabu, kontinjen negara berbaris penuh semangat dengan mengibarkan bendera kebangsaan bersaiz kecil sambil mendapat tepukan dari Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) yang berangkat hadir di pembukaan rasmi itu.

Perbarisan berjalan lalu, kemudian diikuti dengan kontinjen Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Myanmar, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Timor Leste, Viet Nam dan akhir sekali tuan rumah, Thailand.

Kemuncak acara pembukaan warna-warni itu perasmian yang disempurnakan

oleh Duli Yang Teramat Mulia Maha Vajiralongkorn, Putera Mahkota Thailand bagi mewakili Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej. Diikuti upacara menaikkan bendera Persekutuan Sukan SEA sebagai tanda bermulanya temasya secara rasmi.

Di temasya Korat ini, kontinjen negara membariskan 106 orang termasuk 57 atlet yang dipertaruhkan untuk menggalas cabaran negara bagi mengutip pingat emas melalui 12 acara iaitu snuker, olahraga, basikal, equestrian, lawan pedang, golf, karatedo, boling padang, pencak silat, sepak takraw, taekwondo dan lumba perahu tradisional.

Dengan bertemakan 'Semangat, Setia Kawan dan Perayaan', pembukaan rasmi temasya terbesar di rantau Asia Tenggara dimulakan dengan persembahan yang bertajuk 'The Journey



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan berangkat di Majlis Perasmian Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24.

of SEA Games to Korat'. Kemudian diikuti dengan empat lagi persembahan kebudayaan menarik penonton yang dijayakan oleh 8,793 pelajar daripada 35 buah institusi pendidikan yang terdapat di wilayah Korat yang terletak kira-kira 273 kilometer di Timur Laut Bangkok.

Dua atlet legenda tuan rumah iaitu pemenang pingat gangsa acara tinju lelaki Sukan Olimpik Athens 2004, Suriya Prasathinpiamai dan atlet angkat berat dan wanita pertama Thailand yang memenangi pingat emas di Olimpik Athens 2004, Leftenan Udornporn Polsak diberikan penghormatan menyalakan obor temasya yang berlangsung warni-warni dan mengasyikkan.

Bermula hari ini sehingga 15 Disember depan para atlet benua Asia Tenggara dari 11 buah negara dengan jumlah 5,200 atlet mengambil bahagian di temasya itu yang mempertandingkan 43 acara dengan menawarkan 475 pingat emas walaupun bagaimanapun beberapa acara telah dimulakan lebih awal sejak 27 November.

Bagi Negara Brunei Darussalam, temasya kali ini merupakan kali ke-16 sejak menyertai pada tahun 1977 di Kuala Lumpur, Malaysia. Sejak itu kontinjen negara hanya meraih sembilan pingat emas, 37 perak dan 136 gangsa.

Pencapaian terbaik atlet negara ialah dengan empat emas, 12 perak dan 32 gangsa ketika Sukan SEA Ke-20 dilangsungkan di Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Maha Vajiralongkorn, Putera Mahkota Thailand berkenan bersabda bagi Majlis Perasmian Sukan SEA Ke-24 yang berlangsung di Korat, Thailand.



PEMBACAAN Ikrar Sukan SEA Ke-24 di Korat, Thailand.



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam megah masuk ke stadium mendahului perbarisan berjalan lalu dengan diketuai oleh Chef De Mission Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.



SEBAHAGIAN daripada penyataan cahaya yang berwarna-warni memeriahkan lagi suasana perasmian Sukan SEA Ke-24.



TUAN rumah menampilkan kekayaan kebudayaan semasa upacara perasmian Sukan SEA.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat Thailand



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersama Ahli Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) ketika mendengar laporan dari Jawatankuasa Eksekutif SEAGF.

Buktikan slogan 'Brunei Yakin'

BANGKOK, Isnin, 10 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersabda Kejohanan Sukan SEA kali ini telah menunjukkan saingan yang meningkat dari semua negara, justeru semua atlet negara perlu terus berusaha memberi saingan yang sepenuhnya dalam acara masing-masing.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI sejurus sebelum keberangkatan balik selepas menghadiri upacara perasmian Sukan SEA di Korat, di Lapangan Terbang Antarabangsa Swunnabhumi, Thailand, di sini.

DYTM bersabda semua atlet kebangsaan perlu tunjukkan semangat juang yang tinggi dan buktikan slogan 'Brunei Yakin' benar-benar menjadi.

Ketika ditanya mengenai persaingan yang ditunjukkan dan pencapaian atlet olahraga negara, DYTM bersabda atlet olahraga negara memang mempunyai potensi yang baik untuk meningkat dan mempunyai peluang yang luas untuk menempa kejayaan, tetapi mereka perlu lebih bersedia dengan keupayaan masing-masing.

"Atlet muda, Mohd. Yazid Yatimi telah menunjukkan saingan yang sengit kepada peserta negara yang sudah berpengalaman dalam acara buang peluru. Saya harap beliau akan terus berusaha untuk memperbaiki segala kelemahan sehingga tampil

dengan kejayaan pada kejohanan yang akan disertai di masa akan datang," sabda DYTM.

Mohd. Yazid Yatimi merupakan atlet olahraga yang berjaya menyumbang pingat gangsa kedua buat kontinjen negara menerusi acara lempar cakera sekali gus menutup kehampaannya ketika hanya menduduki di tangga kelima pada acara buang peluru.

DYTM seterusnya bersabda melahirkan kegembiraan di atas pencapaian mendadak pesilat negara, Norleyermah yang berjaya menyumbang pingat perak dalam acara Pencak Silat Tunggal Puteri.

Menurut sabda DYTM, kekuatan mental, konsentrasi dan gerakan yang mantap yang ditunjukkan oleh pesilat negara itu telah menyumbang kejayaannya.

"Sebelum ini, saya telah melihat tahap kebolehan pesilat kita. Saya agak terperanjat dengan semangat tinggi dan persembahan terbaik yang di-



DULI Yang Teramat Mulia ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI sejurus sebelum berangkat balik.

tunjukkan sehingga berjaya memperolehi pingat perak untuk negara. Usaha dan semangat sebeginilah sangat diperlukan," sabda DYTM.

Sepanjang berada di sini, DYTM juga berangkat bagi Mesyuarat Ahli Majlis Persekutuan Asia Tenggara (SEAGF) di Sima Thani Hotel, Korat.

Keprihatin DYTM kepada atlet negara sangat terserlah apabila berangkat melawat ke pen-

empatan kontinjen negara di samping beramah mesra dengan atlet dan berkenan santap tengah hari bersama-sama para atlet di Perkampungan Sukan.

Lebih dari itu, DYTM juga menjadi penyuntik semangat para atlet negara apabila DYTM sendiri berkenan berangkat ke 'venues' pertandingan yang melibatkan pasukan negara semata-mata memberi sokongan moral kepada mereka.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan memberi perangsang kepada Mohd. Yazid Yatimi sejurus selepas peringkat akhir acara buang peluru.

SEAGF timbang bagi tubuhkan Suruhanjaya Disiplin



Berita dan Foto :
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Abu Bakar Haji
Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
dari Korat,
Thailand

KORAT, Thailand, Jumaat, 7 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) di Sima Thani Hotel.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Presiden SEAGF, Jeneral Yuthasak Sasiprapha antara lain mendengar laporan dari Republik Demokratik Rakyat Lao yang akan menjadi tuan rumah Sukan SEA Ke-25, pada 2009 nanti.

Perwakilan dari Republik Indonesia juga menyampaikan laporan mengenai beberapa usulan dalam persiapan mereka untuk menjadi tuan rumah Sukan SEA Ke-26 pada 2011.

Sementara itu, Jawatankuasa Eksekutif SEAGF turut melaporkan dan membincangkan mengenai peraturan-peraturan Sukan SEA, di samping mengemaskinikan tatacara dan menimbang untuk menubuhkan Suruhanjaya Disiplin.

Di antara delegasi Negara Brunei Darussalam yang juga hadir di mesyuarat ini ialah Setiausaha Agung Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Japar bin Bangkol.

Mohd. Yazid pecahkan rekod peribadi

KORAT, Thailand, Jumaat, 7 Disember. - Peserta tunggal atlet olahraga negara, Mohd. Yazid Yatimi gagal mengutip pingat selepas hanya menduduki tempat kelima dalam acara buang Peluru dengan catatan terbaik 14.28 meter (m) di Stadium Utama Keputeraan Raja Thailand Ke-80.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan acara peringkat akhir itu.

Sekalipun gagal menyumbang pingat, Mohd. Yazid patut diberi pujian apabila berjaya memecah rekod peribadi yang dicatat sebelum ini dengan lontaran sejauh 13.75m.

Lebih dari itu, kesungguhan atlet muda ini telah berhasil menewaskan peserta Republik Singapura, Chang Yi yang melontar sejauh 13.34m dan menumpaskan atlet Laos, Phaouthonessou Souvanna yang hanya mencatat 11.51m.

"Sekalipun hampa gagal menyumbang pingat untuk negara, saya gembira dan bangga berjaya memberi saingan yang terbaik kepada peserta yang sememangnya handal dalam acara ini," jelas Mohd. Yazid selepas pertandingan.

Beliau melahirkan rasa bangga dengan kejayaan lontaran yang diperolehi sambil menyifatkan peluangnya untuk meningkat dan menyinar di masa akan datang tetap menyerlah menerusi


usaha yang bersungguh-sungguh.

Sementara itu, Chef de Mission Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Jemat pula menjelaskan peluang Mohd. Yazid di masa depan akan lebih cerah kerana beliau masih muda dan perlu diasuh secara berterusan untuk mencapai kejayaan.

"Persaingan pada acara buang peluru tahun ini jelas meningkat di mana majoriti peserta telah berjaya memper-

baiki lontaran masing-masing," jelasnya.

Acara buang peluru menyaksikan atlet tuan rumah, Chatchawal Polyem berjaya mengalong pingat emas dengan catatan kejayaan 17.43m sekali gus memecah rekod Enxin Dong dari Republik Singapura yang tercipta pada sukan SEA di Hanoi. Pingat perak diperolehi peserta Thailand, Sarayudh Pintjit dan Eliezer Sunang pula mengutip pingat gangsa.



MOHD. YAZID Yatimi ketika memberi saingan menarik kepada peserta ASEAN dalam acara buang peluru peringkat akhir.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 Di Korat Thailand

Motivasi diri bantu kejayaan Norleyermah

Dari muka 1

Menurutnya, kejayaan itu merupakan sebagai dorongan semangat kepada atlet yang lain untuk sama-sama meraih kejayaan buat kontinjen negara sekali gus sebagai hadiah kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi galakan," jelas Norleyermah.

Beliau mengakui menerima cabaran yang sengit dari pesilat-pesilat yang rata-rata mempunyai pengalaman luas dalam acara itu, tetapi dengan motivasi dan semangat yang tinggi pesilat negara itu berjaya

mengawal pergerakan dengan sempurna sehingga memperoleh mata yang memberi kejayaan untuk negara.

"Pertandingan ini merupakan persaingan yang sangat hebat untuk saya kerana membawa cabaran negara untuk memburu pingat," jelasnya yang ju-lungkali mewakili negara pada Kejohanan Sukan SEA.

Sementara itu, Pen-gurus Pasukan Pencak Silat, Pengiran Abdul Karim pula mengakui kegagalan anak buahnya untuk mengutip pingat emas adalah berdasarkan perbezaan pengalaman.

"Jika diukur dari segi pengalaman, pesilat dari Republik Indonesia yang memperoleh pingat emas ini merupakan pesilat yang sudah mengikuti kejohanan ini sebanyak tiga kali berturut-turut dan telah menjuarai sebanyak tiga kali bagi kejohanan dunia," jelasnya yang mengakui teknik pernafasan dan rentak persembahan semuanya seimbang.

Beliau mengakui pengalaman yang luas pesilat dari Indonesia itu dapat diterjemahkan dengan menguasai segala-galanya gerakan sepanjang pertandingan.

"Kejayaan ini juga merupakan kebanggaan semua rakyat Brunei dan diharap pesilat negara yang lain akan terus berusaha untuk mengharumkan nama negara dalam bidang pencak silat," jelasnya.

Kejayaan Norleyermah untuk mengutip pingat perak itu juga menepati sasaran pingat yang disandarkan oleh kontinjen negara kepada pasukan pencak silat negara pada pertemuan sukan dwitahunan itu yang berlangsung di Korat, Thailand.



BANGGA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam menyabdakan kegembiraan ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI yang membuat liputan Sukan SEA di Korat, Thailand.



JADI KEBANGGAAN ... Kejayaan Norleyermah mengutip pingat perak menjadi kebanggaan negara, dalam gambar kelihatan pesilat negara bersama pemenang pingat emas dan gangsa.



KENANGAN MANIS ... DTYM berkenan bergambar ramai bersama pesilat negara dan pengurus pasukan.



SERANGAN Khairul Quddus memaksa pemedang tuan rumah Thailand Panchan Nontapat mengelak.



TANGKAS ... Sobahagian aksi menarik Khairul Quddus ketika berdepan dengan peserta dari Singapura, Chong Gua Eddie.



ROZANNA memberi saingan kepada Mary Rose Alfonso, pemedang dari Filipina.

Empat pemedang negara gagal ke peringkat akhir

KORAT, Thailand, Sabtu, 9 Disember. - Empat pemedang negara ke Sukan SEA Korat kurang bernasib baik untuk melangkah ke peringkat akhir apabila tersekat di peringkat pusingan yang berlangsung di Universiti Teknologi Suranaree.

Perlawanan yang turut disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam menyaksikan Khairul Quddus Mohd. Roalee kepada pemedang tuan rumah, Thailand Samabopot Supanna di perlawanan pertamanya bagi acara individu lelaki foil.

Permulaan yang kurang mantap Khairul Quddus akhirnya membayangi di semua perlawanannya apabila tewas kelima perlawanannya selanjutnya.

Beliau tewas kepada pemedang Malaysia, Md. Noor Iskandar Tauran dengan kiraan 1 - 5, 0 - 5 kepada pemedang Viet Nam, Bui Van Thai, 3 - 5 kepada Ronaldo Canlas dari Republik Filipina, 1 - 5 kepada Chong Guo Eddie SNG dan tewas kepada Ismail Ibnu dari Republik Indonesia 2 - 4.

Kekalahan yang menimpa Khairul Quddus turut dirasakan oleh rakan sepa-

sukannya Rozanna Mohd. Roalee dalam semua perlawanan yang diikutinya bagi acara individu wanita 'saber'.

Sekalipun tewas, Rozanna tetap menampilkan semangat yang tinggi dengan memberikan saingan sengit dalam semua perlawanannya.

Namun begitu nasib malang juga telah menimpa kepada dua pemedang negara yang lain dalam acara individu 'saber' di mana kesemua lawan yang dihadapi lebih berpengalaman.

Hasrat Md. Yunos untuk menggilap kilauan pingat di pentas sukan dwitahunan ini musnah setelah tewas dalam semua perlawanan yang diikutinya dan badi kekalahan ini turut menimpa kepada rakanranya Ak. Md. Shah Al'Musta'in.

"Kurangnya pendedahan perlawanan menyebabkan pemedang-pemedang kita ini merasa kaku khususnya apabila berhadapan dengan lawan yang mempunyai banyak pengalaman," jelas Pengurus Pasukan Lawan Pedang, Awang Haji Zainoren.

Sekalipun terpaksa menerima hakikat tersebut beliau menyatakan bahawa pemedang-pemedangnya itu telah bermain dengan baik dan menampakkan usaha yang bersungguh-sungguh.

DYTM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerima mengadap Ahli-ahli Persatuan Parlimen Komanwel yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Ben Chapman MP di Balai Penghadapan, Bukit Kaya-nagan.

Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan ahli-ahli Persatuan Parlimen berkenaan dan mengadakan perbincangan mengenai perhubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom.

Selepas itu, DYTM menerima mengadap Tuan Yang Terutama Abdoulaye Balde, Utusan Khas TYT Abdoulaye Wade, Presiden Republik Senegal.

Di majlis itu, DYTM mengalu-alukan TYT ke Negara Brunei Darussalam dan mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Senegal dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Ahli-ahli Persatuan Parlimen Komanwel, Tuan Yang Terutama Ben Chapman MP (kiri) dan berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Abdoulaye Balde, Utusan Khas TYT Abdoulaye Wade, Presiden Republik Senegal. - Foto : Halim Haji Sulaiman.



Pusaka negara bangsa perlu didedahkan kepada generasi kini

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn
Foto : Ramli Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Disember. - Dalam membangun negara bangsa, khususnya untuk pengukuhan negara bangsa, sejarah kebudayaan negara bangsa yang agung masa lampau telah meninggalkan tiga pusaka tentang kegemilangan mereka.

Pusaka pertama adalah pusaka perilaku, kedua pusaka kebahasaan dan ketiga, pusaka kesenian. Menelaah ketiga-tiga pusaka itu misalnya pusaka seni bina, pusaka falsafah, pusaka sejarah, pusaka pengembaraan dari satu benua ke benua yang lain, pusaka syair dan puisi, kita akan dapat merasakan 'zeitgeist' atau semangat pada zaman itu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata demikian ketika merasmikan Seminar Sejarah Borneo Sempena Sambutan Jubli Perak Jabatan Pusat Sejarah Ke-25 Tahun yang berlang-

sung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Menurut Yang Berhormat, semangat yang berteraskan pusaka negara bangsa ini perlu didedahkan kepada generasi masa kini kerana negara yang kita diami sekarang tidak wujud dari keadaan vakum melainkan ada kesinambungannya dengan semangat serta keingat generasi masa lampau.

Yang Berhormat juga menyentuh, untuk membangun negara bangsa cuma dengan berbekalkan dewasa usia dan fizik tetapi masih dalam kepompong 'keanak-anakan' adalah suatu mimpi.

Justeru itu, tegas Yang Berhormat, di sinilah letaknya kepentingan sejarah dalam membangun negara bangsa kerana menurut Edward Gibbon, ahli sejarah Inggeris yang menghasilkan 'The Decline and Fall of the Roman Empire', sejarah adalah 'jenayah, kebodohan dan musibah' yang menimpa umat manusia.

Oleh itu, dengan menelaah sejarah sebenarnya ada-

lah menelaah 'jenayah, kebodohan dan musibah' yang menimpa umat manusia' masa lampau dan dengan mengambil iktibar akan semua ini, umat masa kini akan lebih waspada akan duri ranjau, bukit-bukau, semak belukar dalam membangun negara bangsa.

Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menjelaskan bahawa seminar yang dilangsungkan hari ini adalah lanjutan daripada projek-projek 'Jejak Kesultanan di Borneo' yang telah dikendalikan oleh PSB pada Jun 2006.

Hasil daripada projek itu ditambahnya, mendapati banyak data sejarah dan tinggalan-tinggalan silam yang belum dikaji, malah belum disentuh oleh mana-mana pengkaji sejarah bertaburan di kepulauan ini.

"Fokus pembentangan seminar ini adalah meliputi persejarahan Borneo, seperti sejarah kesultanan kerajaan di kepulauan ini termasuk sejarah perkembangan agama Islam, tokoh-tokoh tempatan, manuskrip, artifak, bidang arkeologi, monumen, budaya, bahasa dan lainnya serta hubungannya dengan Brunei," jelasnya.

Selepas itu diikuti dengan pembentangan kertas kerja utama yang disampaikan oleh Pengetua PSB, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dengan tajuk, 'Hubungan Brunei - Samsas Dari Perspektif Sejarah dan Tulisan Jawi'.

Dalam pembentangan itu, Pengetua PSB antara lain menyentuh mengenai tulisan

Jawi telah digunakan sejak Sultan Ali Omar Shah, di mana masa berdakwah itu baginda banyak menggunakan tulisan Jawi sebagai alat penyampai pengajaran agama Islam.

Tulisan Jawi ini menurut Yang Berhormat, memang menjadi amalan kepada sultan-sultan Brunei dan dianggap sebagai tulisan kebangsaan di Brunei dan menurut sejarah, tulisan yang sedemikian pernah dipakai oleh Sultan Jalilul Akbar dalam surat yang ditujukan kepada Gabenor Jeneral Don Francisco Tello pada Tahun Masihi (TM) 1371.

"Tulisan Jawi yang digunakan oleh Sultan Ali Omar Shah yang memang digunakan oleh Sultan Brunei zaman-berzaman untuk menyampaikan dalam perhubungan antara Brunei dengan bangsa lain seperti Surat Perjanjian Pengiran Muda Hashim dengan James Brooke pada TM 1841 dan perjanjian dengan Inggeris untuk bernaung pada TM 1906 seperti yang telah disebutkan," ujarnya.

Sebanyak 60 kertas kerja dibentangkan oleh 60 pembentang dalam dan luar negeri yang pakar dalam sejarah sepanjang tiga hari. Antara tajuk kertas kerja yang disampaikan ialah Kesultanan-kesultanan di Kalimantan Barat, Tantaran dan Masa Depan: Kasus Kesultanan Qadriyah, Pontianak, Kampong Rantau Penghijrahan Kembali, Pengaruh China Dalam Pembuatan Perak Brunei, Tarik Sultan-sultan Samsas dan Hubungannya Dengan Kesultanan Brunei dan Peradaban Melayu Islam Borneo dan Teori Alunan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad merasmikan Seminar Sejarah Borneo Sempena Sambutan Jubli Perak Jabatan Pusat Sejarah Ke-25 Tahun.

HARI RAYA AIDILADHA DITETAPKAN PADA 20 DISEMBER 2007

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Disember. - Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Raya Aidiladha pada 20 Disember ini setelah hasil merukyah Awal Bulan Zulhijah 1428 Hijrah yang dilakukan oleh rombongan melihat anak bulan dan disahkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Matusin bin Haji Baki tidak kelihatan.

Pengumuman tersebut diumumkan dengan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggenapkan 30 hari bulan Zulkaedah.

Hasil merukyah awal bulan Zulhijah tersebut bagi menetapkan Hari Raya Aidiladha diketuai oleh Hakim Mahkamah Rendah Syarie, Awang Haji Lazim bin Haji Mettali bersama pegawai

Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Ukur di tempat melihat anak bulan di Bukit Shahbandar.

Dalam pengumuman yang dibuat, Dato Seri Setia Awang Haji Matusin menyatakan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha juga akan diadakan di seluruh negara pada 20 Disember bersamaan 10 Zulhijah 1428.

Sementara negara jiran Malaysia juga akan menyambut Hari Raya Aidiladha pada tarikh yang sama dengan Negara Brunei Darussalam.

HAYATI FALSAFAH IBADAT KORBAN

حياتي فلسفه عبادة قربان

دتریتکن اوله جیائن فیرائن، جیائن فردان منتری دان دجیتق اوله جیائن فرچیتقن کراجان، جیائن فردان منتری، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Ditetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING	
Ambulans	Bomba & Penyelamat
991	995
Polis	Mencari & Menyelamat
993	998



PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air	Unit Pengurusan Bencana Alam
140	
Talian Kebajikan	2381874
141	2381313
Elektrik	2382143
144	2382027
Maklumat Penerbangan	Selesema Burung
2331747	8984777
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	8985777
2332600	

BILANGAN 50

RABU 12 DISEMBER 2007 / رابو 2 ذوالحجة 1428

PERCUMA

WARGA Negara Brunei Darussalam di United Kingdom (UK) dan Ireland menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja yang lain di Majlis Ramah Mesra yang diadakan di Inter-Continental Hotel di London pada 2 Disember lepas.

Keberangkatan baginda di majlis ini sememangnya membawa banyak kesan yang amat berharga dan sebagai satu gambaran kepada pemeduliaan baginda terhadap keadaan dan kebajikan yang setentunya memberikan semangat dan terus berusaha menimba ilmu pengetahuan yang secukupnya kepada setiap penuntut dan pegawai-pegawai yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

Bagi Awangku Shahyul Khairuddin bin Pengiran Abdul Rahman, 20 tahun adalah penuntut undang-undang di London School of Economic and Political Science (LSE) juga Yang Dipertua Penuntut-Penuntut Brunei di UK berpendapat Majlis Beramah Mesra Dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang menunjukkan pemeduliaan baginda terhadap penuntut-penuntut yang sedang belajar di luar negara.

Majlis juga memberikan peluang penuntut-penuntut untuk menjunjung kasih di atas segala kemurahan yang telah disediakan

kan oleh baginda untuk belajar di luar negeri. Dengan adanya keistimewaan yang telah dianugerahkan, setentunya akan dapat digunakan bagi meningkatkan usaha dalam mendapatkan kejayaan yang cemerlang dalam apa jua bidang yang diikuti.

"Dengan keprihatinan baginda terbukti dengan adanya pelbagai skim biasiswa memberi peluang kepada para pelajar untuk menyambung pelajaran di luar negeri di institut-institut pelajaran tinggi yang diakui kearifan mereka di dalam bidang masing-masing. Pelajar-pelajar yang cemerlang akan pulang ke tanah air dengan membawa ilmu pengetahuan



AWANG Haji Abdul Halim bin Haji Hitam dan isteri.



AWANGKU Shahyul Khairuddin bin Pengiran Abdul Rahman.



DAYANG Rabi'atul Rathiah binti Mohd. Yusoff.



AWANG Amirul Azam bin Ahmad.



DAYANG Izzan Amalina binti Haji Abdul Kadir.

Rencana Oleh : Dk. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor,
fatimah.noor@information.gov.bn
Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah
Foto : Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah

yang dapat memajukan bidang pendidikan di tanah air," tegasnya ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Bila ditanya mengenai dengan peluang melanjutkan pelajaran, beliau telah diberikan skim biasiswa Kementerian Pendidikan dan menyatakan kegemilangan serta bersyukur kepada Allah kerana diberi peluang untuk belajar di tempat yang dipilih.

CABARAN

Baginya etika yang perlu ada adalah seperti disiplin, bekerja keras, tidak mudah mengalah, sanggup mencabar diri dan mengambil cabaran untuk memperbaiki kelemahan diri, sifat berbudi bahasa untuk menjaga maruah diri dan bangsa.

Beliau juga pernah menghadiri kursus-kursus sivik yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengetahui dengan lebih dalam lagi keperluan dan cabaran oleh negara. Ilmu pengetahuan yang dipelajari menjadi lebih bermakna kerana pelajar dapat melihat betapa relevannya apa yang dipelajari oleh mereka untuk menghadapi cabaran di tanah air dan luar negara.

Cabaran-cabaran yang utama tegas Awangku Shahyul Khairuddin adalah mencari masa dan kemampuan untuk belajar sambil mengambil peluang untuk melawat ke negara-negara jiran. Maklumlah para pelajar harus berikhtikar dan mengambil tanggung-

jawab untuk hal ehwal diri sendiri semasa di luar negeri. Maka masa depan dan kemampuan yang ada kebanyakannya diberi tumpuan kepada pelajaran dan menjaga serta mendisiplinkan diri sendiri kerana tidak ada orang lain selain dari diri sendiri untuk mengingatkan tentang tanggungjawab kita sebagai pelajar.

Bagi Awang Abdul Halim bin Haji Hitam, 39 tahun, yang mengikuti LDP dan menuntut di Universiti Salford dalam pengajian BSC Hons Quantity Surveying menyukuri keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia amatlah membanggakan dan majlis ini memanglah dinanti-nantikan oleh semua penuntut dan kakitangan kerajaan serta keluarga yang berada di UK.

Semasa menuntut di UK, katanya kita akan menghadapi pelbagai budaya yang berbeza, cuaca, suasana pembelajaran, pergaulan dan cara penyampaian pelajaran. Kesemua ini kita hadapi dengan tabah dan tenang.

FALSAFAH MIB

Bagi dua orang pelajar wanita, Dayang Rabi'atul Rathiah binti Mohd. Yusoff dan Dayang Izzan Amalina binti Haji Abdul Kadir mengongsikan kegembiraan mereka di majlis ini adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh semua rakyat yang berada di UK. Ianya adalah peluang keemasan untuk beramah mesra bersama Kebawah DYMM dan kerabat diraja yang lain secara dekat. Majlis ini dapat menyatupadukan dan mengeratkan silaturahim kesemua rakyat negara ini yang berada di UK dan Ireland.

Dayang Rabi'atul Rathiah pelajar tahun pertama Pengajian Fizik dari University of Warwick bersyukur dengan keprihatinan Kebawah DYMM dalam memajukan bidang pendidikan di negara ini dan menyediakan banyak skim

biasiswa sehingga peringkat tertinggi. Kita tahu pendidikan amat penting untuk memajukan negara. Keprihatinan baginda dalam perkara ini menjadikan baginda sebagai 'role model' dan memberi semangat kepada para beliau untuk menuntut ilmu dengan lebih gigih lagi.

Baginya langkah yang penting ialah sikap tidak mengabaikan pelajaran, ingin tahu akan perkembangan semasa dan terdedah kepada peluang-peluang biasiswa yang ditawarkan kerajaan kepada penuntut, di samping bersungguhsungguh mendapatkan keputusan yang baik.

Beliau bersama rakan-ranya Dayang Izzan Amalina melahirkan kesyukuran di atas pengurniaan dermasiswa bagi meneruskan pelajaran di UK. Bagi mereka pengurniaan yang amat berharga ini akan memberi peluang kepada mereka memperluaskan lagi pengalaman dan pengetahuan.

Sebagai pelajar, kata Dayang Rabi'atul Rathiah, kita perlu ingat kepada asal usul diri sendiri, jangan lupa sopan santun, budi bahasa kerana ianya tradisi masyarakat Brunei kita yang termasuk dalam falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan menjauhkan pengaruh-pengaruh yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

"Menyentuh cabaran semasa berada di luar negara, kita hendaklah menjadi seorang yang 'independent' dan berdiri amat susah pada awalnya. Tetapi dengan adanya pengalaman dan tunjuk ajar serta pertolongan dari Brunei Student Union (BSU) dan alhamdulillah dapatlah kami menyesuaikan diri dengan keadaan di UK," tegas Dayang Rabi'atul Rathiah.

Kegembiraan juga turut dirasakan oleh Awang Fadhlullah bin Ismail, 23 tahun, pelajar dari Universiti Liverpool John Moores yang mengambil kursus Msc Sports Biomechanics dan Awang Amirul Azam bin Ahmad, 21 tahun, pelajar tahun kedua pengajian 'Surveying dan Mapping Science' masing-masing melahirkan kegembiraan di atas keberangkatan baginda yang merupakan pemimpin yang pemeduliaan terhadap pelajar Brunei. Selain dari itu ianya satu peluang bagi

pelajar yang akan menjadi tunggak di dalam pembinaan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam serta mengenali lebih dekat lagi pemimpin negara kita.

Keprihatinan baginda jelas Awang Fadhlullah di dalam kemajuan pendidikan jelas terbukti apabila diadakan baru-baru ini beberapa lagi sumber bagi para pelajar yang berpotensi untuk memperolehi biasiswa melanjutkan ke luar negeri. Ini jelas membuktikan bahawa baginda ingin melihat anak bangsa Brunei bukan sahaja cerdik pandai tetapi juga untuk membawa pengalaman dari luar negara untuk diserapkan bagi membina satu perubahan yang positif membolehkan negara kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Natijahnya ialah supaya negara ini bukan setakat maju membangun tetapi pesat membangun supaya tidak ketinggalan di dalam pergolakan zaman yang melihat dunia ini melahirkan intelektual-intelektual yang berupaya merubah imej sesuatu bangsa.

"Menyentuh mengenai langkah melanjutkan pelajaran ini ialah sejauh mana keinginan seseorang itu untuk mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi dan mencabar di dalam bidang akademik. Bak kata pepatah 'di mana ada kemahuan di situ ada jalan, hendak seribu daya tak hendak seribu dalih,'" tegas Awang Fadhlullah lagi.

Bagi beliau dan Awang Amirul Azam bertuah diberikan anugerah dermasiswa dan merupakan tanggungjawab bagi setiap pelajar.

Kedua-dua pelajar ini juga pernah menghadiri Kursus Sivik anjuran Jabatan Penerangan di mana ceramah-ceramah dalam kursus sivik ini adalah sangat relevan dan mencapai matlamatnya untuk menanamkan semangat patriotik. Ini juga membantu di dalam bagaimana seseorang pelajar itu dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari semasa berada di sini di dalam konteks negara sama ada dari segi sosial mahupun persekitaran dan keadaan negara ini.

Bagi mereka, cabaran semasa berada di sini ialah pelajar menjadi dagang di negeri orang, jauh daripada keluarga sendiri. Bergaul

dengan pelbagai kaum dan budaya yang mempunyai pemikiran yang berlainan. Tanpa kekuatan semangat serta pemikiran yang optimistik seseorang pelajar itu tidak mungkin akan dapat mengharungi semua ini dengan kuat.

Seseorang pelajar itu perlu mempunyai keupayaan untuk memilih dan memanfaatkan semua yang positif dan berjaya menangkis apa saja yang negatif dengan semangat jati diri dan kepercayaan yang ampuh. Pokoknya di negeri orang, seseorang pelajar harus dapat berikhtikar dan mengharungi semua cabaran-cabaran dengan cara bijak dan pandai terutama dalam menjaga diri sendiri.

STATISTIK

Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Unit Penuntut-penuntut di London pada sesi pengajian 2006 / 2007, seramai 221 orang telah menamatkan kursus di UK dan Ireland dalam pelbagai kursus. Di peringkat ijazah pertama seramai sembilan orang telah mendapat Kepujian Kelas Pertama, 53 orang Kepujian Kelas Kedua Atas dan 50 orang mendapat Kepujian Kelas Kedua Bawah. Seramai 11 orang pula telah lulus Ijazah Pertama Perubatan. Manakala seramai 39 orang telah lulus kursus lepasan ijazah.

Kejayaan dan pencapaian cemerlang penuntut di negara ini jelas menunjukkan pelaburan dan perbelanjaan yang besar kerajaan di bidang pendidikan telah membuahkan hasil yang tidak terhingga nilainya.

Bagi sesi pengajian 2007 / 2008, keramaian keseluruhan di UK dan Ireland ialah 1,315 orang. Dari jumlah ini lima orang daripadanya mengikuti biasiswa Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu Sultan's Scholar; 1,015 orang mengikuti beberapa skim biasiswa kerajaan, 91 orang mengikuti biasiswa Shell dan 204 orang adalah penuntut persendirian yang berdaftar dengan Unit Penuntut-penuntut, manakala keramaian pegawai-pegawai yang mengikuti LDP ialah 225 orang.

Peringkat-peringkat yang diikuti termasuklah 'A' Level, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah, Kursus-kursus Profesional dan Latihan Pengkhususan Dalam Bidang Perubatan.

KAMPONG Lurong Sikuna, antara kampung yang tertua di Kampong Ayer, sejajar dengan kewujudan kampung-kampung lain di Kampong Ayer, mempunyai penduduk lebih kurang 600 orang. Seperti juga kebanyakan penduduk di Kampong Ayer ramai yang telah berpindah ke darat. Ini merupakan perubahan pembangunan yang perlu didukung dan disokong.

Kampung Lurong Sikuna bersebelahan dengan Kampung Saba, dulu dibatasi oleh Sekolah Melayu Lela Menchanai (SMLM), sempena mengambil nama Puteri Lela Menchanai, isteri kepada Sultan Bolkiah, kini sudah tiada hanya tinggal nama. Sekolah ini penuh nostalgia yang dibina pada tahun 1951. Ia sudah mencapai umurnya sebagai warga emas ketika terbakar pada tahun 2002 yakni sudah mencapai 50 tahun. Namun belum sempat menyambut jubli emasnya ia sudah tiada. Jasanya melahirkan ramai cendekiawan harus dibanggakan. Kita jangan lupa itu. Ia merupakan salah sebuah sekolah yang tertua di Kampong Ayer. Kehilangannya ditangisi. Itulah jasa SMLM yang sukar diucapkan dengan kata-kata dan dicoret dengan pena.

MELAHIRKAN ILMUWAN DAN CENDEKIAWAN

Kampung Lurong Sikuna melahirkan ramai orang-orang ternama seperti Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin; Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abbas bin Haji Serudin; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Awang Jaya bin Abdul Latif; Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Zainal bin Abdul Kahar; Begawan Pehin Tuan Imam Dato Seri Paduka Haji Awang Metassim bin Md. Tahir (Allahyarham); Pehin Khatib Mohammad bin Metassan (Allahyarham); Dato Paduka Awang Haji Umar bin Haji Serudin; Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Abd. Kahar; Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim; Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Haji Serudin; Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Abu Bakar; Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim; Dato Paduka Awang Haji Ali bin Abdul Latif dan lain-lain lagi. Kejayaan mereka ini menjadi inspirasi yang lain untuk memajukan diri dan supaya mencontohi kejayaan yang mereka capai dalam kehidupan.

MENINGGALKAN NOSTALGIA

Bila melihat bekas tapak peninggalannya, hanya tapak yang ada kini, penuh dengan kenangan suka duka. Ia menghimbau kisah lama semasa penulis belajar di sini kira-kira 44 tahun dahulu. Ah ... sukar dibayangkan betapa kemesraan antara guru dan murid dan bersama kawan-kawan. Dengan latar belakang yang hampir sama, dari anak-anak nelayan. Kebanyakannya bukanlah terdiri orang yang berada. Bila ke sekolah hanya berjalan kaki, kadang-kadang pakai kaki ayam! Itu semua jadi kenangan terutama bila melintasi Kampung Ayer sekembali dari menziarahi kubur kedua-dua orang tua yang terletak tidak jauh dari Makam Maulana. Pasti mata akan menoleh ke Kampung Ayer. Ini bukan hanya dilakukan oleh penulis saja tetapi kebanyakan warga tua yang sudah berpindah ke darat pasti akan sentiasa memandang, melihat ke Kampung Ayer yang penuh nostalgia," begitu kata-kata yang diluahkan oleh kebanyakan warga emas.

Mengikut cerita lisan dan dipetik dari syair Awang Semaun, Kampung Lurong Sikuna ada kena-mengena dengan Patih Sangkuna, saudara lelaki kepada Awang Alak Betatar, begitu juga Patih Berbai yang juga dikatakan membuka Kampung Saba. Lurong bermakna tempat laluan perahu atau kapal, mungkin saja tempat laluan perahu Pateh Sangkuna, jadi nama itu kekal jadi Lurong. Jadi jika ikut dari cerita itu hubungan dan keakraban antara anak-anak buah Kampung Ayer itu sentiasa terjalin terutama dari hubungan kekeluargaan.

Seperti kampung-kampung lain, Kampung Lurong Sikuna juga tidak ketinggalan dalam menikmati arus kema-juan dan kerjasama dari semua golongan terpancar ketika Majlis Perundingan Kampung dengan kerjasama dengan Pejabat Daerah Brunei dan Muara mengukuhkan Majlis Semangat Cintakan Raja Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Di Atas Takhta. Kesungguhan dan matlamat untuk memajukan anak buah kampung terpancar dengan inisiatif yang diukuhkan yang dikira berjaya dengan sambutan oleh warga tua dan ibu-ibu tunggal.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar selaku tetamu kehormat menghimbau kembali nostalgia kehidupan beliau yang menyentuh perasaan. Apa tidaknya seorang ibu tunggal boleh membesarkan anak-anak yang ramai walaupun hanya menjual-jualan, menjual kupang dan lain-lain. Apa yang saya nampak ialah kegigihan seorang ibu tunggal dengan ikhlas, tanpa sungutan, hanya berserah kepada Allah untuk membesarkan anak-anaknya menjadi insan yang berguna. Buktinya, beliau sendiri menjadi salah seorang qari yang berjaya di peringkat antarabangsa dan pernah menjadi naib johan. Anak-anak itu menjadi anak yang berguna dan menjadi anak soleh. Moral dari cerita beliau itu lebih kepada menyedarkan kita supaya menghormati dan menyayangi kedua-dua orang tua warga emas, di

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



Rencana dan Foto:
Haji Kassim Haji Omar

KAMPONG LURONG SIKUNA : Lahirkan ilmuwan yang berjasa



BERDONDANG merupakan salah satu acara pilihan yang turut menyemarakkan Majlis Semangat Cintakan Raja (atas), sementara gambar bawah ialah pemandangan sebahagian kawasan di Bandar Seri Begawan yang dapat dilihat dari Kampung Lurong Sikuna.



samping itu tidak melupakan orang yang susah seperti ibu-ibu tunggal yang juga mempunyai hak untuk berbakti kepada bangsa dan negara.

TOURIST REST HOUSE

"Sudah takdir!" kebakaran itu tidak

langsung melemahkan semangat Awang Haji Ahmad bin Bujang, pengusaha Rumah Rehat pertama (Tourist Rest House, Water Village) di Kampong Ayer khususnya di Kampung Lurong Sikuna. Kebakaran yang berlaku pada 17 Ogos 2002 tidak memadamkan semangat pengusahanya. Walaupun beroperasi setahun lebih,



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Semangat Cintakan Raja Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Di Atas Takhta yang pernah dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung Lurong Sikuna.

umurnya yang pendek dibina pada tahun 2000 itu belum lagi dikatakan berjaya digahkan namun ia boleh dijadikan sebagai 'role model' kepada kejayaan. Kampung Lurong Sikuna untuk menjadi mercu tanda kepada kegemilangan Kampung Ayer dalam merintis 'homestay / tourist rest house' bagi pelancong tinggal bersama di Kampung Ayer mempelajari budaya setempat, di samping merasakan makanan tempatan. Harga \$20.00 semalam agak berpatutan bagi tempat tinggal di Kampung Ayer. Namun takdir menentu segalanya. Itulah ketentuan dari Allah. Namun janganlah kita menyalahkan takdir. Ada hikmahnya yang tersembunyi yang kita tidak ketahui. Kita berbaik sangka sajalah agar kita tidak menjadi manusia yang menyalahkan takdir.

TANGGUNGJAWAB

Kita jangan terlepas pandang untuk melakukan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah, kita sebagai khalifah Allah Subhanahu Wata'ala di muka bumi. Kita pasti akan ditanya apa yang kita kerjakan dan lakukan dalam hidup ini. "Setiap kami pemimpin, kami akan ditanya atas kepimpinan kami." Itu maksud sebuah hadis untuk kita renungkan agar kita tidak hanya berpeluk tubuh menjadi penonton atas kegiatan atau aktiviti yang menyakit mata apa lagi yang menyalahi hukum agama dan undang-undang negara.

Begitulah halnya, bukan mudah untuk menjadi senang, terpaksa bekerja keras dan bersungguh. Inilah yang dimaksudkan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala, "Mereka yang bersungguh-sungguh pada jalan Kami, nescaya Kami tunjuk jalan mereka itu." Yang penting dalam meningkatkan usaha itu jangan lupa bertawakal dan berdoa supaya apa yang kita usahakan itu mendapat keberkatan dari Allah Ta'ala jua. Kita harus renungkan betapa kehidupan hari ini memerlukan pengorbanan, cubaan dan dugaan dari Allah tidak seharusnya menjadikan kita menjadi orang lemah dan patah semangat. Kebakaran di Kampung Ayer terutama yang menjejaskan mata pencarian bukan menjadikan titik noktah kepada kehidupan. Biarlah itu menjadi pengajaran supaya untuk kita terus bangkit dari kealpaan dan mungkin dari 'zon selesa' supaya menginsafi kehidupan ini. Apa yang penting di mana pun kita berada kita harus mencari jalan dan berusaha untuk memperbaiki diri dan keluarga terutama dalam arus pembangunan global ini. Ingat pesanan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien supaya sentiasa mengingati Allah (zikir Allah) untuk kesenangan dunia dan akhirat :

*Mencintai Allah jangan berhenti
mengingat la berserta hati
itulah pegangan yang sejati
dunia akhirat menanglah pasti.*

(Syair Nasihat, 1994 : 4).



INI adalah rumah persinggahan yang pernah diusahakan oleh seorang penduduk kampung sebelum bangunan ini terbakar pada bulan Ogos 2002 (kiri) dan gambar tengah ialah bekas kawasan Sekolah Melayu Lela Menchanai dan rumah persinggahan yang terbakar dan terjejas dalam kebakaran, sementara gambar kanan ialah sebahagian deretan rumah-rumah di Kampung Lurong Sikuna.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

KAJIAN-KAJIAN DALAM
BIDANG LINGUISTIK DAN KESUSASTERAAN

MENGANALISIS PUISI 'NAMA MANA NANTINYA'

Oleh : Siti Aisah Haji Abu Bakar

FOKUS bahan kajian dalam bidang linguistik dan kesusasteraan adalah bahasa dalam karya-karya kesusasteraan. Karya-karya kesusasteraan itu adalah sama ada dalam bentuk prosa atau puisi iaitu bahasa yang digunakan dalam cerpen, novel dan puisi. Bahasa sehari-hari bukan menjadi fokus bidang linguistik dan kesusasteraan, misalnya bahasa yang digunakan oleh guru-guru, bahasa yang digunakan dalam akhbar, bahasa apabila berhubung dengan ahli keluarga dan sebagainya. Bahasa sehari-hari itu tidak memberi fokus. Bahasa yang difokuskan ialah bahasa yang begitu istimewa yang mempunyai nilai-nilai estetika iaitu kelainan-kelainan yang terdapat dalam bahasa kesusasteraan berbanding dengan bahasa sehari-hari. Dalam erti kata yang lain, fokus penelitian ialah kepada penggunaan bahasa dalam karya-karya kesusasteraan. Bahasa kesusasteraan (*literary language*) tidak boleh disamakan dengan bahasa yang digunakan sehari-hari.

Oleh kerana objek kajian / pengamatan / perbincangan atau sebagainya ialah kesusasteraan, maka kita seharusnya mengetahui akan maksud perkataan kesusasteraan terlebih dahulu. Terdapat banyak penjelasan tentang maksud kesusasteraan. Bagaimanapun, berikut dikemukakan maksud kesusasteraan sebagaimana yang dicatatkan dalam Kamus Dewan (1994 : 1194). *Kesusasteraan ialah hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu. Keistimewaan yang dimaksudkan adalah kelainan-kelainan penggunaan bahasa puitis, kelainan bunyi, kelainan-kelainan gaya bahasa yang digunakan dalam karya-karya kesusasteraan dan sebagainya.*

Hakikatnya adalah bahasa kesusasteraan (*literary language*) tidak boleh disamakan dengan bahasa yang digunakan sehari-hari. Bahasa kesusasteraan adalah sebahagian daripada bahasa puitika (*poetic language*). Oleh yang demikian, bahasa kesusasteraan adalah tidak wajar dianalisis dari sudut Analisis Kesalahan Bahasa (*Error Analysis*). Ronald Carter mengatakan bahawa bahasa kesusasteraan adalah bersifat autonomus (mempunyai kebebasan yang tersendiri). Ronald Carter (1985 : 506) antara lain menyebut:

... if literature is special then its language must differ. In many formalistic definitions literary language is seen as existing of its own sake and being somehow autonomous and, therefore differentiable as communication from ordinary, or 'non literary' usage.

Dari pernyataan Ronald Carter tersebut, bahasa kesusasteraan seolah-olah tidak tertakluk kepada aturan-aturan tata bahasa dan juga tidak tertakluk kepada aturan-aturan yang ada kaitannya dengan rumus-rumus fonologi. Contoh ayat yang dipetik dari sebahagian petikan daripada puisi yang berjudul *Two Sisters of Persephone* hasil karya Sylvia Plath (1956) ialah:

Two girls there are: within the house

Dalam konteks analisis kesalahan bahasa, ayat tersebut adalah suatu bentuk kesalahan bahasa dari deviasi sintaksis yang sepatutnya ayat berkenaan ditulis, *There are two girls*. Bagaimanapun, dalam konteks bahasa puitika, penggunaan ayat tersebut tetap boleh diterima penggunaannya. Kenaturalan unsur-unsur luar biasa (*unusual*) bahasa kesusasteraan adalah sememangnya diperlukan. Seperti ayat tersebut adalah ayat yang luar biasa yang sengaja dilakukan oleh Sylvia Plath bagi mewujudkan *unusual syntax*. Oleh yang demikian, sifat-sifat luar biasa bahasa kesusasteraan tidak sewajarnya dilihat sebagai gejala-gejala tababasa. Malahan, beliau sengaja memaparkan ayat sedemikian dalam bentuk *foregrounding* adalah bagi tujuan mengherot-benyotkan komponen-komponen linguistik bagi tujuan menimbulkan kesan estetika kepada khalayak atau pembaca. Dari itu, para pembaca akan memberikan perasaan kelainan daripada biasa setelah membaca, iaitu *aesthetic experience*. Malahan telah memberi suatu bentuk gerak balas yang erat kaitannya dengan gerak belas estetika (*aesthetic response*).

Antara lain, contoh bahasa kesusasteraan adalah dilihat dalam ayat '*He'ndak nangis tiada berair mata*', iaitu salah satu baris lagu ciptaan Allahyarham P. Ramlee, perkataan nangis dalam ayat tersebut adalah salah dalam konteks penggunaan bahasa sehari-hari khususnya dalam situasi formal. Perkataan tersebut dianggap mengalami omisi morfem terikat *me-*. Tetapi dalam konteks bahasa puitika, perkataan tersebut tidak menjadi kesalahan bahasa kerana disengajakan untuk tujuan estetika. Malahan, dari contoh ayat yang lain pula, '*rambutnya berlumba-lumba menghisai dirinya*' adalah merupakan ayat yang menjadi kesalahan bahasa dari sudut semantik. Walau bagaimanapun, dari sudut bahasa puitika, ayat tersebut memberikan keluarbiasaan apabila membaca yang mencetuskan pengalaman estetika bahkan memberikan kesan imej yang mempengaruhi daya efektif pembaca. Kesan imej itu masih ada walaupun setelah selesai membaca. Bunyi bacaan itu terganggu-ngiang di telinga. Itulah keindahan dan keistimewaan bahasa kesusasteraan yang menjadi fokus kajian dalam bidang linguistik dan kesusasteraan.

SENI (DALAM KONTEKS KARYA-KARYA KESUSASTERAAN)

Dari penerangan di atas bahawa bahasa kesusasteraan adalah memberi suatu bentuk gerak belas yang erat kaitannya dengan gerak balas estetika (*aesthetic response*). Bahasa kesusasteraan itu memberi suatu gerak balas estetika kerana kesusasteraan adalah sebahagian daripada hasil seni iaitu seni halus (*fine arts*). Pernyataan ini dijelaskan oleh Kelher, Ashok R. Style and Technique (1987:2) iaitu '*Literature is a species of fine art comparable to the other fine art*' ('Fine art' is being used in the broadest sense).

Dalam konteks yang lebih luas, kesusasteraan tergolong sebagai seni halus (*fine art*) kerana penghasilan sesuatu

hasil sastera cuma untuk keindahannya termasuk memenuhi tuntutan rohaniah iaitu tidak ada kaitan dengan nilai utiliti yang secara total berbeza berbanding seni terapan. Ditinjau berdasarkan kepada bahan-bahan yang dimanipulasikan untuk menghasilkan objek seni ini, kesusasteraan tergolong sebagai *non-plastic arts* kerana bukan dibuat atau dicipta berdasarkan kepada benda-benda konkrit.

Selain karya-karya sastera berdasarkan bukan benda, malahan juga erat kaitannya dengan aspek-aspek seni sesebuah masyarakat. Antara lain, seseorang pengkarya sastera sama ada secara sadar atau tidak sadar, berkecenderungan memperindahkan sesuatu hasil karyanya. Dengan adanya kecenderungan yang sedemikian, sesuatu hasil karyanya mengandungi nilai-nilai estetika iaitu nilai-nilai keindahan. Keindahan itulah yang akan memberikan perasaan kelainan daripada biasa setelah membaca dan memberi suatu bentuk gerak belas estetika (*aesthetic response*).

PETIKAN PUISI YANG DIANALISIS

Bagi memperluaskan lagi pernyataan yang diterangkan sebelumnya yang mengenai bahasa kesusasteraan adalah hasil seni halus, maka penganalisisan puisi yang dipilih untuk mengukuhkan lagi pernyataan di atas adalah puisi yang dihasilkan oleh Dr. Abdullah Jumein, iaitu seorang pensyarah di Universiti Brunei Darussalam. Puisi ini diperolehi dari kuliah beliau iaitu BL 3204. Puisi ini dipilih kerana ada memperlihatkan keindahan (nilai estetika). Di samping itu, pembaca berasa sungguh terpesona dengan puisi tersebut yang telah menggunakan kata-kata dalam bermacam-macam kombinasi yang menampilkan imajinasi, menyampaikan idea-idea dan mencetuskan atau menzahirkan emosi. Malahan, seperti yang dinyatakan di atas, puisi ini adalah satu seni halus yang menimbulkan gerak balas estetika setelah membaca dan dihayati. Puisi yang dimaksudkan ialah puisi nama mana nantinya.

NAMA MANA NANTINYA

Nama mana nantinya
menjana jenama sarjana

Tunduk mengangguk Adi Putra
memfirasatkan
pendekar-pendekar muda

Ikut jejak Tuah yang gigih, gagah dan
tidak mahu bermegah

Bergurulah pula dari Persanta Nala dan
kekandanya

Pustaka-pustaka dibuka, dibaca dan
dipusaka
tanjung selesai ditit, gunung sudah di
daki dan lautan diharungi

Di sinilah nanti mahaguru baru tidak
kikir menjana fikir

Pesilat di gelanggang akademik yang
dinamik dan bukan gimik

Nostalgiannya kembali lagi ke hari ini

Arena persilatan bermula di UBD

Nantinya	Nantinya!
Mana	mana
Nama.Nama	

KEISTIMEWAAN PUISI INI DARI SUDUT LINGUISTIK DAN KESUSASTERAAN

Puisi tersebut juga ada mempunyai unsur-unsur keindahan yang merupakan nadi bahasa puitis yang berbeza dengan penggunaan bahasa sehari-hari. Pengarang telah menjadikan puisi itu ada keluarbiasaan yang membawa ke arah keistimewaan dan kelainan dari bahasa yang biasa. Malahan, dari segi penggunaan bahasa yang dikarang adalah tidak mengikut urutan tababasa yang betul tetapi secara dalam bahasa puitika atau penyimpangan dalam bahasa puitika yang tidak menyebabkan berlakunya kesalahan bahasa (*language error*) kerana pengarang menyengajakan bagi tujuan mewujudkan sifat luar biasa (*unusual*). Misalnya, Ikut jejak Tuah yang gigih, gagah dan tidak mahu bermegah dalam baris keempat adalah merupakan ayat yang salah jika ayat tersebut dilihat dalam konteks penggunaan bahasa sehari-hari khususnya dalam situasi formal. Perkataan *Ikut* dianggap mengalami omisi morfem terikat *me-*. Tetapi dalam konteks bahasa puitika, perkataan tersebut tidak menjadi kesalahan kerana disengajakan untuk tujuan estetika. Malahan, dari contoh estetika.

Selain itu, pengarang antara lain telah merealisasikan *a game of imagination* terhadap pembaca yang menunjukkan pengarang ingin pembaca berfikir dan menjadi seorang pemikir yang baik yang menggoncang imajinasi pembaca, mendorong fikiran pembaca, menggerakkan hati pembaca yang menimbulkan kesenangan dan hiburan kepada pembaca. Misalnya dari puisi *Nama mana nantinya* ada menimbulkan bentuk 'v' di akhir puisi tersebut. Bentuk puisi tersebut telah memberikan kesan yang sangat mendalam melalui penglihatan mata pembaca. Pembaca mencuba memikirkan dan merenung kesemua puisi dengan mengetahui bahawa bentuk 'v' itu adalah bermaksud 'victory' iaitu kemenangan. Di sini memperlihatkan bahawa puisi tersebut mendorong pembaca berfikir yang menimbulkan *a game of imagination* di antara pengarang dengan pembaca.

Selalunya, pengarang mencipta puisi berdasarkan pengalaman yang bersangkut-paut dengan semangat manusia, maka pembaca secara langsung lebih sedar akan dirinya sendiri dan dunianya untuk mengamati, mengagumi atau memikirkan sesuatu atau dengan singkat kata dapat dikatakan menjadikan seseorang menjadi lebih lengkap sebagai manusia. Dari keseluruhan puisi tersebut ternyata bahawa pengarang telah menyedarkan pembaca supaya merenung dunia pembaca agar menjadi seorang sarjana yang berjaya dan bukan hanya pada nama tetapi kaya ilmu di dada. Ini menunjukkan, pengarang telah berjaya mencetuskan puisinya yang memberikan pembaca perasaan kelainan iaitu *aesthetic experience*. Malahan telah memberi suatu bentuk gerak belas yang erat kaitannya dengan gerak belas estetika (*aesthetic response*). Bahkan memberikan kesan imej yang mempengaruhi daya efektif pembaca.

Selain itu, puisi tersebut juga menimbulkan suatu fikiran, perasaan yang menolong pembaca melihat lebih hidup puisi tersebut dan malahan berfikir lebih dalam dan merasa lebih intensif. Begitu juga, puisi tersebut telah membawa pembaca kepada berbagai-bagai imajinasi seperti 'imajinasi Visuli' iaitu imajinasi yang menyebabkan pembaca seperti melihat sendiri apa yang dikemukakan atau diceritakan oleh pengarang. Selain itu menimbulkan 'imajinasi Auditori' iaitu imajinasi yang menyebabkan pembaca seperti mendengar sendiri apa yang dikemukakan pengarang. Suara dan bunyi yang digunakan tepat sekali untuk melukiskan hal yang dikemukakan. Bahkan ada juga menimbulkan 'imajinasi Artikulatori' iaitu imajinasi yang menyebabkan pembaca mendengarkan bunyi-bunyi dengan artikulasi-artikulasi tertentu pada bahagian-bahagian mulut. Waktu pembaca membaca puisi itu seakan-akan pembaca melihat gerakan-gerakan mulut membunyikannya sehingga bahagian-bahagian mulut pembaca dengan sendirinya mengikutinya.

Malahan, puisi tersebut ada menimbulkan 'imajinasi Gustatory' iaitu imajinasi pencicipan. Dengan membaca atau mendengar kata-kata atau kalimat-kalimat tertentu, pembaca seperti mencicipi sesuatu benda yang menimbulkan rasa manis dan lain-lain. Kemudian pembaca merasakan ada 'imajinasi Tactual' iaitu imajinasi rasa kulit yang menyebabkan pembaca seperti merasakan di bahagian kulit badan pembaca rasa ngeri, rasa dingin oleh perubahan suhu badan setelah membaca puisi tersebut. Begitu juga pembaca merasakan 'imajinasi Kinestetik' iaitu imajinasi gerakan tubuh atau otot yang menyebabkan pembaca merasakan atau melihat gerakan badan atau gerakan otot-otot tubuh. Itulah yang menjadi keistimewaan dan keindahan puisi *Nama mana nantinya* yang memberikan pembaca gerak balas estetika.

Selain itu, bahasa kesusasteraan ialah bahasa yang ada kaitannya dengan gaya atau cara yang menyelitikan pemanipulasian bunyi-bunyi bahasa dalam bentuk yang indah sebagai egen yang turut berperanan meningkatkan gerak balas estetika pembaca. Gaya atau cara yang dimaksudkan ini antara lain merangkumi elemen bahasa yang dilabelkan sebagai 'figure of speech'. Unsur-unsur

figures of speech itu ialah rima, aliterasi, asonansi, diksi dan sebagainya.

RIMA

Puisi *Nama mana nantinya* juga telah menggunakan satu gaya bahasa yang merujuk kepada perulangan bunyi yang begitu jelas yang menyebabkan puisi tersebut apabila dibaca akan mengeluarkan bunyi yang memberikan kesenangan kepada pembaca sehingga ada menimbulkan melodi apabila membaca puisi tersebut. Misalnya, dalam baris ketiga, *Ikut jejak Tuah yang gigih, gagah dan tidak mahu bermegah*. Ayat tersebut ada berunsur rima yang menekankan persamaan bunyi yang berulang-ulang yang pembaca menemukan pada akhir perkataan *gigih, gagah dan tidak mahu bermegah* iaitu pengulangan bunyi *gih, gah, gah*. Apabila perkataan itu disebut, memberikan bunyi melodi yang berunsur keindahan sehingga menyentuh diri pembaca kepada pengalaman estetika.

Contoh yang lain yang terdapat unsur rima dalam puisi tersebut ialah dalam baris keenam, *Pustaka-pustaka dibuka, dibaca dan Dipusaka*. Ayat tersebut ada menimbulkan bunyi vokal depan luas / rendah [a]. Bunyi yang dikeluarkan apabila membaca ayat tersebut adalah bunyi vokal depan luas / rendah [a] di akhir perkataan ayat tersebut. Bunyi tersebut memberikan satu bunyi bacaan *echo* di telinga setelah selesai membaca ayat tersebut. Itulah keistimewaan puisi tersebut.

ASONANSI

Bahkan gaya bahasa yang memberikan keistimewaan pada puisi tersebut adalah kerana adanya pengulangan bunyi vokal secara berderetan iaitu yang dipanggil sebagai asonansi. Misalnya, *Nama mana nantinya, Menjana jenama sarjana*. Ayat berkenaan adalah terdapat pengulangan bunyi vokal depan luas / rendah [a]. Puisi berkenaan menunjukkan mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu iaitu kelainan-kelainan gaya bahasa yang digunakan.

DIKSI

Tambahan, puisi tersebut juga ada menyentuh tentang pemilihan perkataan yang dapat menimbulkan sesuatu gambaran keadaan dan suasana. Inilah yang menimbulkan kepesonaan pembaca terhadap puisi ini. Misalnya, *Tanjung selesai ditit, gunung sudah di kaki dan lautan diharungi* iaitu dalam baris ketujuh yang menyatakan gambaran orang yang berada dalam dugaan mengharungi rintangan sehingga mencapai mendaki gunung dan lautan. Ayat tersebut telah membawa pembaca terbayang-bayang dan melahirkan perasaan, kehendak serta fikiran dengan berbagai-bagai gaya dan cara.

KESIMPULAN

Bahasa kesusasteraan adalah bahasa yang menimbulkan banyak kesan terhadap pembaca sama ada kesan pengalaman estetika, kesan keluarbiasaan, kesan imajinasi dan sebagainya. Dalam erti kata yang lain, bahasa kesusasteraan telah memberikan satu gaya bahasa yang berlainan dengan bahasa sehari-hari yang menimbulkan keistimewaan yang tertentu malahan memberikan gerak balas estetika terhadap bahasa kesusasteraan tersebut.

BIBLIOGRAFI

- A. Kamis Haji Tuah, 1994. 'Puisi-puisi Pilihan Shafie Abu Bakar : Satu Kajian Stilistik', dlm. *Bahana*, Disember, hlm. 37 - 44.
- B.P. Situmorang, 1983. *Puisi Teori Apresiasi Bentuk dan Struktur*. Jakarta : Oenerbit Nusa Indah.
- Keris Mas, 1988. *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Selangor : Perindustrian PKNS Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, 1988. 'Kajian Stilistik dan Penganalisisannya', dlm. *Dewan Bahasa*, Jun hlm. 409 - 417.
- Rahman Shaari, 1983. 'Aspek Bahasa Dalam Penciptaan Puisi', dlm. *Dewan Bahasa*, Ogos, hlm. 516 - 520.
- Raminah Haji Sabran dan Rhaime Syam, 1984. *Kajian Bahasa*. Kuala Lumpur : Jiwabaru Sdn. Bhd.
- Umar Junus, 1970. *Perkembangan Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
1981. 'Strategi Untuk Suatu Penyelidikan Stilistika', dlm. *Dewan Bahasa* April, hlm. 43 - 63.
1989. *Stilistik Satu Pengantar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Tidak lama lagi kita akan memasuki bulan Zulhijah, di mana dalam bulan ini ramai umat Islam dan termasuklah saudara-saudara kita yang berada di Tanah Suci akan melaksanakan Rukun Islam Kelima iaitu menyempurnakan ibadah haji. Pada bulan tersebut juga kita akan merayakan Aidiladha atau lebih dikenali dengan Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban, di mana kita semua umat Islam disunatkan mengerjakan ibadah korban dengan menyembelih binatang korban sebagai tanda syukur dan bagi membesarkan hari tersebut. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Kautsar ayat 2 tafsirnya:

"Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada hamba-hamba-Nya. Dan Allah Subhanahu Wata'ala juga telah memberikan banyak jalan yang boleh mendekatkan diri kita kepada-Nya dan salah satu di antaranya ialah dengan melakukan ibadah korban.

Sebenarnya ibadah korban ini memperingatkan kita tentang sejarah agung atau peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih putera baginda Nabi Ismail Alaihissalam. Ia merupakan suatu pengorbanan yang benar-benar menguji keimanan dan kesabaran mereka berdua. Perintah yang amat berat itu telah dilaksanakan di atas dasar iman dan taqwa yang dilakukan tanpa ragu-ragu atau was-was walaupun cuba dipengaruhi oleh iblis laknatullah. Atas dasar ketaatan dan ketulusan kedua anak-beranak tersebut, maka Allah Subhanahu Wata'ala akhirnya telah memerintahkan agar Nabi Ismail Alaihissalam itu digantikan dengan seekor kibasy.

Menyembelih binatang korban merupakan amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan juga Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda sangat menggalakkan sahabat-sahabat Baginda melakukan ibadah korban kerana ibadah ini mempunyai banyak hikmah dan kelebihan. Di antara hikmah dan kelebihan itu ialah orang yang berkorban akan mendapat pengampunan atas dosa-dosa yang telah dilakukan, akan mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan juga akan dapat menambah amal kebajikan, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:


"Berkata Abu Isa : Dan diriwayatkan dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda : Korban itu bagi tuannya dengan setiap bulu dari binatang korbannya adalah kebajikan." (Riwayat Al-Imam At-Termidzi).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi sebagaimana yang diriwayatkan dari Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha maksudnya:

"Tiada dibuat oleh anak Adam akan sesuatu amal pada Hari Raya Aidiladha yang lebih disukai oleh Allah dari menumpahkan darah (menyembelih korban). Bahawa korban itu datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya. Sesungguhnya darah korban itu mengambil tempat yang mulia di sisi Allah sebelum darah itu tumpah ke bumi, maka hendaklah kamu buat korban itu dengan hati yang bersih." (Riwayat Al-Imam At-Termidzi).

Ketahuilah bahawa amalan berkorban adalah juga sebagai tanda syukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat dan kesenangan hidup yang telah dikurniakan-Nya. Kerana itu bagi orang yang mempunyai kelebihan rezeki dan mampu untuk melaksanakan ibadah korban, maka laksanakanlah ibadah korban. Sesungguhnya ibadah korban merupakan pelaburan di dunia dan hasil keuntungannya akan diperolehi di akhirat kelak. Sebenarnya nilai yang kita belanjakan untuk melaksanakan ibadah korban itu tidaklah sebanding dengan ganjaran

Ibadat korban banyak hikmah dan kelebihan



HIKMAH dan kelebihan ibadah korban juga ialah dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama kita, dapat mendidik jiwa dan hati kita untuk bersikap pemedulian dan prihatin, suka membantu dan bekerjasama dan seterusnya dapat melatih diri untuk gemar dan suka bersedekah. Sikap inilah yang sebenarnya akan dapat membentuk sebuah masyarakat yang harmoni kerana dari pemberian daging korban itu sudah tentu ia kan menggembirakan hati orang yang menerimanya, sama ada ia berupa hadiah bagi golongan yang kaya ataupun ia berupa sedekah bagi golongan fakir dan miskin. Tidakkah kita merasa senang apabila melihat golongan yang susah itu turut sama bergembira dalam meraikan Hari Raya Korban itu nanti? Inilah kelebihan berkorban, rezeki yang ada itu kita kongsikan bersama-sama.

Raya Aidiladha, terdapat pihak-pihak sama ada persendirian, sektor awam dan sektor swasta awal-awal lagi telah berusaha menarik minat orang ramai untuk melakukan ibadah korban, contohnya dengan mengedarkan borang-borang kepada orang ramai dan para pekerja dengan tujuan untuk mengumpul, memudahkan dan memberi peluang kepada orang-orang yang hendak melakukan ibadah korban. Dari itu tidak hairanlah kita mendapati banyak ibadah korban telah diadakan di sana sini seperti di masjid-masjid, di sektor-sektor awam dan swasta dan tidak kurang juga yang mengadakan ibadah korban secara persendirian di rumah masing-masing.

Dengan adanya amalan ibadah korban sedemikian, jelas membuktikan wujudnya suasana kerjasama dan bantu-membantu di antara semua pihak. Di samping kita mengharapkan ibadah korban kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka dalam keghairahan kita melakukan amalan berkorban itu, perlu juga diingat supaya anggota-anggota yang tidak berguna dan tidak diperlukan seperti tulang, perut dan sebagainya hendaklah disempurnakan dengan cara menanamnya. Jika terdapat sisa-sisa dan darah binatang korban yang masih ada di tempat majlis korban yang diadakan itu hendaklah ia diserahkan bagi mengelakkan bau busuk dan didatangi oleh binatang-binatang.

Perlu diingat dalam kita melaksanakan ibadah korban, apa yang paling penting ia dilaksanakan dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala, kerana ia adalah merupakan ibadah yang disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sama-samalah kita berdoa semoga ibadah korban yang kita lakukan dengan ikhlas itu akan diterima dan mendapat ganjaran pahala yang besar dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal'alam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj ayat 37 tafsirnya:

"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah. Tetapi yang sampai kepadanya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu memberkahi Allah kerana mendapat nikmat pertunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira dengan balasan yang sebaik-baiknya kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya."

yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Hikmah dan kelebihan ibadah korban juga ialah dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama kita, dapat mendidik jiwa dan hati kita untuk bersikap pemedulian dan prihatin, suka membantu dan bekerjasama dan seterusnya dapat melatih diri untuk gemar dan suka bersedekah. Sikap inilah yang sebenarnya akan dapat membentuk sebuah masyarakat yang harmoni kerana dari pemberian daging korban itu sudah tentu ia kan menggembirakan hati

orang yang menerimanya, sama ada ia berupa hadiah bagi golongan yang kaya ataupun ia berupa sedekah bagi golongan fakir dan miskin. Tidakkah kita merasa senang apabila melihat golongan yang susah itu turut sama bergembira dalam meraikan Hari Raya Korban itu nanti? Inilah kelebihan berkorban, rezeki yang ada itu kita kongsikan bersama-sama.

Alhamdulillah, ramai di antara kita di Negara Brunei Darussalam telah sedar dan peka akan kelebihan ibadah korban, di mana setiap kali sebelum kedatangan Hari

وقت سمبهيغ، امساک، شوروق دار ضحی

وقت ۲ سمبهيغ، امساک، شوروق دار ضحی باگی دائره بروني دان موارا مولای دري هاري رابو، 2 ذوالحجه، 1428 برسامان دغن 12 دسيمبر، 2007 هيگ کهارى ثلاث، 8 ذوالحجه، 1428 برسامان دغن 18 دسيمبر، 2007 اداله سمرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
ذوالحجه									دسيمبر
2	12.15	3.37	6.09	7.24	4.45	4.55	6.18	6.43	12
3	12.16	3.37	6.09	7.25	4.45	4.56	6.18	6.43	13
4	12.16	3.38	6.10	7.25	4.46	4.56	6.19	6.44	14
5	12.17	3.38	6.11	7.26	4.47	4.57	6.19	6.44	15
6	12.17	3.39	6.11	7.26	4.47	4.57	6.20	6.45	16
7	12.18	3.39	6.12	7.26	4.48	4.58	6.20	6.45	17
8	12.18	3.40	6.12	7.27	4.48	4.58	6.21	6.46	18

وقت ۲ سمبهيغ باگی دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيغ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني دارالسلام دمولای دري فوکل 12.45 تڠهاري.

ISTILAH TAYAMMUM: Jangan Keliru

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SAMAK ATAU DIBAGH

SEBAGAIMANA penjelasan di atas, menyamak dalam bahasa Melayu bukan sahaja merujuk kepada cara menyucikan benda atau tempat yang terkena najis *mughallazah*. Menyamak juga merujuk kepada cara membersihkan dan menyucikan kulit binatang. Maka amali ini dalam istilah syarak disebut *dibagh*.

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN DIBAGH?

Dibagh menurut istilah syara' ialah menghilangkan bau busuk dan lembapan daripada kulit binatang dengan menggunakan bahan-bahan tertentu.

DALIL-DALIL PENSYARIATAN DIBAGH

Kulit binatang selain binatang anjing dan khinzir dengan disamak, sebagaimana dijelaskan boleh menjadi suci melalui petunjuk daripada hadis-hadis berikut:

1. Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma meriwayatkan katanya yang maksudnya:

"Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Apabila kulit disamak, maka ia menjadi suci.'" (Hadis riwayat Muslim).

Dalam riwayat lain Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Apa jua kulit binatang yang disamak, ia menjadi suci." (Hadis riwayat An-Nasa'i).

2. Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma juga meriwayatkan yang maksudnya:

"Hamba sahaya milik Maimunah diberi sedekah seekor kambing, lalu kambing itu mati. (Tidak berapa lama) Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjalan melintasi bangkai kambing itu, Baginda bersabda: 'Mengapa tidak kamu ambil kulitnya, kemudian kamu samak supaya kamu dapat memanfaatkannya.'" (Hadis riwayat Muslim).

Mereka berkata: "Sesungguhnya ia sudah menjadi bangkai."

Baginda bersabda: "Sesungguhnya yang haram itu hanyalah memakannya." (Hadis riwayat Muslim).

CARA MENYAMAK KULIT BINATANG

Ulama Mazhab Syafi'e mengharuskan semua kulit disamak sama ada kulit binatang yang boleh dimakan atau sebaliknya kecuali kulit anjing dan babi. Begitu juga kulit manusia ia tidak boleh disamak, bahkan haram menyamaknya dan menggunakannya kerana atas dasar kemuliaan dan kehormatannya yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya:

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam." (Surah Al-Israa': 70).

Cara membersihkan kulit yang diambil daripada bangkai binatang selain kulit anjing dan babi adalah dengan menyamakannya, iaitu menghilangkan segala lendir dan lembapan yang melekat pada kulit yang mana jika dibiarkan akan merosakkan kulit tersebut.

Menurut Al-Khatib Asy-Syarbini Rahimahullah menyamak atau *men'dibagh* (kulit binatang) ialah dengan menghilangkan kotoran-kotorannya yang berupa cairan dan lembapan yang masih melekat dan yang terdapat pada kulit binatang, kerana jika tidak dibersihkan atau dibuang ia akan menyebabkan kulit tersebut busuk dan rosak. Kulit yang disamak itu dikatakan suci jika ia direndam semula ke dalam air, ia tidak akan berbau busuk semula dan rosak.

Bahan yang digunakan ialah sesuatu

yang rasanya kelat atau kesat di lidah, jika terkena lidah ia akan terasa sangat pedih kerana rasanya yang kelat atau kesat itu seperti daun akasia (*qarazh*), manjakani (*'asfh*), kulit delima (*qusyur ar-rumman*), tawas (*asy-syabb*) dan seumpamanya.

Tidak semestinya bahan yang digunakan itu terdiri daripada benda-benda yang suci, malahan tidak mengapa (harus) menurut hukum syarak jika bahan yang digunakan untuk menyamak itu terdiri daripada benda yang najis seperti tahi burung merpati. Apa yang penting, bahan yang digunakan itu dapat mengeringkan kelembapan kulit dan menghilangkan kotoran dan baunya yang busuk.

Semua kotoran dan najis yang ada pada kulit mestilah dihilangkan. Sesuatu yang ada di atas kulit bangkai seperti bulu tidak akan menjadi suci sekalipun ia disamak. Oleh itu, bulu tersebut hendaklah dicabut atau dihilangkan daripada kulit tersebut. Walau bagaimanapun jika bulu itu ada tertinggal sedikit dan susah hendak menghilangkan keseluruhannya, maka ia adalah dimaafkan.

Maka tidak memadai menyamak itu dengan hanya menjemur kulit binatang itu di bawah panas terik cahaya matahari, melumurnya dengan tanah, membekukan dan memasinkannya, kerana cara-cara tersebut tidak mampu membuang segala kotoran yang ada pada kulit, sekalipun kulit itu kering dan harum baunya. Tanda yang menunjukkan bahawa kotoran itu tidak hilang ialah jika kulit itu direndam atau terjatuh ke dalam air, pasti bau busuk akan kembali semula.

PERLUKAH DIBASUH DENGAN AIR SETELAH DISAMAK?

Menurut pendapat yang *ashah* dalam



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 271 Bahagian Akhir

Mazhab Syafi'e, tidak disyaratkan membasuh dengan air ketika kulit sedang disamak berdasarkan hadis riwayat Muslim di atas yang bermaksud: "Apabila kulit binatang disamak, ia menjadi suci."

Walaupun bagaimanapun, wajib membasuhnya dengan air selepas disamak. Tujuannya ialah supaya kotoran selepas disamak itu akan hilang, sebagaimana pendapat yang *ashah* dalam Mazhab Syafi'e.

Sebagai kesimpulan, kita hendaklah menggunakan istilah-istilah syarak dengan tepat kerana istilah-istilah yang digunakan dalam syarak mengandungi makna, pengertian dan hukum yang tersendiri.

Dengan penjelasan mengenai istilah tayammum ini dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, maka kesilapan orang awam dalam mengguna pakai istilah-istilah seumpama ini dapat mengelak daripada kekeliruan hukum-hukum yang terdapat di dalamnya.

WALLAHU'ALAM

HARI Raya Aidiladha juga disebut Hari Raya Haji atau Korban merupakan hari perayaan terbesar di dalam Islam selain Hari Raya Aidilfitri yang disambut pada setiap 1 Syawal. Hari Raya Aidiladha ini jatuh pada hari kesepuluh pada bulan Zulhijah iaitu bulan terakhir dalam taqvim Hijrah Islam. 10 Zulhijah merupakan tarikh penting dalam sejarah Islam, di mana Nabi Adam Alaihissalam dan isteri baginda Hawa dikeluarkan dari syurga dan diturunkan ke bumi sebelum berjumpa di Padang Arafah.

Selain daripada itu, hari tersebut juga adalah di antara hari-hari yang mulia dan mempunyai kelebihan bagi kaum Muslimin dan Muslimat terutama bagi para jemaah haji, hari yang di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah memuliakannya. Di hari ini para jemaah haji (tetamu Allah) berhimpun di bumi Mina untuk menyempurnakan Manaasik Al-Haji. Mereka bersatu dan berpadu di atas nama hamba Allah di muka bumi ini berdasarkan kalimah tauhid.

Perlaksanaan amalan dan ibadat-ibadat di dalam haji itu adalah meletakkan manusia itu di sisi Allah dan hukum-Nya adalah sama tidak ada perbezaan di antara yang kaya dan miskin, berpangkat ataupun tidak, pemimpin dan rakyat semuanya tertakluk kepada undang-undang peraturan dan hukum Allah kerana nilai kemuliaan dan ketinggian di sisi Allah itu ialah takwa dan amal soleh.

Sesungguhnya Hari Raya Aidiladha ini mengingatkan kita umat Islam kepada sejarah pengorbanan yang paling besar dan tinggi sekali nilainya yang pernah berlaku di

Kelebihan ibadat korban



alam dunia ini, iaitu pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dengan menyembelih anak baginda Nabi Ismail Alaihissalam demi semata-mata menunjukkan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyentuh tentang pengorbanan ini, kita perlu mengambil perhatian dan ingatan bahawa segala pengorbanan dan amal bakti perkhidmatan yang telah kita lakukan serta yang akan dilakukan tidak mendatangkan apa-apa faedah dan manfaat sekiranya tidak disertakan dengan niat dan amal yang ikhlas kepada Allah Ta'ala semata-mata.

Pada Hari Raya Aidiladha adalah di antara hari yang sangat-sangat dituntut kita menghubungkan tali silaturahmi, merapatkan hubungan persahabatan dan menjalin perasaan kasih mesra. Di samping itu, kita juga dianjurkan untuk bermaaf-maafan di antara yang

bersengketa, bersama-sama melupakan perselisihan yang telah lalu, ziarah-menziarahi di antara keluarga dan jiran tetangga, berkunjung ke rumah ibu bapa dan sanak saudara, tolong-menolong dan bantu-membantu kepada fakir miskin, orang-orang susah serta anak-anak yatim.

Dalam kegembiraan menyambut hari yang mulia ini adalah disunatkan bagi umat Islam yang berkemampuan melakukan ibadat korban sebagai tanda syukur dan cinta terhadap Allah Subhanahu Wata'ala kerana agama Islam telah mensyariatkan ibadat korban itu sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah. Ibadat korban tersebut dilakukan pada Hari Raya Aidiladha atau pada hari-hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah. Menurut Mazhab Al-Imam Asy-Syafi'e, hukum ibadat korban ialah sunat muakkadah dan haiwan yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri daripada unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri dengan syarat binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah selamat daripada aib yakni kecacatan mengikut

hukum syarak.

Ada banyak hadis yang menyebut keutamaan ibadat korban, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termidzi daripada 'Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Tiada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah daripada menumpahkan darah (ibadat korban). Bahawasanya ia (haiwan yang dikorbankan itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya dan bahawasanya darah (korban itu) mendapat tempat yang mulia di sisi Allah sebelum darah itu tumpah ke bumi. Oleh itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih."

Oleh yang demikian marilah kita sama-sama berdoa semoga setiap amal kebajikan yang kita lakukan termasuk amalan korban akan diterima dan mendapat ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Jangan suka mereka-reka cerita

FITNAH didefinisikan sebagai tuduhan khabar, kisah yang dikhabarkan atau dibuat-buat semata-mata untuk memburukkan atau menghancurkan seseorang sama ada dilakukan melalui tulisan, gerak-geri dan sebagainya. Fitnah juga dikaitkan sebagai pembawa mulut atau penagadu domba.

Agama Islam mengajarkan kita agar menjauhi daripada sifat yang suka membuat fitnah kerana ia boleh meruntuhkan silaturrahim sesama manusia. Sebagai seorang Muslim kita disarankan untuk tidak menabur fitnah kerana sikap demikian itu hanya dimiliki oleh orang-orang yang tidak beriman dan termasuk dalam perkara-perkara dosa yang besar. Diriwayatkan daripada Khuzafah Radiallahuanhu, beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bermaksud, "Tidak masuk syurga orang yang suka memfitnah (mengadu domba)." (Hadis Riwayat Imam Muslim). Sesungguhnya lidah itu merupakan nikmat yang amat berharga kerana itu hendaklah dijaga dengan sebaiknya jangan disalahgunakan seperti menabur fitnah.

Fitnah boleh memberi-

kan kesan yang buruk yang menyebabkan kita bermusuhan-musuhan dalam keluarga, rakan sepejabat dan jiran sekampung yang akhirnya mengakibatkan perpecahan dan huru-hara.

Dalam era kemajuan sains dan teknologi ini, manusia bukan sahaja menyebarkan fitnah menggunakan lisan, tetapi juga melalui saluran teknologi maklumat iaitu media cetak dan media elektronik. Tegasnya dalam apa keadaan sekalipun, janganlah kita suka mereka-reka cerita yang tidak benar.

Memang tidak dapat dinafikan dalam kehidupan bermasyarakat, berkeuarga, berjiran dan sebagainya bahawa kita tidak dapat mengelak daripada mendengar bermacam-macam cerita yang kadang kala kita tidak tahu akan kesahihan cerita itu. Di sini, kita seharusnya berperanan untuk menilai cerita itu dan memelihara diri kita agar berupaya menjauhi dan menolak fitnah tersebut yang semata-mata cuba memburukkan orang lain. Tiada ada kebaikan yang kita peroleh dari menerima fitnah sedemikian hanya akan memusnahkan diri sendiri.

Selain itu, fitnah dila-

rang keras oleh agama Islam malahan pihak pemerintah juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan undang-undang lebih-lebih lagi jika fitnah itu menggugat kestabilan, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, agama dan negara.

Maka adalah kewajipan kita untuk menegur dan menasihati orang-orang yang membawa fitnah atau menabur fitnah dari terus melakukan perbuatan terukutuk ini. Didiklah diri dan keluarga kita untuk berlandaskan Al-Qur'an dan Al-Hadis untuk menjadi insan yang mulia terpelihara daripada kemungkaran dan dosa-dosa besar.

Semoga dengan amalan keimanan yang tinggi kita dapat menikmati kehidupan yang berkat, aman lagi tenteram dan sentiasa mendapat hidayah dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Dk. Parima binti Pg. Haji Maslon,
No. A1, Wisma Wee Apartment, Kampong Teraja Jalan Berita, Bandar Seri Begawan, BS 8611.
No. k/p : 250559.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Rancang Perbelanjaan Persekolahan Tahun 2008 Lebih Awal'. Tarikh tutup 19 Disember 2007.
2. 'Melancong Dalam Negara Sendiri Tingkatkan Ekonomi dan Kuasa Beli'. Tarikh tutup 26 Disember 2007.
3. 'Masalah Remaja Bedudun Di Rumah'. Tarikh tutup 2 Januari 2008.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn,
e-mel: pelita@brunet.bn

MINDA Pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Jauhi Dari Menabur Fitnah'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Fitnah merosak hubungan sesama insan

TAHUKAH awda apakah yang dimaksudkan dengan fitnah? Pada pendapat saya, ianya berkaitan dengan satu berita atau cerita dari seseorang yang iri hati dan busuk hati melihat kelebihan orang lain yang mana cerita atau berita itu adalah palsu semata-mata dan ianya mempunyai tujuan yang jahat serta busuk lagi membusukkan. Ia dilakukan sama ada untuk menjatuhkan maruah individu atau memburukkan imej seseorang organisasi ataupun sesebuah negeri mahupun negara seterusnya bangsa dan agama.

Di sini dapatlah dirumuskan bahawa orang-orang yang mempunyai kepentingan tersirat sahaja yang cuba menabur fitnah untuk menutupi kelemahan diri sendiri. Mereka ini akan melakukan apa saja untuk menjatuhkan maruah mangsanya.

Penaburan fitnah bukan saja boleh memporak-perandakan hubungan sesama insan dan merenggangkan silaturrahim malah akhirnya ia boleh memberi kesan yang negatif kepada orang yang menabur fitnah itu sendiri. Misalkan kata, orang yang telah menabur

fitnah itu sudah terbongkar identitinya dan dikenali orang ramai. Sudah pasti orang tidak suka berhubung dengannya dan dipandang serong oleh masyarakat. Tidak mustahil juga ada yang membenci. Bukankah ini suatu perkara yang merugikan kepada si penabur fitnah? Bak kata peribahasa 'Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna'.

Saya pasti sebagai seorang Muslim, awda tahu bahawa fitnah merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar yang mana sangat dimurkai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu sikap yang suka menabur fitnah hendaklah dikikis dan dijauhi dari diri seseorang individu itu sendiri. Bukankah awda tahu ia adalah suatu perkara yang tidak baik sama sekali dan dalam Islam juga menegaskan agar kita menjauhi dan menghindari diri dari menabur fitnah.

Nurfadilah binti Fauzi
No. 75 'T' Kampong Lurong Dalam, Bandar Seri Begawan, BM 1326.
No. k/p : 01-051830.

Sikap suka menabur fitnah virus berbahaya

SIKAP suka menabur fitnah adalah lumrah bagi manusia biasa yang tidak mempunyai keteguhan dan kekuatan iman. Sikap ini telah didorong oleh sifat mazmumah yang ada dalam diri individu itu sendiri. Sikap individu yang seperti ini bukan sahaja didapati pada masyarakat pada masa ini malahan sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dahulu lagi bilamana isteri Baginda iaitu Ummul Mu'minin 'Aisyah Radiallahuanhu pernah difitnah berzina dengan salah seorang tentera Muslim yang baik bernama Safwan bin Mu'attal. Berita ini telah disampaikan oleh orang-orang munafik sehingga orang mukmin ikut percaya. Sikap percaya orang-orang mukmin amat mengecewakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Daripada kenyataan itu jelaslah bahawa sikap suka menabur fitnah merupakan satu virus yang alamiah dalam diri manusia itu sendiri dan sikap

ini mestilah dijauhi oleh setiap masyarakat di dunia ini kerana perbuatan seperti ini adalah satu perbuatan yang keji dan mengundang dosa di akhirat dan kerugian di dunia.

Perbuatan suka menabur fitnah akan menjadikan masyarakat kucar-kacir, memporak-perandakan rumah tangga, keluarga dan seterusnya mencerminkan sebuah masyarakat yang jahil. Perbuatan itu juga akan menyebabkan orang yang difitnah merasa malu dan lebih-lebih lagi jika orang yang mendengar berita itu bersifat jahil dengan mempercayai berita tersebut tanpa mengikut lunas-lunas sebagai seorang Muslim di mana pembawa berita tidak dapat membawa empat orang saksi yang terdiri daripada orang Muslim untuk mensahkan berita tersebut.

Institusi masyarakat akan lemah mana tidaknya jika perasaan hasad dengki semakin berle-

luasa dan sikap terlalu mudah percaya akan khabar angin semakin menular di setiap masyarakat yang akan menyebabkan ketidaksefahaman lagi di kalangan rakyat dan akhirnya akan mencetuskan peperangan.

Oleh itu, wajarlah setiap masyarakat menjauhi daripada sikap menabur fitnah kerana perbuatan ini boleh merosakkan kehormatan peribadi orang lain mahupun diri sendiri. Bukan itu sahaja, perbuatan ini akan merugikan negara dan bangsa.

Setiap diri masyarakat hendaklah sentiasa insaf dan takut kepada ancaman-ancaman yang bakal diterima di dunia mahupun di akhirat. Di dunia, orang yang seperti ini akan dipulaukan oleh sahabat, keluarga dan masyarakat kerana masyarakat tidak akan mempercayai segala kata-katanya lagi. Di akhirat pula, orang yang suka

menabur fitnah ketika hidupnya di dunia akan masuk neraka seperti yang dinyatakan oleh hadis ini:

"Dari Huzafah dia berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Tidak akan masuk syurga bagi orang yang membuat fitnah.' (Bukhari dan Muslim).

Maka, nyatalah bahawa betapa besarnya dosa mereka yang suka menabur fitnah dan dengan itu wajarlah kenapa kita mesti menjauhi diri daripada fitnah serta bertaubatlah mereka yang suka menabur fitnah, memohon maaf kepada orang yang telah dizaliminya jika sekiranya mereka ingin terlepas daripada dosa dan masuk syurga.

Fandi anak Uding,
No. 435 'F' Kampong Semabat Temburong,
No. k/p : 00-297736.

Jaga perbualan semasa bersembang

FITNAH adalah suatu perbuatan yang amat dilarang oleh Islam. Di dalam Islam juga ada menyebut bahawa 'fitnah adalah lebih kejam daripada membunuh'. Ini bermaksud bahawa sekejam-kejam manusia membunuh, kejam lagi mereka yang membuat fitnah. Ini kerana mereka yang suka membuat fitnah itu boleh menyebabkan mangsa yang difitnah akan dipandang tidak baik dan sebagainya.

Di samping itu, doa orang yang teraniaya adalah dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang yang teraniaya ini termaksudlah mereka yang difitnah. Orang yang suka membuat fitnah juga tergolong dengan sahabat syaitan.

Fenomena ini selalu terjadi apabila seorang itu mempunyai sifat hasad dengki atau cemburu. Kadang kala ketika kita sedang bersembang-sembang dengan rakan-rakan, kita juga akan bersembang mengenai kawan-kawan. Tanpa kita sedari, fitnah akan timbul dari perbualan ketika bersembang-sembang dengan rakan-rakan tadi. Ini disebabkan oleh dari cerita yang kita tidak pasti akan diperbualkan sehingga menimbulkan syak wasangka pendengar yang mendengar perbualan kita.

Oleh itu, untuk menghindari dari terjadinya fitnah, janganlah kita mempunyai sifat hasad dengki atau cemburu. Di samping itu, ketika kita bersembang-sembang dengan rakan-rakan, sekiranya kita tidak pasti tentang kebenaran seseorang itu, janganlah suka mengandaikan sesuatu kerana ini boleh

membuatkan orang yang mendengarnya akan percaya dan secara tidak langsung akan terjadilah fitnah.

Selain daripada itu kita hendaklah sentiasa dekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan cara berzikir. Tidak kiralah jika kita berada di tempat kerja. Jika kita sentiasa berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tidak mustahil kita tidak akan sentiasa bersembang tentang perkara-perkara yang tidak berfaedah sehingga boleh menimbulkan fitnah. Nabi juga pernah berpesan kepada umatnya bahawa diam adalah lebih baik daripada bercakap.

Oleh yang demikian, sebagai umat Islam kita hendaklah menjauhi diri dari menabur fitnah terhadap orang lain kerana fitnah adalah perbuatan yang berdosa besar yang sukar diampunkan oleh Allah kerana ia boleh membabitkan kehidupan orang lain.

Julaini binti Haji Mohd. Safar,
No. 20, Simpang 14-6, Jalan 'C',
Kampong Perpindahan Mentiri, BU 2129.
No. k/p : 00-062475.

REMAJA

MENGANGKAT DAYA FIKIR

BEBERAPA minggu saja lagi, kita akan meninggalkan tahun 2007, kita akan melangkah ke tahun 2008, jelasnya tahun yang akan mendatang sudah pasti akan membawa pelbagai perubahan. Keadaan yang akan berlaku seiring dengan perkembangan keadaan di sekeliling kita yang semakin rancak mengorak langkah perubahan. Justeru kita akan melihat perubahan demi perubahan akan sentiasa bergerak dan kita juga akan menyaksikan persaingan di pelbagai bidang sebagai mengangkat kualiti perubahan yang dilakukan. Dalam hubungan ini, kita akan terlibat secara langsung sebagai pemain kepada perubahan sedemikian. Kita tidak boleh tertinggal dengan kerancakan suasana yang akan terus berlaku. Kerana jika ini berlaku kita bukan sahaja akan terpinggir dengan dunia perubahan, malah juga kita akan menjadi anggota yang pasif.

PELANTAR PERUBAHAN

Memandangkan kepada laluan yang akan kita tempuh merupakan pelantar perubahan, maka kita perlu kepada persiapan yang mencukupi. Kita perlu bersedia dengan menambahkan ilmu pengetahuan, di samping memperdalam hingga ke tahap yang membolehkan kita menjadi pesaing yang mempunyai kekuatan. Keupayaan kita untuk berfikir secara lebih konstruktif dan kreatif juga merupakan elemen penting dalam mengangkat keupayaan diri di tengah-tengah pergolakan yang berlaku.

Inilah yang dinamakan perubahan yang menuntut kemahiran, kecekapan dan ketinggian pengetahuan. Kita perlu berusaha gigih dengan mengangkat kekuatan daya fikir kita. Kerana tunjang kepada kemampuan berubah ialah bagaimana kita

OLEH : H. A. MANAP

mengerakkan daya fikir kita ke satu tahap yang boleh membantu kita menjadi pesaing yang hebat dan berupaya tinggi. Persaingan yang dimaksudkan tidak dapat tidak akan menuntut pelbagai keperluan. Namun keperluan yang sudah pasti menjadi hal utama ialah sejauh mana kita mempunyai kualiti diri yang bersendikan ketinggian ilmu pengetahuan. Inilah sepatutnya yang menjadi pengukur kepada kemampuan kita bersaing. Dalam banyak hal pun kita tidak boleh lari dari hakikat bahawa kemahiran diri itu mestilah bertunjangkan kepada ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki. Sebagai anggota masyarakat yang akan lahir sebagai pesaing yang hebat dan mempunyai kualiti yang tinggi, kita akan menjadi penggerak kemajuan dan perubahan sosial.

PENGERAK DAN PELAKSANA PERUBAHAN

Inilah ruang yang membuka jalan di mana setiap kemajuan dan perkembangan semasa, kita tetap menjadi pemain dan juga pelaksananya. Justeru tahun-tahun mendatang yang akan kita lalui, meskipun bentuk dan keadaannya akan lebih merupakan perubahan yang berdaya saing, ini tidak akan menjadi halangan bagi kita untuk turut serta. Kerana persiapan yang akan kita gembungkan ialah kita menjadi penggerak dan pelaksana perubahan sedemikian. Bila ini akan kita tuju, kita perlu merubah matlamat diri dengan lebih menumpukan kepada sikap dan cara kita untuk berdepan dengan perubahan.

Sememangnya perubahan akan lebih menjurus kepada kebendaan semata, namun sebagai hamba Allah yang hidup di

muka bumi kita jangan melupakan kewajiban kita sebagai hamba Allah tentang apa yang patut kita tunaikan. Kerana dengan hanya berbekalkan ilmu, kemahiran dan pengetahuan semata, ia tidak banyak menyumbang kepada perubahan yang lebih berkesan dan bererti. Kerana itu sekuat dan sederas manapun perubahan di hadapan kita, jika kita masih berutupakan iman dan takwa, maka ia akan lebih banyak membantu mencapai kejayaan yang lebih berkesan dan bermakna. Kerana itu jangan kita ketepikan agama, sambil kita melangkah bersama arus perubahan yang bergolak di depan kita. Pegangan terhadap ajaran-ajaran agama itulah yang akan mengendahkan lagi perubahan dan kemampuan kita menyumbangkan kualiti perubahan.

KOMPAS PERUBAHAN

Inilah juga yang menjadi ramuan atau elemen penting dalam mengangkat daya fikir yang lebih konstruktif dan berdaya saing. Justeru hal sedemikian ini juga menjadi kompas yang memandu perubahan ke arah yang lebih bermakna dan mendatangkan kesan yang sangat mendalam dalam mewujudkan perubahan semasa. Biar apa pun perubahan dan elemen kualiti yang ingin diwujudkan, kekuatan diri yang bersendikan ajaran dan pegangan agama yang teguh akan membentuk kualiti yang lebih bernilai tinggi. Kemampuan berdaya saing juga akan lebih terserlah dan terjaga dari perkara dan elemen-elemen yang merosak perubahan yang dilalui.

Justeru mengangkat daya fikir dengan kekuatan ilmu pengetahuan, kemahiran diri dan kekuatan pegangan agama akan menjadikan kita lebih kuat dan berpengaruh dalam mewujudkan perubahan sekeliling yang lebih bermakna.

Menilai semula ancaman Selesema Burung

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Disember. - Persidangan Menteri-menteri Mengenai Avian dan Pandemik Influenza yang berlangsung di New Delhi antara lain membincangkan penilaian semula ancaman Selesema Burung kepada manusia, laporan 'United Nations Systems Avian Influenza Coordinator' serta kesan-kesan usaha mengawal Selesema Burung dan bagaimana memperbaikinya.

Persidangan dari 4 hingga 6 Disember 2007 itu juga menggubal peta jalan yang boleh digunakan sebagai garis panduan bagi menangani ancaman Selesema Burung dari pelbagai perspektif.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman bersama beberapa orang pegawai kanan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Perdana Menteri India di dalam ucapannya di mesyuarat itu memberikan penekanan terhadap konsep Satu Kesihatan (One Health) yang mengintegrasikan semua aspek bagi kesihatan manusia dan haiwan dalam menangani masalah dan ancaman Selesema Burung dan Pandemik Influenza dengan melibatkan semua 'stakeholders' termasuk 'public-private partnership'.

Respons dan aktiviti-aktiviti pencegahan dan pengawalan juga perlu dirancang dan dilaksanakan bersama bagi mengelakkan duplikasi dan bagi penjimatan sumber kewangan.

Pengarah-pengarah Agung dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pertubuhan Makanan dan Pertanian dan Pertubuhan bagi Kesihatan Haiwan telah sepakat menyelaraskan langkah-langkah utama dalam menangani isu Avian dan Pandemik Influenza memfokus ke arah penglibatan pelbagai sektor selain dari kesihatan dan pertanian, khususnya dalam memastikan 'business continuity' terkawal semasa berlakunya wabak terutamanya bagi perkhidmatan-perkhidmatan utama seperti pengangkutan, perhubungan, tenaga, keselamatan makanan 'food security' dan penguatkuasaan undang-undang.

Persidangan Usahasama Antarabangsa Mengenai Avian dan Pandemik Influenza Kelima (5th Partnership Conference on Avian and Pandemic Influenza) dihadiri oleh lebih dari 600 delegasi dari 105 buah negara termasuk 70 Menteri Kesihatan dan Pertanian.

Persidangan ini juga dihadiri oleh perwakilan dari pertubuhan-pertubuhan antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation), Pertubuhan bagi Kesihatan Makanan dan Pertanian (Food and Agriculture Organisation), Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank), ASEAN Secretariat dan Kesatuan Eropah (European Union).

Dalam usaha mencegah dan mengawal kes-kes Selesema Burung dan Pandemik Influenza di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil pelbagai langkah, antaranya termasuk pengukuhan berterusan sistem surveilans penyakit; penelitian semula rangka perundangan; perkembangan keupayaan teknikal, peralatan dan ubat-ubatan; penyebaran maklumat dan komunikasi wabak dan mempertingkatkan rangkaian kerjasama serantau.

Setakat ini, tidak ada kes penyakit Selesema Burung di kalangan haiwan dan manusia dilaporkan di Negara Brunei Darussalam.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN**

Jawapan soalan Alai Pintar 803 keluaran 28 November 2007, ialah :

Kuih Kekara.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 805

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 805,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 805

1. Apakah nama kuih tempatan ini?

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 803 keluaran 28 November 2007

Masayu Nurul Syamimi Saibah
binti Mohd. Shamrin,
Sekolah Yayasan Sultan Haji
Hassanal Bolkiah.
Umur : 7 tahun

Fakhri Afif bin Abu Bakar,
Sekolah Pertama Tutong.
Umur : 8 tahun

Mohd. Adli Aiman bin Haji Mahari,
Sekolah PDS.
Umur : 7 tahun

"B

ANG sakit badanku ani inda ku tahan rasanya, carikan ku orang pandai menawari dan carikan ku ubat, tolong ku dih."

Masih tergiang-ngiang di telinga kata-kata ini sehingga saat ini. Terasa sungguh segar sekali di ingatanku tiap kali aku teringat kata-kata Allahyarham adikku saat beliau mengadu sakit kepadaku.

Terasa kesal bercampur hiba kerana aku tak dapat memenuhi impiannya untuk sembuh dari penyakit yang dihidapnya. Penyakit kansernya telah merebak ke seluruh anggota tubuh badannya. Bukanlah aku melawan takdir Ilahi cuma entah kenapa aku masih terasa kesal pada diriku setiap kali aku teringatkannya.

Sejak kecil kami memang selalu rapat. Ku akui beliau memang manja padaku. Pernah sekali ketika aku berumur lapan tahun sewaktu pulang dari sekolah, ku dapati beliau tidak ada di rumah. Aku terus bertanya kepada ibu, ternyata adikku dibawa oleh pak cikku kerumahnya yang tidak jauh dari rumah kami.

Setelah mendengar penjelasan ibuku aku terus meronta dengan airmata berli-nangan memaksa ibu mengambil balik adikku. Sebenarnya ibu terlupa untuk mengambil balik adikku kerana sibuk dengan urusan di dapur. Pada kebiasaannya setiap kali aku pulang dari sekolah adikku akan menyambutku dengan penuh keria-ngan tapi kali itu tidak. Begitu juga seba-liknya jika beliau tidak melihat ku sehari beliau akan merasa sedih dan sering bertanya kepada ibu.

Begitulah rapatnya hubungan kami sehinggalah dewasa. Kami tak pernah berenggang jauh cuma setelah beliau mendirikan rumah tangga dan ditugaskan di luar daerah. Namun kami tetap berhubungan melalui telefon dan kadang-kadang tiap hujung minggu kami akan berkumpul di rumah ayah.

Sifatnya memang suka berahsia dan lebih suka mendiamkan diri. Tentang penyakit yang dihidapnya pun sanggup dirahsiakannya, mujurlah isterinya memujuk untuk berjumpa kami sekeluarga dan menasihatkan untuk berjumpa doktor.

Sebenarnya penyakit kanser Allah-yarham adikku ini telah lama dihidapnya namun baru disedarinya setelah setahun lebih ketika pertama kali kami mem-bawanya berjumpa doktor. Pada sangkaan-nya cuma sakit biasa saja.

Alangkah hiba dan terkejutnya kami ketika doktor mengesahkan tentang penyakit yang dihidap oleh Allahyarham adikku ketika itu. Terasa nak pengsan di-buatnya namun ku tabahkan hatiku tamba-han pula mengikut kata doktor harapan untuknya hidup amat tipis sekali.

"Tuan Haji dan anak-anak Tuan Haji, saya selaku doktor yang telah memeriksa anak Tuan Haji dan adik biskita ingin memaklumkan biskita setelah pihak kami melakukan pemeriksaan yang terperinci kami mendapati anak dan adik biskita telah menghidap penyakit kanser dan penyakit ini telah merebak ke seluruh tubuh badan-nya dan harapan untuk hidup amat tipis sekali, namun perlu diingat Tuhanlah yang menentukan segalanya. Saya harap biskita semua tabah menerima berita ini dan pilih-lah waktu yang sesuai untuk memberitahu anak dan adik biskita."

Demikian kata-kata doktor ketika memberitahu kami tentang penyakit yang dihidap oleh Allahyarham adikku.

Apa yang amat menghibakan hatiku setelah kami memberitahu tentang penya-kitnya, Allahyarham masih mampu ter-senyum dan nampak seoloh-olah beliau tidak menghidap sebarang penyakit berba-haya. Malah sepanjang beliau ditahan di rumah sakit beliau masih ceria dan sering

menghiburkan hati kami sekeluarga dengan jenakanya.

Aku dapat merasakan jauh di lubuk hatinya yang amat dalam, sebenarnya beliau merasa sedih sekali namun ditutupinya segala kesedihannya itu, dengan menghi-burkan hati bukan sahaja hatinya malahan hati kami saudara terdekatnya. Inilah yang membuatkan aku terharu dan sering menangis kepiluan mengenangkan sifat dan perjuangannya untuk terus mengharungi kehidupannya.

Begitulah sifat Allahyarham. Kami se-keluarga memang sudah faham benar de-ngan sifatnya yang suka memendam pe-rasaan dan lebih suka menutupi kesedihannya dengan menampakkan keceriaan dan kegembiraan walaupun sebenarnya bukan itu kenyataannya.

Setelah hampir sebulan berada di rumah sakit akhirnya pihak rumah sakit membe-narkan Allahyarham balik ke rumah dan doktor mengatakan penyakit Allahyarham berkurangan dan hanya perlu datang berjumpa doktor mengikut perjanjian yang diberikan.

Berita baik ini sungguh mengembirakan kami sekeluarga dan kami menyam-butnya dengan penuh kesyukuran.

Mulai saat itu hari-hari indah kamialui bersama Allahyarham, gelak ketawa penuh keria-ngan kerana kami menyangka penya-kitnya akan sembuh dan akan menjalani kehidupannya seperti biasa.

Tidak terbayang oleh kami bahawa penyakitnya akan kembali teruk semula kerana mengikut keterangan doktor ada sedikit kemajuan yang menampakkan penyakit Allahyarham beransur pulih.

Namun bak kata pepatah, ku sangka panas sampai ke petang namun hujan di tengah hari. Begitulah nasib Allahyarham setelah lebih kurang dua tahun berulang-alik kerumah sakit akhirnya pihak rumah sakit menyatakan bahawa penyakit Allahyarham semakin teruk dan harapan untuk sembuh amat tipis sekali.

Saat-saat akhir hayat Allahyarham semakin ketara terlihat dengan ketenatan penyakitnya dan keadaan tubuh badannya yang semakin kurus sekali. Apa yang lebih menyedihkan hatiku lagi beliau hanya berbaring di atas katil sepanjang hari dan sering bercerita tentang kisah-kisah lama yang pernah kamialui sekeluarga.

Pernah sekali Allahyarham menyatakan kepada ku tentang kesedihannya dan ingin sekali melihat keluarga kami berkumpul dan ceria seperti dahulu kerana bagi beliau terasa keluarga kami semakin renggang.

"Bang inda ku tahan meliat keluarga



OLEH : SURIYA

Sifatnya memang suka berahsia dan lebih suka mendiamkan diri. Tentang penyakit yang dihidapnya pun sanggup dirahsiakannya, mujurlah isterinya memujuk untuk berjumpa kami sekeluarga dan menasihatkan untuk berjumpa doktor.

katani macam ani, aku mau macam dulu ani bejumpa katani jarang, kadang-kadang beselisih faham lagi tu."

Ketika mendengar luahan hatinya ini hatiku merasa terharu sekali sehingga aku tak dapat menahan sebak di dada, apa tidaknya dalam keadaan sakitnya Allah-yarham masih memikirkan hal keluarga.

Aku cuba meyakinkan Allahyarham, keluarga kami masih seperti dahulu cuma disebabkan kesibukan masing-masing dengan kerja dan anak-anak masa untuk berkumpul jadi terbatas.

Sebenarnya kami sekeluarga tidak pernah berputus asa, kami terus-menerus berusaha termasuklah berubat secara tradi-sional dan membeli ubat-ubatan yang di khabarkan pernah menyembuhkan penyakit yang sama dihidap oleh Allahyarham.

Namun Tuhan lebih menyayanginya dan kami pasrah atas segalanya kerana ianya mungkin lebih baik dan penderitaan yang ditanggung Allahyarham sudah berakhir.

Pemergiannya menemui Sang Pencipta amat terasa sekali namun apakan daya. Semoga Allahyarham tenang di sana dan semoga mendapat rahmat dari-Nya.

Kini hanya kenangan indah dan kena-ngan hiba sewaktu sakitnya masih bermain di fikiranku. Aku masih terharu dengan perjuangannya tambahan pula bila ku terke-nang akan kata-katanya.

Aku tetap reda dengan pemergiannya walau ku akui hatiku amat pilu sekali dengan sebuah perpisahan ini. Namun kutahu inilah yang terbaik baginya dan Tuhan lebih menyayanginya.

Al-Faatihah ...

S
E
B
U
A
H

P
E
R
P
I
S
A
H
A
N

SEBENARNYA kami sekeluarga tidak pernah berputus asa, kami terus-menerus berusaha termasuklah berubat secara tradisonal dan membeli ubat-ubatan yang dikhabarkan pernah menyembuhkan penyakit yang sama dihidap oleh Allahyarham.





Diterbitkan dengan kerjasama
Dewan Bahasa dan Pustaka

ISTILAH PERGIGIAN : OPERATIF

BAHASA INGGERIS

abfraction
abrade
abrasion
abrasion resistance
abrasive
abutment tooth
acid dissolution
acid etch
acid etch technique
acid factor
acid pickling
acrylic facing
acrylic shell method
acute pulpitis
air abrasion
air abrasive machine
amalgam capsule
amalgam carrier
amalgam ditching
amalgam restoration
amalgamation
amalgamator
amelo-cemental junction
amelo-dentinal junction
arrested caries
arrested lesion
articulating paper
attrition
axial wall
axio-pulpal line angle
balanced occlusion
balancing side
balancing contact
band remover
belt driven engine
bevel
bicuspids
biometallic strip
bite analysis
biting strength
bond failure
bonded laminate veneer
restoration
bulbous
bullet shape bur
bur
bur stand
burnisher
carburetor disc
caries detector
caries free
caries lesion
caries pulp exposure

carver
cavity bevel
cavity floor
cavity liner
cavity lining
cavity preparation
cavity toilet
cavity varnish
cavo-surface angle
celluloid strip
cementation
cementation failure
cemented pin
cervical margin
cervical matrix
cervical third
chamfer margin
chisel
class I cavity
class II cavity
class III cavity
class IV cavity
class V cavity
clinical crown
cold test
composite facing
condensation of amalgam
condenser
conservative
contact area
contact point
convenience form
conventional technique
countersink
cracked tooth syndrome
creep (amalgam)
cross-cut bur

BAHASA MELAYU

abfraksi
lelas
lelasan
ketahanan lelasan
bahan lelas; bahan pelepas
gigi topang
pelarutan asid
punaran asid/etsa asid
teknik beretsa asid
faktor asid
pencelupasan
permukaan akrilik
kaedah cengkerang akrilik
pulpitis akut
lelasan udara
mesin lelasan udara
kapsul amalgam
pembawa amalgam
sumpak amalgam
restorasi amalgam
pengamalgaman
amalgamator
temuan amelo-simentum
temuan amelo-dentin
karies terkawal
lesi terkawal
kertas artikulat
hakisan
dinding aksial
sudut garisan aksio-pulpa
oklusi seimbang
bahagian pengimbang
sentuhan pengimbang
alat penanggalan gelung
enjin penanggalan gelung
serong
gerham kecil
kepingan dwilogam
analisis gigitan
kekuatan gigitan
kegagalan ikatan
restorasi venir berlapis
berkaries
berbulat
bur bentuk peluru
bur
peletak bur
penggilap
cakera karborundum
pengesan karies
bebas karies
lesi berkaries
pendedahan pulpa
berkaries
alat ukir/alat pengukir
serong kaviti
lantai kaviti
pelapik kaviti
pelapikan kaviti
penyediaan kaviti
pembersihan kaviti
varnis kaviti
sudut kavo-permukaan
kepingan seluloid
penyimenan
kegagalan penyimenan
pin tersimen
pinggir servikal
matriks servikal
sepertiga servikal
pinggir samfer
pahat
kaviti kelas I
kaviti kelas II
kaviti kelas III
kaviti kelas IV
kaviti kelas V
korona klinikal
ujian sejuk
lapisan muka
pematatan amalgam
kondenser; pematat
konservatif
kawasan sentuhan
titik sentuhan
bentuk mudah
teknik konvensional
kauntersink
sindrom gigi retak
jalar
bur kerat silang

Bersambung

Halaman Puisi ... Halaman Puisi ...

HARAPAN

Ilmu
kau datang
cuma satu ku pinta
biarlah kau kekal
selamanya.

Segulung ijazah sejuta harapan
harapan ku tinggi menggumung
ingin melihat kejayaan bersinar
di mata ibu dan bapa itulah kegemilangan
kegemilangan yang tidak terhingga.

Jasa mu terlalu banyak
untuk ku balas ini saja cara ku
ku harap masih belum terlambat
ku harap kamu sedia menunggu
akan ku beri segalanya untuk mu.

Ku sedar ku aku
ilmu di dada belum mencukupi
ku sedar ku aku
itu bukan satu alasan
itu hakikat kenyataan hidup ku.

Selagi ada hayat dikandung badan
aku akan berusaha mencari ilmu
ku sedar ku aku
ilmu tidak datang dengan sendirinya
putus asa bukan prinsip ku
jauhkan ia dari diri ku.

PULAU KEHIDUPAN

Hidup gembira sedih suka duka itulah
hidup ku
penderitaan hidup yang ku alami
tiada siapa yang peduli ku mencari-cari sinar
sinar yang bercahaya belum ku temui.

Siapa? Bila? Di mana? Tidak ku mengetahui
ku sangka cahaya rupanya mendung
mendung di siang hari kenapa? Mengapa?
tidak ku mengerti sampai bila begini.

Selagi itu ku genggam bara di jiwa
derita sengsara perit pahit kehidupan
ku laui arus terumbang-ambing
kecundang sendirian
jatuh bangun ku sendiri perjuangkan.

Lantas ku berjanji pada diri ku
cahaya pasti cuma ketikanya belum ku pasti
ku reda ku pasrah tetapi tidak sesekali
putus asa.
hidup perlu ku teruskan
kekuatan hanya ada pada diri ku sendiri.

Balqis Basyarah

JALAN RAYA INI

Jalan raya ini
telah habis lenggang-lenggoknya
menguntur menghentak kenderaan
batu-batu kasar
batu-batu besar
sebesar buah bumbungan
sudah hilang terkambus ditimbus
hingar-bingarnya suara-suara
orang-orang India dan Thailand
membelah belantara ini
di depan rumah kebun ku ini
jalan raya ini mulai gerini.

Jalan raya ini dibubuh tar yang hitam
sama hitam dengan orang India
yang membuat jalan raya ini
ini berlaku awal tahun 2004
seperti kata nenek ku 100 tahun dahulu
'di sini ada jalan raya suatu hari nanti'
orang mendengar lalu takidum
nyanyuknya orang tua ini
mana mungkin di hutan belantara
jalan raya akan menjelma di sini
sekarang nostalgia bibir tekidum
bertukar senyum kerianan
kenapa apa?
apa yang diangan apa yang dibilang
datang bersama angin
datang bersama hujan
datang bersama salam
mengetuk pintu kehidupan zaman sekarang
cuma yang belum datang
kesedaran dalam mengubah harus fikiran
mengubah cara kehidupan masyarakat silam
yang masih mendalam.

Jalan raya sudah terbentang
kereta pun lalu-lalang tidak terbilang
menderu seperti terbangnya si burung helang
senyum dan ketawa berhati girang
senangnya hidup masa sekarang
makanya kesedaran pun turut melayang.

Jalan raya ini lambang kemajuan
membuka minda masyarakat pedalaman
bekerja keras menambahkan pendapatan
tanahnya subur tanamlah gulayan
padi, jagung, ubi keladi semua menjadi

tinggal ganya ikhtiar sendiri
semangat yang tinggi mesti dimiliki
barulah menjadi masyarakat terpuji
hidup berdiri di kaki sendiri.

Hai pemimpin di sini
hai orang-orang di sini
apa wawasan untuk didaki
langkahkanlah kaki mu
bersama anak dan bini
bersama angin
bersama hujan.

Sekali air bah
sekali pantai berubah.

Cara hidup mesti diubah
fikirannya mesti diubah
letakkan di atas kubah.

K. Manis

SELAGI BERNAFAS (Istimewa untuk : Hmz melayan tidak jemu-jemu menerus usaha)

Tiada kehairanan betapa hidup ini menulus
tergantung pada cahaya kepercayaan
yang engkau miliki harum wangi
semerbak hening roh
dan jasmari!

Antara kita danau jernih muhibah indah
berpanjangan putih hatinya terkaut
menjawab masalah rimbun jitu
kasih dalam hati murni
menyatukan segala
ikhlas tunggak
di dalam
hati!

Janji mu tiadakan berganjak sejengkal pun
tentang benda dan alam bebas ini
menyinar suatu pertanda
engkaulah penegak
kebenaran dan
kejujuran!

Aku yakinlah pada bumi dunia segala atas
kita pun berjabatlah alamat kasih
sebuah empangan tinggi jenjang
berpandangan mesra
di kala engkau
telah ikrar
tulus setia
satu masa
suatu
tempat!

